


**Jilid II
Bil. 31**



**Hari Khamis
23hb Oktober, 1980**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT
*HOUSE OF REPRESENTATIVES***

**PARLIMEN KELIMA
*Fifth Parliament***

**PENGGAL KEDUA
*Second Session***

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4007]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1981 [Ruangan 4044]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1981 [Ruangan 4045]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK P.N.B.S. (Kanowit).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, PUAN CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K., (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIYUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR, A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).

Yang Berhormat DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).

„ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).

„ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).

„ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).

„ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

„ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungei Besi).

„ DR CHEN MAN HIN (Seremban).

„ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

„ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

„ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).

„ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).

„ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).

„ TUAN V. DAVID (Damansara).

„ TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).

„ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).

„ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).

„ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).

„ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

„ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).

„ TUAN HAJI HASHIM BIN ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).

„ TUAN HAJI HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).

„ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).

„ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).

„ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).

„ DATO' HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).

„ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).

„ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).

„ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).

„ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).

„ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).

„ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).

„ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).

„ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).

„ TUAN MARK KODING (Kinabalu).

„ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

Yang Berhormat. TUAN LEE KAW (Kluang).

- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- ” DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- ” TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- ” TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- ” TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- ” TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ” DATO' NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N., (Kuala Nerus).
- ” DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- ” TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- ” TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- ” TUAN P. PATTO (Menglembu).
- ” TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- ” DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- ” TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- ” PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I. (Semerah).
- ” TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).

- Yang Berhormat TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD.
JANI, D.P.M.J., P.I.S. B.S.I., (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 23hb Oktober, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

CREDIT GUARANTEE CORPORA-
TION—PERANAN BANK-BANK

1. **Tuan Lee Kaw** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bank-bank yang dimiliki oleh orang-orang asing yang ada di Malaysia enggan untuk melibatkan diri sepenuhnya dalam skim Credit Guarantee Corporation kerana bagi mereka skim tersebut merupakan "Certainly Gone Case"; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menyakinkan bank-bank tersebut tentang viability skim tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar untuk mengatakan bahawa bank-bank asing enggan menyertai Skim Pinjaman anjuran Syarikat Jam'nan Kredit. Sebagai buktinya, berdasarkan perangkaan pinjaman yang diluluskan di bawah Skim ini pada akhir bulan Julai, 1980 yang berjumlah \$826.7 juta yang melibatkan 77,211 peminjam, 36% daripada jumlah pinjaman tersebut adalah disumbangkan oleh bank-bank asing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukacita saya memaklumkan di sini bahawa bagi menggalakkan lagi penyertaan bank-bank perdagangan sama ada tempatan atau asing, Kerajaan telah merangka Skim Pinjaman Khas sepertimana yang telah diumumkan di dalam Ucapan Belanjawan pada 17hb Oktober, 1980 yang lalu.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu daripada Timbalan Menteri berkenaan adakah beliau sedar banyak bank sehingga hari ini tidak memproses permohonan pinjaman di bawah CGC oleh kerana beliau berkata banyak kes CGC loan ini, orang-orang yang meminjam di bawah CGC tidak membayar balik kepada bank. Sebab itu bank beri red tape dan bank menggunakan nama CGC bukanlah satu Credit Guarantee Corporation tetapi "Certainly Gone Case".

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apakah soalnya?

Tuan Lee Kaw: Soalnya, bank sehingga hari ini di seluruh Malaysia tidak entertain CGC dan saya harap Timbalan Menteri....

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak apa, sudahlah!

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya nyatakan dalam jawapan saya tadi ialah bahawa setakat bulan Julai 1980 pinjaman sebanyak \$826.7 juta telahpun dikeluarkan melalui skim ini dan untuk memberi galakan yang lebih satu skim pinjaman khas telahpun diumumkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawan.

Tuan Hussein bin Mahmood: Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan puas hati dengan kerjasama yang diberikan oleh pihak bank-bank asing mengenai Skim Credit Guarantee Corporation.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, ya.

HUKUMAN GANTUNG HINGGA MATI

2. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramaiakah orang-orang yang telah dihukum gantung hingga mati sekarang ini masih tidak dijalankan hukuman, dan apakah sebab-sebabnya hukuman itu dilengahkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini masih terdapat seramai 62 orang banduan-banduan dan banduanita yang masih belum lagi menjalani hukuman gantung kerana masih menunggu keputusan rayuan mereka ke Mahkamah Persekutuan ataupun keputusan dari Jemaah Pengampunan yang berkenaan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah sesuatu undang-undang yang menentukan berapa lama mesti disimpan seseorang itu baru hukuman gantung dapat dijalankan setelah rayuan itu selesai dibuat dan antara yang dijalankan hukuman gantung itu berapa orang di antaranya perempuan dan apa kesalahan yang dilakukannya.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, had masanya tidak ada. Hukuman itu hanya dijalankan selepas mendapat keputusan daripada Mahkamah Persekutuan dan Jemaah Pengampunan di atas rayuan dari pesalah-pesalah itu. Dan daripada 62 orang yang dihukum mati ini ada seorang wanita.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada lazimnya berapa lamakah seseorang itu disimpan sebelum ianya dihukum gantung, kiranya tidak ada rayuan ataupun tidak ada kes menunggu keputusan-keputusan yang selanjutnya selepas daripada itu sama ada keputusan terpaksa dibicarakan kembali ataupun dari segi pihak Jemaah Pengampunan?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan yang pertama tadi itu telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, jadi kalau boleh Yang Berhormat hendak tanya yang mana? Yang mula tadi berapa lama

disimpan, itu sudah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi soalan yang mana yang hendak dikemukakan itu tadi?

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya berapa lamakah pada lazimnya seseorang itu akan dikenakan hukuman gantung setelah disabit oleh mahkamah salah dan dikenakan hukum gantung kecuali seseorang itu sedang menunggu keputusan rayuan ataupun keputusan daripada Jemaah Pengampunan Negara.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, dalam kes hukuman mati ini rayuan adalah secara automatik; sama ada pesalah itu minta ataupun tidak, rayuan itu pergi dengan sendirinya.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada 62 orang yang sedang menunggu itu bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberi angka-angka menurut kes.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu soalan lain. Yang Berhormat dari Telok Anson.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya bolehkah Kerajaan menjalankan gantungan itu tanpa mengumumkan kerana terdapat pihak-pihak tertentu hanya menggunakan kejadian-kejadian itu untuk mencari keuntungan politik sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan ini tidak berapa terang, tolong bangun dan terangkan balik soalan ini—tidak berapa terang tadi, saya pun tidak berapa dengar soalan ini.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Kerajaan menjalankan gantungan itu tanpa mengumumkan dalam suratkhbar, misalnya, oleh kerana kejadian itu telah pun membolehkan pihak-pihak tertentu mencari keuntungan politik sahaja.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan lain.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada

22 orang yang masih ditahan dan tidak dijalankan hukuman gantung itu berapa di antaranya yang terlibat dengan dadah dan apakah kesalahan seorang wanita yang masih lagi tidak digantung.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Inipun luar daripada soalan asal.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan itu ada berkait.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Nanti dahulu Yang Berhormat, saya ingat tadi luar daripada tajuk soalan yang asal, tetapi kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak jawab?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Kesalahan mengenai dengan dadah ialah 10 orang dan wanita yang dihukum mati itu ialah bersabit dengan kesalahan dadah.

Tuan Karpal Sing: Tuan Speaker, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri memberitahu kepada Dewan yang mulia ini berapa orang di bawah hukuman gantung ada terlibat dalam kes-kes ISA dan berapa yang sudah diampun. Bolehkah beri bilangan atas perkara ini?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, mereka yang terlibat dengan kes Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) ialah 46 orang dan dari 46 orang ini 30 orang masih menunggu keputusan daripada Jemaah Pengampunan.

Tuan P. Patto: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa ada 62 orang banduan, 46 dikatakan terlibat dalam kes-kes ISA, 10 dadah, yang baki 6 orang itu apakah penglibatan dan kesalahan mereka yang menyebabkan hukum gantung mati.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, dua daripadanya ialah kerana memiliki senjatapi di bawah Akta Senjatapi dan empat kerana kesalahan membunuh, dan di sini saya suka tambah sedikit, Tuan Yang di-Pertua, 46 orang di bawah ISA yang saya kata tadi ialah kesalahan kerana memiliki senjatapi dan discharged di bawah ISA.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menerangkan terdapat orang-orang yang sudah dihukum oleh mahkamah, tetapi belum dapat dilaksanakan dengan sebab menunggu pengampunan. Apa yang saya tahu seumpama kes Botak Chin tidakpun meminta rayuan dan kenapakah belum lagi digantung?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kes itu belum selesai lagi.

KEWARGANEGARAAN PERMOHONAN DALAM BORANG 'G'

3. **Dato' Michael Chen Wing Sun** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan dalam keadaan biasa berapa lamakah boleh seorang pemohon dalam Borang G mendapat Sijil Warganegara.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat tidak ada masa yang dihadkan untuk memproses sesuatu permohonan kewarganegaraan kerana tiap-tiap permohonan perlu dikaji dengan teliti untuk menentukan yang pemohon mempunyai kelayakan-kelayakan seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan termasuklah pemohon dalam Borang 'G'. Oleh itu masa yang diambil untuk memproses sesuatu permohonan itu tidaklah lebih dari tempoh yang diperlukan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa tidak ada masa ditetapkan oleh kerana setiap permohonan hendak dikaji dengan begitu teliti, tetapi di sini saya suka tanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri sedar bahawa ada kes-kes di mana si pemohon itu telah menunggu 6 hingga 8 tahun tetapi belum mendapat apa-apa keputusan daripada Kementerian yang berkenaan dan saya sendiri pun ada

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jadi apa soalnya?

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahannya ialah adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar dengan kes ini, dan jika ada, adakah ini bermakna bahawa Jabatan yang berkenaan adalah tidak efficient untuk menguruskan permohonan itu?

Tuan Sanusi bin Junid: Adalah perlu diingatkan bahawa menjadi warganegara dengan cara mengisi Borang 'G' bukanlah satu hak tetapi bergantung kepada budibicara. Bertambah efficientnya Jabatan Pendaftaran bertambah telitinya mereka maka proses ini menjadi bertambah lambat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sejak merdeka hingga ke hari ini dari 2,365,478 permohonan 2,343,185 permohonan telah selesai dan hanya 22,293 permohonan sahaja yang belum selesai sehingga 31hb Oktober, 1979. Dari jumlah ini 2,247 orang sahaja yang masih belum selesai permohonan mereka di bawah permohonan menggunakan Borang 'G'. Oleh itu saya menolak dakwaan Yang Berhormat bahawa kami tidak efficient.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Speaker, soalan tambahan. Memang ini bukanlah merupakan satu hak bagi seseorang untuk menuntut kerakyatannya, tetapi adakah Timbalan Menteri sedar bahawa ramai permohonan telah melebihi 8 atau 10 tahun khususnya dalam kes Form 'G' itu. Maka adakah Kerajaan akan mempertimbang dari segi perikemanusiaan untuk mewujudkan satu dasar yang berperikemanusiaan untuk meluluskan permohonan-permohonan dari mereka yang tinggal di sini sudah lama dan juga berkelakuan baik.

Tuan Sanusi bin Junid: Tidak ada ketidakberperikemanusiaan dalam urusan meneliti permohonan yang memakan jangka masa yang lama. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada 22,293 orang yang masih belum mendapat kewarganegaraan yang telah membuat permohonan hanya 3.8% sahaja yang memakan masa lebih 10 tahun; 19.57% yang memakan masa di antara 7 hingga 10 tahun; 14.64% yang memakan masa di antara 5 hingga 7 tahun; 32.71% di antara 2 dan 5 tahun; 30% di antara 2 hingga 5 tahun. Oleh itu, pihak Kementerian akan menjalankan tugasnya seperti sekarang dan tidak ada kezaliman dalam hal ini sehingga Ahli Yang Berhormat berpendapat bahawa tindakan begini tidak berperikemanusiaan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri oleh kerana mendapat kewarganegaraan ini tidak semudah membeli tiket wayang, adakah 5-6 tahun dan juga 7-8 tahun pemohon yang menunggu itu merupakan pemohon yang tidak layak dan untuk memendekkan masa menunggu, adakah Kementerian bercadang menolak sahaja permohonan mereka itu?

Tuan Sanusi bin Junid: Itu hanya pendapat Ahli Yang Berhormat sahaja, tetapi pihak Kementerian akan menjalankan kerjanya sebagaimana sekarang.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa permohonan-permohonan kewarganegaraan itu akan diluluskan mengikut budi bicara tetapi beliau tidak menyebut budi bicara siapa.

Soalan tambahan saya yang kedua ialah adakah beliau sedar bahawa ada kalanya kes-kes di mana permohonan dibuat di bawah Borang G dan mereka lulus di semua peringkat melainkan peringkat yang dikatakan peringkat akhir. Apakah peringkat akhir itu, sama ada peringkat akhir itu penggunaan budi bicara ini dan sekiranya itu yang peringkat akhir, siapa yang menggunakannya?

Tuan Sanusi bin Junid: Budi bicara Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, bahagian kedua belum dijawab!

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi sudah jawab.

Tuan P. Patto: Beliau sebut hanya Menteri yang menggunakan budi bicara. Sama ada beliau sedar tentang kes-kes ini?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya anggap tadi soalan Yang Berhormat cuma satu sahaja, sebab yang pertama tadi itu cuma membuat satu kenyataan. Jadi kalau begitu soalan yang kedua boleh dikemukakan kemudian. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Speaker, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab Kerajaan tidak akan timbang dari segi peri kemanusiaan. Maka bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini bagaimanakah Kerajaan akan bertindak untuk mengatasi masalah-masalah permohonan yang telah ditolak bertahun-tahun atau mereka akan ditempatkan selama-lamanya di Malaysia atau bagaimana caranya untuk mengatasi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan ini ialah berapa lamakah boleh seorang pemohon dalam Borang G mendapat Sijil Warganegara, bukan soal bagaimana.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Speaker, saya hanya membuat satu soalan tambahan atas jawapan yang dibuat oleh Timbalan Menteri.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tumpukan kepada soalan asal!

Tuan Chan Teck Chan: Jika pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak mahu menghadkan satu masa yang tertentu untuk meluluskan atau menolak sesuatu permohonan maka dengan jumlah yang begitu ramainya pemohon-pemohon yang sudah merayu beberapa kali masih tidak dapat diputuskan, maka apakah cara keputusan akan diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah peri kemanusiaan itu?

Tuan Sanusi bin Junid: Soal mendapat kerakyatan sebagaimana saya katakan tadi di bawah Borang G ini bukanlah satu hak. Oleh kerana yang bergantung kepada budi bicara bukanlah caranya untuk mendapat budi bicara dengan cara mendesak dan jumlah yang saya katakan tadi adalah jumlah yang tidak ramai dan saya yakin dalam masa yang singkat perkara ini dapat diselesaikan. Walau bagaimanapun, menjadi warganegara sesebuah negara bukanlah satu perkara yang kecil dan dengan ternampaknya begitu ramai yang mahu menjadi warganegara bererti lah negara ini dalam keadaan yang begitu digemari orang menjadi warganegara. Oleh itu, jangka masa 10 ataupun 15 tahun tidak merupakan jangka masa yang lama, lebih-lebih lagi ada orang yang hidup dalam negara lain yang sampai mati tidak pernah jadi warganegara (*Tepuk*).

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada salah satu sebab mengapa permohonan-permohonan ini mengambil masa begitu lama ialah kerana permohonan ini tidak lengkap, ada kalanya tidak mempunyai surat beranak dan sebagainya dan sama ada di antara mereka yang lama menunggu ini terdiri daripada mereka yang telah beberapa kali gagal dalam ujian lisan Bahasa Malaysia.

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, itu juga salah satu daripada sebab-sebabnya.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada salah satu daripada kelambatan atau tempoh masa yang diambil begitu panjang itu adalah disebabkan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sendiri yang dikatakan menggunakan budi bicara, sama ada benar bahawa Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tidak mahu meneliti setiap permohonan supaya ia menggunakan budi bicaranya. Sama ada itu benar dan kalau tidak benar, berapa kalikah dalam sebulan beliau meneliti borang-borang permohonan itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu soal berkenaan dengan pendapat, saya tidak izinkan. Ini soal pendapat tidak boleh, asking for opinion tidak boleh!

Tuan P. Patto: Saya tanya sama ada benar. . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau begitu tolong tanya betul-betul tepat.

Tuan P. Patto: Ya, tepat betul.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Cuba tanya balik.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, sama ada benar bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri enggan menimbangkan borang-borang permohonan dari dalam Borang G dan sama ada ini menyebabkan kelambatan untuk pertimbangan bagi setiap permohonan kewarganegaraan dalam Borang G.

Tuan Sanusi bin Junid: Tidak ada soal mahu atau tidak mahu, kerana mahu atau tidak mahu berkait dengan perasaan. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri melaksanakan tugasnya di dalam batasan undang-undang dan Perlembagaan yang ada.

Tuan Haji Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri bila seseorang memohon melalui Borang G adakah menjadi wajib Kerajaan menerima permohonan itu.

Tuan Sanusi bin Junid: Memohon kerak-yatan di bawah Borang G bukan hak.

Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut lebih 2 juta telahpun diluluskan menjadi warganegara, dan ada sebahagian daripadanya didapati sungguhpun ada ujian lisan . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong pendekkan sahaja ucapan dan terus tanya soalnya.

Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada sebahagian daripada mereka yang telah diluluskan lebih 2 juta yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, didapati mereka tidak boleh bercakap di dalam Bahasa Malaysia padahal diadakan ujian lisan untuk mendapatkannya. Adakah mereka yang seperti ini dicadangkan supaya dikaji semula kewarganegaraan mereka.

Tuan Sanusi bin Junid: Itu soalan lain.

Tuan P. Patto: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah garis-garis panduan yang digunakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam menggunakan budi bicaranya supaya meluluskan atau menolak satu-satu permohonan dalam Borang G.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, garis panduan tidak kena-mengena dengan soal lama masa, jadi saya tidak benarkan soalan ini.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri berkata budi bicara yang akan memutuskan sama ada ia akan ditolak, dilambat atau diluluskan, jadi saya cuma hendak tahu

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soal budi bicara tadi dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ada kaitannya dengan soal lama, tetapi hendak menggunakan masa untuk bertanya pula soal berdasarkan budi bicaranya, itu tidak berkaitan dengan soalan asal.

Puan Shariffah Dorah binti Mohamed: Soalan tambahan. Di Brunei setelah seseorang itu tinggal di negeri itu selama 25 tahun, barulah beliau layak diberikan pertimbangan menjadi warganegara, itupun melalui ujian bahasa. Adakah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bercadang hendak mengenakan peraturan jangka masa 25 tahun bagi seseorang itu mendapatkan kewarganegaraan.

Tuan Sanusi bin Junid: Kita akan berpegang kepada peraturan dan undang-undang yang ada sekarang ini.

BEKALAN AIR DI KAWASAN SILAM

4. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kekurangan air di kawasan Parlimen Silam telah menyebabkan kesulitan kepada penduduk-penduduk di sana dan pihak Bomba tidak dapat menjalankan tugas dengan cekap sehinggakan dalam dua kes kebakaran apinya tidak dapat dikawal dan jika ya, sama ada Kerajaan akan membuat peruntukan yang lebih kepada Kerajaan Negeri untuk projek jangka panjang berkaitan dengan bekalan air.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedar bahawa kekurangan air di kawasan Parlimen Silam telah menyebabkan kesulitan. Semenjak tahun 1976 hingga sekarang Kerajaan telah membelanjakan kira-kira \$1 juta untuk membaiki bekalan air di Lahat Datu termasuk dalam kawasan Silam. Sebuah stesen pam yang mempunyai muatan 1 juta gelen sehari baru sahaja siap dibina. Di samping itu kajian kejuruteraan iaitu detail engineering bagi pertambahan skim bekalan air sebanyak 2 juta gelen sehari akan disiapkan pada awal tahun 1981 dan tender bagi pembinaannya akan dipanggil pada awal tahun 1981 juga.

Dengan perluasan skim ini pada tahun 1983 bekalan air yang secukupnya akan dapat diadakan dan ini akan diperluaskan juga ke kawasan Silam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, di bawah Rancangan Malaysia Keempat sebanyak \$14 juta dirancangkan untuk diperuntukkan bagi pembesaran projek bekalan air Lahat Datu. Berkenaan dengan projek bekalan air di Sempurna projek membina ampuangan telahpun ditawarkan dan pembinaan dijangka bermula pada awal tahun 1981. Loji penapisan air untuk sejuta gelen akan ditender tidak lama lagi. Harga projek ialah \$10 juta dan akan mengambil masa selama 2½ tahun untuk menyiapkan. Pekan Kunak akan mendapat bekalan air dua kali ganda daripada sekarang dalam tempoh dua tahun. Projek ini sedang ditawarkan dan diharapkan akan siap dalam tempoh dua tahun.

Selain daripada Kunak juga akan dapat bekalan air yang lebih baik apabila satu projek sebanyak \$5 juta siap dibina pada penghujung Rancangan Malaysia Keempat.

KEKURANGAN GULA/MINYAK TANAH/PETROL/DIESEL

5. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejak berlakunya kekurangan gula, minyak tanah/petrol/diesel dan mancis yang dilakukan oleh penyorok-penyorok, berapakah jumlah tangkapan telah dilakukan di tiap-tiap negeri di seluruh negara jumlah hasil yang dikutip oleh Kerajaan dari denda dan sama ada penalti yang lebih berat telah dikenakan terhadap mereka yang dianggap sebagai musuh negara dan apakah sambutan orang ramai terhadap kempen menyorok barang-barang yang dilancarkan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tindakan yang diambil oleh Kementerian saya terhadap mereka yang melakukan amalan menyorok dan lain-lain amalan curang dan penyelewengan mengenai barang-barang kawalan seperti gula, minyak tanah/petrol/diesel dan mancis adalah dilaksanakan di bawah bidangkuasa Akta Kawalan Bekalan 1961.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di sepanjang tahun 1980 yang berakhir pada 31hb Ogos, sejumlah 97 tangkapan di bawah

Akta tersebut telah dilakukan dan perkara-perkara yang bersangkutan dengannya bagi tiap-tiap negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Gula Pasir</i>	<i>M/Tanah</i>	<i>Petrol/Diesel</i>
Kedah ...	1	—	7
P. Pinang ...	1	—	2
Perak ...	8	1	9
Selangor ...	1	2	4
N. Sembilan ...	—	—	4
Melaka ...	—	—	1
Johor ...	1	1	4
Pahang ...	—	—	4
Trengganu ...	2	1	8
Kelantan ...	13	—	6
Sabah ...	5	1	3
Sarawak ...	4	—	3
Jumlah ...	36	6	55

Bilangan kes yang telah diambil tindakan mengenai dengan mancis adalah sebanyak 2 kes yang melibatkan syarikat-syarikat pengeluaran. Tindakan ini dijalankan di bawah peruntukan Akta Perihal Dagangan 1972 di mana syarikat pengeluaran yang berkenaan telah didapati memberikan satu perihal dagangan palsu ke atas mancis yang dikeluarkan oleh syarikatnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah denda yang telah dikenakan sepanjang tahun 1980 (hingga Ogos 80) adalah sebanyak \$120,350. Mengenai dengan denda, undang-undang yang berkenaan memperuntukkan denda-denda maksima sebanyak \$15,000 atau 2 tahun penjara untuk kesalahan pertama dan \$25,000 atau 5 tahun penjara bagi kesalahan yang berikutnya atau kedua-duanya sekali bagi orang perseorangan dan \$25,000 bagi kesalahan yang pertama dan \$50,000 untuk berikutnya bagi syarikat-syarikat yang didaftarkan. Dalam hubungan ini perlu ditegaskan bahawa kuasa untuk menjatuhkan hukuman atau merampas barang-barang yang terlibat dalam kes-kes adalah merupakan kuasa mutlak mahkamah. Sukacita saya memaklumkan bahawa Kementerian saya kini tidak bercadang untuk meninggikan denda di bawah Akta tersebut kerana denda yang sedia ada adalah memadai untuk menghalang mereka yang melakukan

kesalahan. Walau bagaimanapun, Kementerian saya tidak akan teragak-agak untuk meninggikan denda itu sekiranya kegiatan tersebut bertambah leluasa.

Mengenai kempen-kempen yang dijalankan oleh Kerajaan untuk mencegah penyorokan dan lain-lain amalan perniagaan yang curang, sambutan yang diberikan oleh orang ramai adalah amat menggalakkan. Adalah diharapkan supaya sambutan seperti ini diteruskan agar masalah yang dihadapi dapat diselesaikan dengan segera.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sejauh ini berapa orangkah peniaga-peniaga yang didapati sabit kesalahannya menyorok barang-barang keperluan ini telah dihukum dengan hukuman maksima.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, ini saya belum ada kenyataan yang tepat. Kalau diberi notis, boleh saya beri jawapan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan kempen ada dijalankan oleh pihak Kementerian untuk mencegah masalah penyorokan. Di sini bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini berkenaan dengan apakah jenis kempen-kempen dan sama ada kempen-kempen itu melibatkan kesatuan pengguna di dalam perkara untuk mengatasi masalah penyorokan.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, kempen anti sorok ini dijalankan sudah beberapa tahun dan kita pun telah dari masa ke semasa mendapati laporan atas apa-apa amalan curang terhadap para peniaga dan apabila laporan itu diterima pegawai Kementerian saya terus mengambil tindakan dan di Majlis Penasihat Pengguna-pengguna Kebangsaan perkara ini telahpun ada dibincangkan yang mana kita meminta Pesatuan Pengguna memberi sokongan yang penuh, memberi kerjasama yang rapi supaya amalan-amalan ini dapat dihapuskan.

Tuan Mohamed Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri

sama ada beliau sedar bahawa hari ini denda-denda yang dikenakan kepada mereka yang telah menjalankan operasi menyorok ini tidak berapa memberi kesan. Oleh itu saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau bercadang di masa-masa akan datang misalnya dikenakan satu zon kawalan kepada negeri-negeri yang mana didapati berkurangan gula, minyak tanah dan sebagainya dan barang siapa didapati menyorok di kawasan-kawasan yang telah dikenakan zon kawalan ini mereka yang ditangkap tidak akan didenda tetapi dihukum penjara.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, bagi setengah barang, kalau didapati kegiatan penyorokan ataupun apa-apa amalan curang berlaku bertambah-tambah, Kementerian ada kuasa untuk mengisytiharkan satu zon sebagai zon kawalan ataupun zon khas yang mana tindakan boleh diambil. Tetapi pada masa sekarang Kementerian saya tidak sangka mengambil tindakan seperti itu dan kita cuma memperhebatkan penyiasatan khususnya di kawasan yang bersempadan yang mana ada bukan sahaja sorok tetapi penyeludupan yang selalu berlaku.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Soalan tambahan. Mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri baru sekejap tadi, dari semua kes itu terdapat 36 kes menyorok gula pasir. Dari 36 kes semuanya terdapat 13 kes dari negeri Kelantan. Ini merupakan lebih kurang 30%. Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah sebab yang berlaku begitu tinggi sekali peratus kes ini di negeri Kelantan dan apakah jalan untuk mengatasinya pada masa akan datang.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, ini 13 kes daripada jumlah 35 ialah kes berkenaan dengan gula pasir yang mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum di Thailand yang bersempadan itu harganya lebih tinggi. Jadi amalan penyeludupan terus berlaku dan sungguhpun saya tidak ada kenyataan yang tepat, yang 13 kes itu tetapi saya fikir kebanyakan itu kes penyeludupan. Seperti saya katakan tadi Unit Mencegah Penyeludupan pun telah mengambil tindakan khas atas apa-apa amalan seperti ini supaya amalan ini dicegahkan.

KELAPA DAN KOKO—HARGA

6. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kerajaan berikhtiar memulihkan kejatuhan harga kelapa dan koko yang sedang meruncingkan pendapatan pekebun-pekebun kecil.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Haji Mohamed Suhaimi bin Datuk Kamaruddin): Tuan Yang di-Pertua, dimaklumkan bahawa pergerakan harga koko dan kelapa kering di pasaran dalam negeri adalah di luar kawalan negara kita, oleh kerana harga-harga ini ditentukan oleh faktor-faktor penawaran dan permintaan dunia. Sungguhpun harga koko telah turun tetapi harga yang terdapat pada masa ini masih lagi menguntungkan. Adalah dijangka bahawa apabila ekonomi dunia bertambah baik maka permintaan dan harga koko juga akan naik semula. Bagi kelapa kering adalah didapati bahawa aliran turun harganya telah berhenti dan ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa harganya telah mula naik. Ini ialah kerana bagi musim tahun 1980 dan 1981 adalah dijangka bahawa penuaian (harvest oil seed) adalah kurang daripada musim tahun 1979 dan 1980 Stock carry over bagi oil seed juga lebih kurang daripada musim yang lalu. Sebagai suatu langkah untuk meringankan masalah yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kelapa dan koko, FAMA akan menambahkan pembelian kelapa kering dan biji koko dengan harga yang berpatutan di kawasan pengeluaran utama kelapa kering dan biji koko.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu bagi meringankan keruncingan kepada petani-petani yang terlibat dan juga menstabilkan pendapatan petani-petani ini sama ada Kerajaan bercadang untuk menggalakkan petani-petani ini membela lebah untuk manis seperti mana dilakukan di Pontian dalam kawasan koko dan juga kelapa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan ini luar daripada soalan asal.

Puan Shariffah Dorah binti Mohamed: Soalan tambahan. Kita tahu bahawa minyak kelapa adalah mendapat permintaan yang

menggalakkan daripada negara-negara luar. Adakah Kementerian Pertanian melalui FAMA bercadang membeli kelapa-kelapa ini dan diproses supaya menjadi minyak bagi tujuan eksport.

Tuan Haji Mohamed Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya harga kelapa sawit masih turun maka cadangan-cadangan seperti demikian adalah di antara tindakan-tindakan yang akan diambil, akan dikaji dan akan dipertimbangkan.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut bahawa FAMA akan membeli kelapa-kelapa dengan harga yang berpatutan. Dari manakah punca harga yang berpatutan ini adakah Kerajaan memberi subsidi atau memberi wang kepada FAMA supaya FAMA itu dapat membeli kelapa ini dengan harga yang berpatutan dengan pengertian bahawa ianya diberi subsidi harga.

Yang keduanya, istilah berpatutan tadi adakah ini bermakna bahawa di dalam pasaran terdapat harga yang tidak berpatutan berasaskan adanya penindasan orang-orang tengah di dalam pembelian kelapa ini. Jika sekiranya berlaku demikian, apakah tindakan pihak Kementerian Pertanian untuk menghapuskan penindasan orang-orang tengah dan mana-mana pihak juga atas pengusaha-pengusaha kelapa.

Tuan Haji Mohamed Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, harga berpatutan di dalam istilah ini ialah suatu harga yang lebih tinggi daripada kos pengeluaran biji koko kering ataupun kos pengeluaran kelapa kering. Itu yang dimaksudkan dengan harga berpatutan.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. saya ingin tahu sama ada Timbalan Menteri berkenaan sedar bahawa salah satu tujuan FAMA diwujudkan ialah untuk menentukan supaya harga-harga barang di pasaran adalah berpatutan.

Tuan Haji Mohamed Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Kementerian memang sedar.

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN NEGERI

7. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Pejabat Pengangkutan Jalan di seluruh negara, terutamanya di Petaling Jaya dan Selangor menghadapi berbagai masalah seperti ruang tempat bekerja yang kecil, kekurangan kakitangan terlatih untuk menampung beban kerja yang banyak, kekurangan peralatan atau kemudahan pejabat, jika sedar, sama ada beliau akan mengarahkan supaya satu 'overhaul' yang lengkap ke atas sistem pentadbiran pejabat-pejabat berkenaan dijalankan supaya langkah-langkah berkesan dapat diambil bagi menyelesaikan masalah-masalah ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, saya memanglah sedar bahawa kebanyakan Pejabat Pengangkutan Jalan Negeri di seluruh Semenanjung Malaysia terutamanya di Petaling Jaya menghadapi berbagai masalah seperti disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kuala Lumpur Bandar.

Walau bagaimanapun, Jabatan Pengangkutan Jalan di bawah Kementerian saya telah dan sedang mengambil berbagai-bagai langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasi segala masalah yang dihadapi olehnya. Antara tindakan jangka panjang ialah:

- (a) Membina pejabat-pejabat baru yang lebih selesa di atas tapak tanah yang lebih luas iaitu di antara 15 hingga 20 ekar bagi pejabat-pejabat negeri di mana ruangan pejabat yang sedia ada tidak mencukupi. Projek-projek ini adalah di bawah Rancangan Malaysia Keempat;
- (b) Mewujudkan pejabat cawangan dan pejabat-pejabat kecil di tempat-tempat selain dari Ibu Negeri supaya orang-ramai tidak tertumpu di satu tempat sahaja. Projek-projek ini adalah terkandung dalam cadangan di bawah projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Jabatan Pengangkutan Jalan telah berjaya menubuhkan sebuah pejabat kecil di Sungei Besar, Selangor pada 1-10-80 untuk penduduk-penduduk di sana membarui cukai

jalan, membarui lesen memandu serta juga untuk mereka mengambil ujian Undang-undang Jalanraya tanpa pergi ke pejabat di Petaling Jaya;

- (c) Memperbesarkan ruang pejabat yang sedia ada;
- (d) Menambah bilangan perjawatan-perjawatan penting;
- (e) Menyediakan perkhidmatan 'drive in counter' untuk urusan membarui cukai jalan dan lesen memandu;
- (f) Memperolehi alat-alat kelengkapan yang moden;
- (g) Merancang kursus-kursus di luar dan dalam negeri untuk melatih kakitangan;
- (h) Menender pada 15-9-1980 untuk mendapat komputer. Apabila komputer dapat dibekalkan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan kelak maka sistem dokumentasi yang berasaskan kepada sistem manual dapat ditukarkan kepada sistem komputer yang lebih cekap dan efficient.

Langkah-langkah jangka pendek yang telah diambil ialah:

- (a) Membuka kaunter pada masa rihat makan tengahari;
- (b) Melanjutkan perkhidmatan kaunter bagi membarui cukai jalan dan lesen memandu sehingga pukul 3.30 petang pada hari-hari bekerja setengah hari dalam masa kesibukan di mana perlu. Pejabat Pengangkutan Jalan Selangor dan Wilayah Persekutuan adalah membuka kaunter bagi membarui lesen memandu dan membarui cukai jalan pada tiap-tiap hari Sabtu sehingga pukul 3.30 petang.
- (c) Selain daripada ujian lisan bagi Undang-undang Jalanraya ujian bertulis juga diadakan pada tiap-tiap hari di Pejabat Pengangkutan Jalan, Selangor. Di samping ujian lisan, ujian bertulis bagi undang-undang telah pun diperkenalkan hampir di semua Pejabat Pengangkutan Jalan dan bagi negeri Selangor ujian bertulis berjalan pada tiap-tiap hari bekerja.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah Jabatan Pengangkutan Jalan tidak akan berjaya mengurangkan kesesakan di pejabat-pejabatnya sekiranya

orang ramai tidak bekerjasama. Oleh yang demikian, orang ramai yang menggunakan pejabat-pejabat Pengangkutan Jalan adalah diminta :

- (a) Membaharui cukai jalan dan lesen memandu lebih awal dan tidak menunggu pada saat-saat terakhir;
- (b) Beratur dengan betul apabila menghendaki sesuatu perkhidmatan.

Memandang kepada langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Jabatan Pengangkutan Jalan untuk mengatasi masalah-masalah yang ada sekarang, soal saya memberi arahan supaya satu 'overhaul' yang lengkap di atas sistem perkhidmatan Pejabat-pejabat Pengangkutan Jalan adalah tidak timbul.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, sekejap tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengatakan salah satu langkah jangka panjang ialah cadangan Kementerian ini di bawah Rancangan Malaysia Keempat hendak menubuhkan cawangan-cawangan kecil RIMV di tiap-tiap negeri. Soalan saya, adakah ini beliau bermaksud bahawa matlamat akhirnya set'ap daerah atau jajahan di negara ini akan mempunyai satu cawangan ataupun pejabat-pejabat kecil RIMV.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, itu memanglah menjadi tujuan jangka panjang Jabatan Pengangkutan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah beliau sedar bahawa peraturan-peraturan dan cara-cara Jabatan Pengangkutan Jalan yang ada sekarang inilah menyebabkan kesesakan berlaku di Jabatan Pengangkutan Jalan. Misalnya diadakan ujian kepada mereka yang hendak mendapat lesen 'L' sahaja pada hal mereka itu dalam latihan-belajar. Jadi, apakah Kementerian bercadang untuk menghapuskan ujian kepada mereka yang hanya untuk mendapat lesen 'L' sahaja.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh agak salah faham sedikit berkenaan dengan kedudukan ujian lalulintas bagi

lesen 'L'. Untuk pemohon-pemohon lesen 'L' kenderaan tidak perlu meluluskan Ujian Lalulintas atau Highway Code Test. Ujian Highway Code ini diperlukan cuma kepada pemohon-pemohon untuk motosikal.

Perbezaan ini timbul, Tuan Yang di-Pertua, kerana bagi pemandu-pemandu 'L' kereta undang-undang memerlukan seorang yang layak duduk di sebelah pemandu itu tetapi bagi motosikal tidak ada orang yang seperti itu. Walau bagaimanapun, saya ingin menjelaskan sekali lagi kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh bahawa Kementerian sekarang melalui Jabatan Pengangkutan Jalan menjalankan ujian bertulis beratus-ratus dan berpuluh-puluh pemohon boleh duduk pada satu saat yang sama semasa dijalankan pemeriksaan bertulis itu.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan telah menyatakan bahawa pejabat-pejabat cawangan akan ditubuhkan untuk membereskan kerja-kerja RIMV dan disebutkan juga bahawa satu pejabat cawangan telahpun ditubuhkan di Sungai Besar. Saya ingin tahu mengapa Sungai Besar pula yang diberi keutamaan dalam mendirikan pejabat cawangan ini pada hal daerah-daerah yang lebih sibuk tidak diutamakan dalam hal ini, mengapa dan apakah rationality sebalik memilih Sungai Besar di Sabak Bernam itu diberikan keutamaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan itu luar daripada soalan asal.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada apa yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai langkah-langkah jangka panjang dan jangka pendek diambil untuk membaiki pentadbiran RIMV di negara kita, suka saya bertanya sama ada pihak kementerian yang berkenaan ada mengambil langkah untuk menentukan bahawa terdapat kakitangan-kakitangan yang cukup untuk mentadbir jabatan-jabatan yang berkenaan dan juga apa yang mustahak adakah pihak Kementerian juga mengambil tindakan untuk menentukan bahawa kakitangan di pejabat RIMV sentiasa berkhidmat dengan bersopan santun.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang ada dan kakitangan Jabatan Pengangkutan Jalan sedang dan akan diperkuatkan.

Berkenaan dengan mutu perkhidmatan yang diberi oleh kakitangan Jabatan Pengangkutan Jalan, Kementerian percaya bahawa perkhidmatannya adalah baik. Walau bagaimanapun, kalau ada aduan daripada orang ramai termasuklah Ahli Yang Berhormat, Kementerian sedia menerima dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Negeri Selangor, Negeri Perak pun sibuk juga berkenaan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan ini dan di Negeri Perak ini, di Ipoh hanya ada sebuah pejabat sahaja. Jadi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri telah merancang supaya beberapa buah cawangan pejabat ini dapat didirikan di dalam Negeri Perak, kalau ada di mana?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian tidak ada pilih kasih dalam penubuhan pejabat-pejabat baru. Kementerian memberi keutamaan bukan sahaja kepada Sungai Besar tetapi daerah-daerah yang lain termasuklah Baling.

Berkenaan dengan Perak, Jabatan Pengangkutan Jalan sekarang merancang dua pejabat cawangan yang baru di Teluk Anson dan Taiping dan pejabat-pejabat kecil di beberapa tempat yang lain. Kalau butir-butir diperlukan, saya boleh hantar kepada Ahli Yang Berhormat.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya cukup faham dengan soalan yang saya soalkan tadi, kemungkinan Timbalan Menteri tidak faham dengan kedudukan orang-orang kampung yang banyak mempunyai lesen motosikal 'L' daripada kereta. Maksud saya apakah Timbalan Menteri bercadang untuk mempercepatkan, tidak sampai 3-4 bulan untuk mendapat lesen 'L' motosikal bagi memudahkan pentadbiran dan kesesakan di Jabatan Pengangkutan Jalan. Jadi hapuskanlah ujian, kalau boleh, untuk lesen 'L' bagi motosikal yang saya sebutkan tadi.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya pun telah jelaskan tadi bahawa oleh kerana keperluan keselamatan jalanraya, ujian itu tidak dapat dihapuskan untuk pemohon-pemohon lesen 'L' motosikal. Walau bagaimanapun, segala langkah diambil untuk mempercepatkan pemohon-pemohon mengambil peperiksaannya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8 hingga 22 adalah diberi di bawah ini)

PERGERAKAN KESATUAN SEKERJA

8. Tuan V. David minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau akan mengkaji semula peruntukan-peruntukan yang melemahkan hak-hak asasi pergerakan Kesatuan Sekerja yang sedia ada dalam Ordinan Kesatuan Sekerja.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato Richard Ho Ung Hun): Sebagaimana yang telah ditegaskan beberapa kali di Dewan ini, Kementerian saya sentiasa mengambil berat terhadap kebajikan pekerja-pekerja dan kesatuan-kesatuan mereka. Pindaan-pindaan kepada Undang-undang Buruh baru-baru ini adalah hasil daripada kajian semula undang-undang tersebut secara progresif supaya ianya sejajar dengan keperluan dan masalah yang dihadapi sekarang dan di beberapa tahun yang akan datang. Yang sebenarnya Undang-undang ini telah memperteguhkan lagi hak-hak asasi ahli-ahli Kesatuan Sekerja dengan cara memberi mereka hak bersuara yang lebih besar dalam mengendalikan hal ehwal mereka sendiri.

Kerajaan akan terus memberi perhatian serta mengkaji semula peruntukan-peruntukan ini dan akan membuat pindaan-pindaan selanjutnya jika perlu, untuk kepentingan semua pihak di negeri kita yang sedang membangun ini.

PEPERIKSAAN NAIK DARJAH

9. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian Pelajaran bercadang hendak mengadakan peperiksaan untuk membolehkan seseorang murid dipilih naik dari satu darjah

ke satu darjah dan menyekat murid-murid yang tidak lulus supaya mereka terus belajar di darjah asalnya.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Kementerian saya tidak bercadang hendak mengadakan peperiksaan untuk memilih seseorang murid itu dinaikkan darjah dan menyekat murid-murid yang tidak lulus dari naik darjah melainkan peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran untuk dimasukkan ke Tingkatan Empat.

Kementerian saya sedang mengadakan beberapa rancangan untuk membolehkan murid-murid yang kurang cerdas mengikuti pelajaran di darjah masing-masing melalui rancangan kelas pemulihan. Selain daripada itu Peperiksaan Ujian Darjah Tiga dan Peperiksaan Penilaian Darjah Lima di peringkat sekolah, yang sedang dijalankan, akan diteruskan. Kedua-dua peperiksaan ini membolehkan guru-guru menilai kemajuan murid-muridnya, dan mengambil tindakan mengatasi kelemahan-kelemahan yang ada. Sistem ini didapati mencukupi dan selain daripada itu tiap-tiap sekolah ada peperiksaan akhir tahun masing-masing.

RANCANGAN MALAYSIA KETIGA— JUMLAH PERUNTUKAN

10. Dato' Haji Abu Bakar bin Umar minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah peruntukan bagi menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga kepada tiap-tiap negeri;
- (b) jumlah yang habis dibelanjakan oleh tiap-tiap negeri setakat hari ini; dan
- (c) sebab-sebab sesebuah negeri itu tidak dapat menghabiskan perbelanjaan yang telah diperuntukkan.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Bagi menjawab soalan (a), peruntukan bagi menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga (RMT) berjumlah \$32,076 juta, dan pembahagiannya mengikut Negeri-negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Peruntukan (\$ juta)
Perlis	243
Kedah	1,261
Pulau Pinang	1,396

Perak	2,476
Selangor	3,079
Negeri Sembilan	905
Melaka	566
Johor	2,620
Pahang	2,936
Trengganu	1,491
Kelantan	1,744
Wilayah Persekutuan	2,690
Sabah	2,799
Sarawak	2,525
Pelbagai Negeri	5,345

Mengenai soalan (b), oleh kerana projek-projek pembangunan RMT di Negeri-negeri berada di dalam berbagai peringkat pelaksanaan dan ada yang telah siap, maka boleh dianggarkan iaitu jumlah perbelanjaan yang dilakukan setakat ini telah meningkat 60% ke 80% dari peruntukan yang diluluskan bagi tiap-tiap negeri yang berkenaan. Bagi soalan (c) pula, antara sebab-sebab mengapa sesebuah negeri itu tidak dapat menghabiskan perbelanjaan yang telah diperuntukkan ialah:

- (i) masalah kelewatan mendapatkan tanah tapak projek yang melibatkan pembiayaan bangunan dan sebagainya;
- (ii) masalah pemborong seperti kegagalan pihak pemborong untuk menyiapkan kerja mengikut tarikh yang telah ditetapkan;
- (iii) masalah kekurangan bahan-bahan binaan meskipun perkara ini merupakan suatu keadaan yang sementara sahaja;
- (iv) keadaan cuaca buruk seperti musim tengkujuh dan sebagainya;
- (v) kekurangan tenaga pekerja terutamanya di peringkat mahir dan separuh mahir di pihak swasta dan kekurangan pegawai peringkat profesional di sektor awam.

KUTIPAN CUKAI PEMBANGUNAN

11. Tuan Au How Cheong minta Menteri Kewangan menyatakan apakah jumlah kutipan cukai pembangunan yang diperolehi setiap tahun sejak penguatkuasaan cukai ini. Adakah Kerajaan benar-benar menimbangkan supaya membatalkan cukai ini bagi peniaga-peniaga kecil.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Kutipan cukai pembangunan yang diperolehi dari tahun 1967 hingga tahun 1979 adalah seperti berikut:

				\$ juta
1967	44.3
1968	54.9
1969	60.1
1970	80.2
1971	82.2
1972	83.1
1973	89.1
1974	138.0
1975	145.7
1976	135.2
1977*	162.7
1978*	227.1
1979*	298.0

* Kutipan bagi tahun-tahun 1977, 1978 dan 1979 menunjukkan jumlah kutipan bagi Semenanjung Malaysia sahaja.

Pada ketika ini Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan cukai pembangunan kerana sumbangan cukai pembangunan terhadap hasil Kerajaan adalah besar. Walau bagaimanapun, pengusaha-pengusaha kecil tidak harus bimbang lagi kerana pelepasan cukai telahpun ditambah melalui langkah yang telah diumumkan di dalam Ucapan Belanjawan minggu lepas bagi menaikkan had pengecualian cukai pembangunan dari \$3,000 kepada \$5,000. Ini mungkin mengakibatkan ramai daripada pengusaha-pengusaha kecil terkecuali daripada bayaran cukai pembangunan.

LANDASAN LAPANGANTERBANG BAYAN LEPAS

12. Tuan Karpal Singh minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada kerajaan membaiki "runway" Lapanganterbang Antarabangsa di Pulau Pinang disudahkan dan apakah faktor-faktor yang memerlukan kerja-kerja ini. Benarkah "runway" tersebut merbahaya dan mencemaskan kapalterbang-kapalterbang seperti Jumbo Aircraft.

Dr Goh Cheng Teik: Kerja-kerja menurap landasan Lapanganterbang Bayan Lepas, Pulau Pinang sedang dijalankan mengikut

cadangan Juru Perunding oleh kerana landasan ini merupakan projek pembinaan yang berperingkat (stage construction project). Walau bagaimanapun, Lapanganterbang itu sekarang menjalankan operasinya seperti biasa dan boleh menampung kapalterbang-kapalterbang berbadan luas (wide-bodied) dengan selamat.

BARANG-BARANG KAWALAN

13. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan, dalam tahun 1980 ini, barapakah jenis barang-barang terkawal yang mana harganya telahpun diluluskan dan jelaskan apakah sebabnya selalu berlakunya masalah kekurangan bekalan sebelum permohonan kenaikan harga diluluskan dan apakah tindakan positif akan diambil oleh Kementerian untuk memerangi inflasi serta keadaan kekurangan bekalan bahan-bahan tersebut.

Dato' Lew Sip Hon: Di sepanjang tahun 1980 harga barang-barang kawalan yang berikut telah diluluskan kenaikan harganya oleh Kerajaan:

- (a) Bahan-bahan Petroleum yang terdiri daripada Minyak Tanah, Minyak Diesel, Minyak Petrol (Premium dan Regular) serta LPG dan tarikh kuatkuasa kenaikan harga ini adalah pada 16-8-1980. Kadar kenaikan yang diberikan adalah 59 sen segelen bagi Petrol Premium, 58 sen segelen bagi Petrol Regular, 18 sen segelen bagi diesel dan 20 sen bagi minyak tanah dan 13.9 sen satu Kg. bagi Gas Cecair Pemasak.
- (b) Barang-barang makanan yang terdiri daripada:
 - (i) Tepung gandum dinaikkan mulai 1-3-80 sebanyak 5 sen sekati.
 - (ii) Roti (Std. Loaf) dinaikkan mulai 7-7-80 sebanyak 5 sen sekati. (Kenaikan ini adalah untuk kawasan Wilayah dan Selangor sahaja). (350 gm)
 - (iii) Susu tepung dinaikkan mulai 1-9-80 sebanyak 35 sen—50 sen satu kg.
 - (iv) Susu Pekat Manis dinaikkan mulai 1-4-80 sebanyak 5 sen setin.

- (c) Barang-barang binaan iaitu bar bulat keluli lembut tarikh dinaikkan harganya bermula pada 19-3-80 sebanyak \$78.00 satu metrik tan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kenaikan harga yang diluluskan oleh Kerajaan adalah benar-benar perlu untuk membolehkan syarikat-syarikat pengeluar meneruskan operasi pengeluaran mereka dengan mendapat keuntungan yang berpatutan. Fakta yang telah menyebabkan permintaan-permintaan kenaikan harga ini diluluskan adalah disebabkan kenaikan bahan-bahan mentah (raw material) di pasaran antarabangsa.

Mengenai dengan sebab-sebabnya selalu berlaku masalah kekurangan bekalan sebelum sebarang permohonan kenaikan harga diluluskan ingin saya mengutarakan di sini bahawa perkara ini berlaku disebabkan oleh:

- (a) Kemungkinan pihak-pihak pengeluar melalui kakitangan mereka telah menyebarkan dengan secara tidak lansung ramalan-ramalan kenaikan harga kepada pengedar-pengedar mereka setelah sesuatu permohonan kenaikan harga diperbuat. Perkara ini walaupun kadangkala tidak mempunyai motif tertentu tetapi boleh menyebabkan berlakunya kecemasan di pasaran dan serinekali telah dieksploitasikan oleh peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab dengan melakukan amalan-amalan kurang sihat seperti melakukan penyorokan.
- (b) Apabila ramalan kenaikan harga berlaku maka pihak pengguna pula akan merasa cemas dan reaksi yang timbul daripadanya ialah setiap pengguna akan berusaha sedaya upaya mendapatkan bekalan barangan tersebut lebih dari keperluan biasa bagi tujuan melengkapkan diri untuk mengelakkan kesulitan.
- (c) Pada hakikatnya setiap permohonan kenaikan harga yang dibuat oleh pengeluar adalah disebabkan mereka tidak mendapat keuntungan yang berpatutan disebabkan kos pengeluaran mereka bertambah. Ini secara langsung akan mengurangkan minat pengeluar berkenaan untuk menambah pengeluaran barangan mereka. Dalam lain-lain perkataan keadaan ini akan

menyebabkan syarikat-syarikat pengeluar mengamalkan "staggered milling" yang mana kesannya akan menjejaskan bekalan di pasaran negara.

Walaupun berlakunya perkara-perkara di atas, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tidak mendiamkan diri atau membisu di dalam keadaan ini. Segala tindakan adalah diambil untuk membendung dan membenteras tindak-tanduk yang diamalkan oleh para peniaga demi untuk menentukan bekalan boleh diperolehi. Kementerian menggunakan segala daya upaya yang ada padanya untuk mengawal, mengawasi dan memeriksa setiap peniaga-peniaga termasuk kilang-kilang pengeluar supaya jangan mengamalkan amalan-amalan yang kelak akan menyusahkan pengguna-pengguna. Adalah diakui bahawa walaupun Kementerian mengambil tindakan-tindakan sewajarnya dengan secara menyeluruh tetapi keadaan kekurangan tidak boleh diselesaikan sepenuhnya dengan serta merta. Segala tindakan Kementerian adalah merupakan tindakan untuk meminimalkan keadaan kesulitan bekalan.

Sukacita saya jelaskan bahawa Kementerian saya telahpun mengambil berbagai-bagai langkah positif untuk memerangi inflasi. Antara langkah itu ialah:

- (i) Mempergiatkan kempen anti sorok untuk menghapuskan kegiatan penyorokan barang-barang kawalan dan 'profiteering';
- (ii) Kawalan eksport dikenakan ke atas beberapa barang perlu seperti barang-barang petroleum, simen, besi dan lain-lain lagi dengan tujuan untuk memastikan bekalan bagi barang-barang tersebut adalah mencukupi untuk keperluan tempatan;
- (iii) Mengisytiharkan 20 jenis barang-barang keperluan seperti gula, susu, simen, besi, tepung gandum, minyak tanah, diesel dan lain-lain lagi sebagai barang-barang kawalan dan 25 jenis lagi barang-barang keperluan sebagai barang-barang kawalan musim perayaan dengan tujuan untuk menentukan harga yang berpatutan dan bekalan yang cukup;
- (iv) Mengkaji dengan teliti dan mendalam semua permohonan-permohonan untuk dinaikkan harga oleh Jawatankuasa Kajian Semula Harga.

Di samping itu Kerajaan melalui langkah-langkah 'fiscal' dan 'monetary' sedang memumpu perhatian yang berat ke atas membendung inflasi seperti menggalakkan orang awam menyimpan wang, meninggikan penyumbangan caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan lain-lain lagi.

KEKURANGAN GULA DAN SUSU PEKAT MANIS

14. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapa terdapat kekurangan gula dan susu pekat manis yang serious terutamanya di Sandakan, dan bagaimana pelarian-pelarian Filipina mendapat punca gula dan menjualnya pula dipasar Sandakan dengan harga \$2.50 sekati semasa perayaan Hari Raya dan apa tindakan akan diambil oleh Kementerian beliau untuk membaiki keadaan ini.

Dato Lew Sip Hon: Pada keseluruhannya, masalah kesulitan bekalan barang-barang keperluan di Negeri Sabah adalah disebabkan kerana sistem pembekalan yang digunakan sama ada dari pembekal-pembekal di Semenanjung ataupun pengedar-pengedar di Negeri Sabah sendiri adalah dilaksanakan melalui pengangkutan kapal yang mana sering menghadapi berbagai-bagai masalah seperti kegendalaan perjalanan, pengambilan masa yang lebih panjang bagi kerja punggah memunggah dan sebagainya.

Mengenai dengan bekalan gula, suka saya menjelaskan bahawa menurut rekod-rekod yang terdapat di Kementerian saya, permintaan bekalan gula bagi Negeri Sabah untuk tahun 1980 adalah dianggarkan sebanyak lebih kurang 2,000 hingga 2,200 metrik tan sebulan berbanding dengan jumlah purata bekalan yang telah diberikan ke Negeri Sabah sebanyak 2,239 metrik tan sebulan antara bulan Januari hingga bulan Ogos 1980. Ini bermakna bekalan yang telah diberikan untuk Negeri Sabah adalah mencukupi dan jika sekiranya masih lagi ada tempat-tempat yang menghadapi kesulitan bekalan, ini bukanlah berpunca daripada fakta bahawa bekalan itu berkurangan tetapi berkemungkinan timbul daripada masalah pengangkutan sepertimana yang dinyatakan di atas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu jawapan yang panjang lebar mengenai dengan masalah gula

di negara telah saya berikan di Dewan yang mulia ini pada 14-10-1980 bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Tanjung dan saya tidak berhasrat untuk menambah apa-apa ke atas jawapan tersebut.

Mengenai dengan masalah bekalan susu pekat manis di Negeri Sabah, mengikut rekod-rekod di Kementerian saya, keperluan bulanan adalah lebih kurang 26,000 kerton atau 1.25 juta tin. Jumlah bekalan bulanan yang diberikan oleh syarikat-syarikat pengeluaran adalah melebihi daripada anggaran permintaan yang disebutkan di atas iaitu sebanyak 26,650 kerton atau 1.28 juta tin sebulan melainkan pada bulan Jun, 1980 di mana jumlah bekalan yang diberikan adalah berkurangan sebanyak kira-kira 60% daripada keperluan biasa. Perkara ini berlaku oleh kerana kejadian kebakaran di Pelabuhan Kelang. Walau bagaimanapun, bekalan bagi bulan Julai 1980 dan seterusnya telahpun pulih seperti sediakala dan sekiranya masih terdapat kekurangan bekalan ini adalah disebabkan masalah pengangkutan dan lain-lain masalah logistik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian di dalam usahanya untuk menentukan bekalan telah membuat peraturan-peraturan tertentu seperti mengarahkan pembekal-pembekal memberikan bekalan yang cukup kepada pengedar-pengedar mereka disamping menjalankan pengawasan dan pemeriksaan ke atas pengedaran barang-barang berkenaan. Selain daripada itu, Kementerian juga telah membuat peraturan untuk memberikan keutamaan punggah memunggah kepada kapal-kapal yang membawa bekalan gula ke Sabah demi untuk menentukan bekalan tidak terputus kepada mana-mana pihak.

Mengenai dengan dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa pelarian-pelarian Filipina pernah menjual gula dengan harga yang tinggi di Sandakan semasa perayaan Hari Raya, adalah dimaklumkan bahawa Kementerian tidak menerima sebarang laporan mengenai perkara ini dan adalah difikirkan wajar sekali untuk Ahli Yang Berhormat mengemukakan perkara ini dengan serta merta ke Cawangan Kementerian di Sabah untuk disiasat dengan segera pada masa itu dan jika sekiranya perkara yang didakwakan itu benar tindakan sewajarnya akan diambil.

DERMAGA MIRI

15. Tuan Raymond Sze Tu Mei Thong minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah Kerajaan Persekutuan akan membesarkan dermaga Miri untuk melegakan kesesakan barang-barang yang tersimpan dalam kapal pengangkutan selama tiga hingga enam bulan.

Dr Goh Cheng Teik: Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sukalah saya menyatakan bahawa perkara ini adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Sarawak, oleh itu sila Yang Berhormat rujuk perkara ini kepada pihak negeri yang berkenaan.

ASEAN—PENYELESAIAN POLITIK DI KAMPUCHEA

16. Tuan Haji Ampong bin Haji Puyon minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah kejayaan yang diperolehi terhadap usaha-usaha diplomatik yang diplomatik yang dijalankan oleh ASEAN bagi menyelesaikan pergolakan di Kampuchea; jika tidak berkesan, apakah usaha-usaha lain yang akan dijalankan oleh ASEAN untuk memastikan bahawa tentera asing keluar dari Kampuchea.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): ASEAN telah berusaha dengan gigih bagi mendapatkan suatu penyelesaian politik mengenai persengketaan di Kampuchea. Usaha-usaha ASEAN itu mendapat sokongan kuat dari kebanyakan anggota Bangsa-bangsa Bersatu di mana suatu resolusi 34/22 telahpun diluluskan oleh Badan Dunia itu. Resolusi tersebut menggesa pengunduran serta-merta kesemua tentera-tentera asing dari Kampuchea dan memberikan hak rakyat Kampuchea menentukan masa depan mereka sendiri.

Negara-negara ASEAN telah mengadakan perbincangan dua-hala (bilateral discussion) dengan Vietnam mengenai perkara ini. Sehingga kini, Vietnam masih tetap dengan pendiriannya iaitu ia hanya akan mengundurkan tentera-tenteranya dari Kampuchea sebaik-saja tiada lagi ancaman dari China.

Walau bagaimanapun, ASEAN bersama-sama negara-negara sahabat terus berusaha, tanpa mengenal penat dan lelah, untuk men-

cari jalan supaya Vietnam mengundurkan tentera-tenteranya dari Kampuchea bagi membolehkan suatu penyelesaian politik yang berkekalan dapat dicapai.

ASEAN bersama-sama dengan negara-negara sahabat yang lain juga sedang giat membawa suatu rangka resolusi baharu mengandungi rangka penyelesaian yang menyeluruh bagi menyelesaikan persengketaan di Kampuchea. Deraf resolusi itu juga menggesa supaya diadakan Persidangan Antarabangsa untuk membincangkan suatu rangka pengunduran tentera-tentera asing dari Kampuchea mengikut jangka waktu yang ditetapkan, mengadakan pilihanraya bebas di Kampuchea di bawah pengawasan Bangsa-bangsa Bersatu dan menjamin tidak berulang-ulangnya lagi kehadiran tentera-tentera asing di Kampuchea.

JURURAWAT KONTRAK

17. Dato Dr Hee Tien Lai minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa baru-baru ini satu kenyataan akhbar mengesahkan iaitu khidmat seramai 167 orang Jururawat Kontrak akan ditamatkan malahan sebenarnya ramai di antara mereka telahpun menerima surat-surat pemberhentian kerja. Jika sedar, adakah Menteri yang berkenaan akan menimbang semula rayuan-rayuan mereka supaya perkhidmatan kontrak mereka dilanjutkan atau mereka diserapkan ke dalam perkhidmatan tetap kerana ramai di antara mereka telah berkhidmat dengan negara kita begitu lama sehingga sepuluh tahun selepas kembali dari seberang laut, menyahut seruan Kerajaan kita untuk berkhidmat di hospital-hospital yang sangat-sangat memerlukan perkhidmatan mereka. Jika tidak kenapa.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Saya sedar mengenai kedudukan jururawat-jururawat kontrak yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat mungkin maklum adalah menjadi suatu syarat perkhidmatan yang biasa bagi jururawat-jururawat yang terlatih, selain daripada mempunyai kelayakan kejururawatan, mereka juga harus mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia ataupun Malaysian Certificate of Education ataupun kelayakan yang setaraf dengannya. Satu syarat yang lain lagi ialah mereka mestilah

lulus dalam Bahasa Malaysia di peringkat peperiksaan tersebut. Jururawat-jururawat kontrak yang mendapatkan kelayakan asas ini ketika berkhidmat seterusnya adalah layak untuk dilantik ke jawatan tetap. Sebilangan dari mereka telahpun berusaha untuk berbuat demikian.

Kebanyakan daripada Jururawat-jururawat ini telahpun mempunyai kelayakan yang setaraf dengan Sijil Pelajaran Malaysia ataupun Malaysian Certificate of Education. Apa yang perlu bagi mereka sekarang hanyalah untuk mendapatkan kelulusan Bahasa Malaysia di peringkat peperiksaan tersebut bagi melayakkan mereka memasuki jawatan tetap juga. Walaupun demikian, terdapat masih ramai lagi mereka yang belum memperolehi kelayakan ini. Memandangkan kepada keadaan ini, perhatian mereka telahpun ditarik kembali kepada syarat-syarat perkhidmatan ini di mana mereka telah diberi nasihat untuk mendapatkan kelulusan tersebut sekiranya mereka ingin dipertimbangkan ke jawatan tetap. Kontrak jururawat-jururawat ini telah diperbaharui dari masa ke semasa pada masa-masa yang lalu di mana tempoh perkhidmatan mereka adalah berbeza-beza dari 3 hingga 10 tahun.

Saya sedar mengenai rasa gelisah jururawat-jururawat ini seandainya perkhidmatan mereka ditamatkan dan telahpun membawa kes-kes mereka kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk dikaji semula. Proses ini adalah sedang berjalan sekarang.

NAMA WANG KERTAS RINGGIT MALAYSIA

18. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai kanak-kanak dan juga orang dewasa tidak mengetahui gambar siapa yang tertera di atas wang kertas Malaysia dan jika ya, sama ada Kementerian akan menuliskan nama DYMM Yang di-Pertuan Agong pada wang kertas tersebut.

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Sepatutnya perkara ini tidak timbul lagi kerana Kerajaan telahpun mengemukakan dalam media massa semasa wang kertas mula-mula dikeluarkan, bahawa gambar yang tertera di atas ringgit ialah gambar Almarhum DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

Pertama iaitu Tuanku Abdul Rahman Ibi Almarhum Tuanku Muhammad. Kanak-kanak sekolah pula adalah diajar supaya mengetahui dan mengenali nama-nama dan gambar-gambar DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dahulu dan juga sekarang. Oleh itu adalah tidak perlu lagi nama Almarhum DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Pertama ditulis atas Ringgit.

RANCANGAN TAMIL DI RADIO/TV

19. Tuan V. David minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau akan memperuntukkan masa yang munasabah untuk rancangan-rancangan Tamil di Radio dan Talivisyen sempena menyambut perayaan Deepavali pada 14hb November, 1980 yang akan datang nanti.

Menteri Penerangan (Dato Mohamed bin Rahmat): Adalah menjadi dasar RTM bagi mengadakan rancangan-rancangan khas melalui radio dan TV bagi semua perayaan-perayaan termasuk perayaan-perayaan keagamaan seperti Deepavali yang diisytiharkan oleh kerajaan sebagai perayaan-perayaan nasional. Rancangan-rancangan khas bagi perayaan-perayaan ini dibuat untuk keperluan semua kaum yang merayakan perayaan itu dan tidak pula ditujukan khususnya kepada sesuatu kaum. Dari sebab itu rancangan-rancangan khas ini mengandungi unsur-unsur dari berbagai kaum yang bertujuan untuk mewujudkan perpaduan nasional.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat hari perayaan Deepavali pada tahun ini jatuh pada 6hb November, 1980 dan bukannya pada 14hb November, 1980. Oleh yang demikian rancangan-rancangan khas akan disediakan di Radio dan TV Malaysia pada 6hb November, 1980 bagi menyambut perayaan Deepavali dan bukannya pada 14hb November, 1980.

BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH-SEKOLAH

20. Datuk Stephen Robert Evans minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua akan diluluskan ke semua sekolah-sekolah di Sabah dan Sarawak, jika benar bilakah polisi tersebut dilaksanakan oleh Kerajaan.

Dato' Musa bin Hitam: Pada dasarnya Bahasa Inggeris adalah wajib diajar sebagai bahasa kedua yang penting di semua sekolah sama ada di peringkat Rendah mahupun di peringkat Menengah mengikut bilangan waktu yang diperuntukkan dalam kursus pengajian. Dengan ini apabila bahasa pengantar dalam sistem persekolahan ditukarkan kepada Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris wajib diajar sebagai bahasa kedua.

Di Semenanjung Malaysia dan Sabah dasar pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua telah dilaksanakan dengan sepenuhnya di peringkat darjah satu sejak tahun 1970, apabila bahasa pengantar di peringkat ini ditukarkan kepada Bahasa Malaysia. Proses pelaksanaan ini telah diteruskan pada tahun-tahun berikutnya dan selesai dijalankan dengan sepenuhnya hingga ke tingkatan lima di semua sekolah menengah apabila proses penukaran bahasa pengantar kepada Bahasa Malaysia selesai dijalankan ke peringkat tersebut dalam tahun 1980.

Di Sarawak proses pelaksanaan ini agak terkemudian sedikit kerana proses penukaran bahasa pengantar dari Bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia hanya bermula pada tahun 1977 di peringkat darjah satu. Pada tahun ini (1980) proses penukaran bahasa pengantar kepada Bahasa Malaysia baru sahaja meliputi ke peringkat darjah empat. Ini bermakna pelaksanaan pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua hanya dijalankan di kelas-kelas darjah satu hingga ke darjah empat. Proses pelaksanaan ini akan diteruskan ke darjah-darjah lain, peringkat demi peringkat apabila bahasa pengantar disuatu peringkat itu ditukarkan dari Bahasa Inggeris kepada Bahasa Malaysia. Proses ini akan selesai dijalankan hingga ke peringkat tingkatan lima, pada tahun 1987.

HOSPITAL KENINGAU

21. Datuk Stephen Robert Evans minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada tapak Pejabat Jabatan Kerja Raya/Bengkel yang lama yang bersambung dengan Hospital Keningau telah diambil oleh Kerajaan untuk membesarkan Hospital Keningau pada masa hadapan. Jika tidak, bilakah ia akan diambil dan sama ada Kerajaan bercadang mengambil satu tapak baru, jika benar di manakah lokasi hospital baru yang dicadangkan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Kementerian Kesihatan belum lagi mendapatkan tapak tanah Pejabat/Bengkel Jabatan Kerja Raya yang lama di sebelah kawasan Hospital Keningau kerana ianya masih belum lagi perlu diperbuat demikian. Walau bagaimanapun, tempat tanah ini akan diambil perhatian untuk perancangan-perancangan masa yang akan datang bagi memperbaiki lagi kemudahan-kemudahan di Hospital Keningau, jika sekiranya perlu.

PELARIAN AFGHANISTAN DI INDIA

22. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan mengambil langkah dan tindakan tegas terhadap hubungan diplomatik dengan Kerajaan India memandangkan Kerajaan India telah melanggar Konvensyen Geneva yang menjamin hak asasi manusia serta perlindungan terhadap kaum pelarian iaitu dengan menghantar semula kaum pelarian Afghanistan untuk dibunuh oleh regim boneka Babrak Karmal.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa saya tidak pernah menerima sebarang laporan kononnya orang-orang pelarian Afghanistan di India telah dihantar balik ke Afghanistan untuk dibunuh oleh regim boneka Babrak Karmal. Kita telah menghubungi perwakilan ki a di New Delhi dan pihak berkuasa India dan mereka telah mengesahkan bahawa tiada orang pelarian Afghanistan di India yang telah dipaksa balik ke Afghanistan.

Oleh yang demikian soal Kerajaan akan mengambil tindakan dalam perkara ini tidak timbul.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1981

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (Hari Kedua).

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1981

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatan-kuasa sebuah-buah Majlis.

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$8,477,158,169 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1981, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1981 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 36 tahun 1980, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (Hari Kedua).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ditangguhkan mesyuarat pada petang semalam Ahli Yang Berhormat dari Kangar sedang berucap pada waktu itu. Jadi sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kangar untuk menyambung ucapan beliau.

3.35 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, untuk menyambung ucapan saya pada petang semalam, ialah mengenai dengan subsidi harga padi yang telah ditetapkan oleh Kerajaan, iaitu yang dinaikkan daripada \$2 kepada \$8 menjadikan \$10. Sebagaimana yang saya katakan sebagai seorang rakyat yang datang dari kelompok yang banyak padi walaupun saya sendiri tak menjual padi tetapi rintihan dan rungutan itu selalu saya dengar maka dengan sebab itu saya amat berterima kasih kepada Kerajaan dan bersyukur kepada Tuhan di atas kenaikan subsidi yang telah ditetapkan walaupun pada niat asal pak tani dan termasuk saya sendiri kalau boleh bukanlah subsidi yang dikehendaki tetapi ialah kenaikan harga padi

tetapi dengan tinjauan Kerajaan kalaulah harga padi itu dinaikkan boleh jadi pula harga beras akan naik, maka dengan sebab itu cara Kerajaan mengalihkan dengan cara subsidi tetapi walau macam manapun kesyukuran kepada Tuhan itu, saya percaya kepada pak tani itu lain sebagai tanda bersyukur, seperti saya kata pada petang semalam bahawa saya dan kawan-kawan yang lain akan berpuasa sebanyak 5 hari tanda syukur kepada Tuhan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sama-sama maklum yang dikatakan manusia itu tetap manusia, baik satu segi dan boleh jadi ada perkara pula yang dipandang tak baik, biarlah saya kata terus-terang tentang subsidi yang diberi ini bahawa walau macam manapun, kalaulah tak diagih dengan betul-betul saya bimbang dengan subsidi yang telah dinaikkan oleh Kerajaan bahawa tujuannya ialah untuk kebaikan kepada rakyat, saya takut bahawa rakyat yang sepatutnya terima tidak boleh terima; yang tidak patut diterima, boleh diterima. Ini akan jadi pergaduhan sesama rakyat di kampung, saya amat bimbang, kerana kita tahu manusia hari ini kebanyakannya yang membunuh. Motif yang besar tak ada jalan lain, kalau sengaja hendak bunuh, melainkan ada satu daripada sebabnya sakit hati, sebab yang besarnya kerana merompak, bererti akan mengambil wang, itu cara jalan yang tak baik sekali yang dilakukan oleh setengah-setengah manusia yang tidak bertanggungjawab dan kadangkadang ada manusia yang sanggup berkorban walau apa akan terjadi kalau haknya tidak didapati, tiba-tiba orang lain yang dapat.

Maka dengan sebab itulah subsidi ini bukan saya tak sokong, saya sokong. Saya ulang sekali lagi, saya akan puasa sampai 5 hari tetapi saya berharap kepada Kerajaan dengan adanya subsidi ini, kalau boleh mengawasi dengan teliti. Maksud saya mengawasi dengan teliti, kita sama-sama maklum bahawa tujuan subsidi ini ialah kepada penjual padi, khasnya kepada pak tani yang buat bendang, bererti yang akan menjual padi, bukan kepada orang yang menjadi pembeli atau penjual iaitu orang pertengahan tetapi sepertimana yang kita tahu ia telah menjadi adat kepada kita di masa yang lepas mendapat subsidi \$2. Ini telah dapat rungutan yang sebenar. Setengah orang kampung bila dengar \$2 dia tidak mahu hendak bersusah payah, apatah

lagi kalau yang dijual itu dua pikul, sepikul dan sebagainya. Katanya dengan kerana aku hendak dapat \$4 aku terpaksa menanti berbulan-bulan, hendak pergi pula ke pejabat bukan main jauh, kadang-kadang sekali pergi tak selesai, jadi biarlah kata \$2 atau \$4 itu aku tidak payah ambil, begitu kerap kali berlaku dan banyak berlaku. Saya percaya kalau dihimpunkan yang sedikit-sedikit ini, ribu pikul jawabnya. Kalau ribu pikul bererti berjuta ringgit rakyat patut dapat subsidi tetapi tidak dapat. Kalaulah Kerajaan hendak beri kepada yang tak bererti ini pula, boleh jadi orang yang tak menjual juga akan mengaku yang ia juga jual padi. Ini membawakan serba salah.

Dengan sebab itu saya mengesyorkan di sini biarlah kita tegaskan kepada yang ada lesen di masa yang lepas, kerana kita tahu dia akan menjualkan padi dengan ada syarat-syaratnya, dengan ada lesen daripada nama, nombor kad dan sebagainya, jangan lagi akan menerima begitu banyak dengan tidak ada kenyataan. Biarlah Kerajaan beri kepadanya, dia siasat betul-betul, daripada mana dia dapat padi, mana resit-resitnya. Kalaulah dibuat dengan tak sewenang, dengan tidak ada kenyataan yang lengkap ataupun tak menasabah, patut pihak yang berkenaan (BSN) mengambil tindakan dan sebagainya. Janganlah mereka dapat berjuta-juta ringgit di samping pak tani sendiri yang berasa sedih.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya bercakap terus terang di sini, di tempat saya boleh dikatakan ada padi. Macam-macam saya dengar, ada pembeli padi dia kata yang dapat ini wang aku tetapi dia tidak tahu tujuan Kerajaan hendak memberi kepada pak tani. Walaupun ada resit atau tidak ada resit dia tidak mahu beri sampai biasa dikata ambil peguam manapun aku tidak mahu beri. Dia sudah dapat sampai berpuluh ribu, \$50,000 kadang-kadang manusia bila nampak wang dia terlupa segala-galanya, dia tidak tahu wang ini ialah dia sebagai orang tengah, orang perantaraan sampai ada kenyataan yang cukuppun setengahnya tidak mahu beri. Walhal kalau difikir ada ditulis kecuali kalau ditulis pada kertas rokok dan sebagainya itu apakah daya, tetapi kalau ada kenyataan patut dibayar. Jangan dia hendak beri resit sahaja, kalau dia tahu betul-betul dia beli daripada seseorang, si polan patutlah dibayar. Ini saya amat sedih, kepada manusia yang tidak bertanggungjawab seperti ini

patutlah pihak LPN sendiri mengambil tindakan di masa yang akan datang supaya lesen ini jangan mudah dikeluarkan.

Begitu juga beri tahu kepada manusia-manusia yang tidak bertanggungjawab ini patut dibuat surat rayuan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Tetapi saya berasa syukur kepada Tuhan ada pula pihak-pihak yang bertanggungjawab mengatakan biarlah, walaupun 50 kati ada resit atau tidak ada resit asalkan benda itu aku tulis dalam daftar buku aku, walaupun 50 kati wang yang dapat bukanlah wang aku tetapi aku menjadi perantaraan orang tengah, aku akan beri kepada orang yang berkenaan. Walhal yang dikata pak tani tidak diberi 100% pun asal mereka diberi 80% mereka cukup puas hati kerana mereka tidak tahu benda ini hendak jadi. Jadi walaupun ini menjadi satu pengajaran dan ingatan kepada orang kita tetapi saya amat dukacita kalau perkara ini kita tidak awasi betul-betul saya takut—biarlah saya katakan sekali di sini, manusia selalunya yang terjadi pembunuhan dan sebagainya kerana berkehendakkan pangkat. Pangkat tidak menjadi apa kalau kita kata tidak boleh mendapat wang. Yang berperang dunia sama dunia tidak ada matlamat lain kerana ada matlamat yang hendak dituju. Jadi kita tidak hairan orang yang berpelajaran tinggi berperang, dunia berperang, manusia juga bergaduh di antara satu sama lain kerana awasi satu matlamat. Ini kalau kita tidak awasi betul-betul kita bimbang. Dengan sebab itu, saya berharap pihak LPN sendiri memberi amaran yang keras patut dipanggil kalau ada kenyataan walaupun tidak beresit beri tahu betul-betul tuan-tuan yang akan dapat wang ini bukan wang tuan-tuan, wang pak tani, tuan-tuan menjadi orang perantaraan, kena beri tahu, tidak 100% patut dapat, jangan pula kata ambil lawyer di manapun kita tidak mahu beri. Tetapi manusia yang saya kata tadi saya mengucapkan syukur dan terima kasih kepada orang yang seperti itu dan saya berharaplah biar banyak lagi manusia-manusia yang bertanggungjawab sebagaimana yang saya katakan tadi.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, subsidi dinaikkan \$10. Saya mengucapkan syukur sebagaimana saya katakan tadi ini berpandu kepada pikul; selepas ditolak jadi bersih. Saya berharaplah kepada LPN—bukan saya tidak beri tolong, kalau padi yang tidak kering, padi yang basah, padi yang ada batu potonglah kerana pak tani inipun biasa berlaku batu

didibuh ke dalam padi. Maklumlah manusia rambut sama hitam tetapi hati perut bukan serupa. Ada setengah berkehendakkan untung yang lebih yang tidak padipun dicampurnya sama. Ini biasa berlaku dan saya biasa dengar sendiri sepatutnya padi yang sepikul 80 kati sampai jadi hampir dua pikul 50 kati. Bila dikorek di dalamnya ada batu bercampur tanah. Ini ada manusia yang tidak bertanggungjawab. Tetapi kalaulah betul-betul padi itu kering yang tidak menasabah dipotong, biasa di tempat saya baru-baru ini mereka jual 30 pikul dihitung panjang dia kena potong sepikul 65 kati. Kalau kena potong sepikul 65 kati bererti sepikul yang akan tinggal 35 kati, beri subsidi \$30 pun tidak sampai \$20 sepikul. Saya katakan kalau yang basah kena potong tetapi jangan dipotong dengan begitu mudah, kasihan pak tani. Ini saya merayu dengan penuh hati, yang basah dipotong, tetapi yang kering jangan dipotong sangat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Kompleks LPN orangnya bagus. Saya percaya daripada Ketua Pengarah dan kakitangannya cukup bagus. Yang sedihnya kakitangannya tidak cukup. Ada setengahnya kena kerja overtime dengan tidak mengambil gaji untuk hendak menunaikan kehendak rakyat kerana padi masak dalam satu musim, bukan boleh tunggu. Bila masanya padi masak hendak kena ada kompleks. Pegawainya tidak cukup dan kadang-kadang berlaku juga disebabkan potongan ini tidak betul—ini bukan kesemuanya, kelapa semayang kita tidak boleh kata kalau kerana dua biji ditebok tupai kita hendak terbang pokok. Saya tidak kata LPN tidak baik tetapi ada di antaranya yang sedihnya padi yang basah tidak dipotong tetapi padi yang tidak basah dipotong. Pegawai yang berpangkat kecil pakai kereta Volvo besar, pegawai yang bergaji tinggi pakai motor. Ada kira ikut bawah katanya, barangkali itu betul. Dia hendak wang tempat lain di tempat ini dia hentam. Jadi ini bukan kesemua—saya tidak tuduh semua, saya percaya pihak Kementerian yang berkenaan-pun tidak suka apalah lagi pengarah dan kakitangan LPN pun tidak suka tetapi maklumlah bukan satu kompleks LPN, ada beratus. Ini patut diawasi, ini salah satu sebab yang saya cukup sedih. Kalau betul-betul kata mereka potonglah padi kami. Tetapi kami biasa nampak, hamba Allah itu bawa tiga lori padinya tidak dipotong. Kalau dipotong terlampau sedikit tetapi padi kami yang sedikit dipotong sampai 50%. Hati mana

tidak sedih, kata mereka Shaari—tidak kata Yang Berhormat jika orang kampung. Sedih, Tuan Yang di-Pertua. Ini saya haraplah diawasi betul-betul kerana perkara ini biasa berlaku. Kalau basah potong yang tak basah ini patutlah dikaji dengan mengikut keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menarik perhatian pegawai LPN tidak cukup, tambahan pula manusia menuai padinya seperti saya katakan tadi bukan sekali tetapi dibuat dua kali setahun. Pegawai dan kakitangan tidak cukup untuk menimbang padi dan sebagainya. Saya tidak mengkritik LPN, yang baik tetap saya kata baik, patutlah pihak Kerajaan menambahkan banyak kakitangan yang tidak cukup. Kalau tidak boleh tambah sekali guspun tambahlah mengikut musim. Misalnya, pegawai sementara, kerani sementara, kakitangan sementara tambah pada masa yang ditentukan masa padi banyak dan sebagainya.

Satu lagi kompleksnya pun tidak cukup. Bila padi di Kedah dan Perlis dan seluruhnya masak sekali gus, maka kompleks yang ada tidak dapat mengering padi. Dengan sebab itu kadang-kadang padi terlampau basah dan tidak boleh disimpan dalam kompleks dan sebagainya. Ini biasa berlaku di banyak tempat. Jadi saya berharaplah pihak Kerajaan membanyakkan lagi kompleks-kompleks ini, kalau boleh jangan asyik bertumpu di tempat yang kita kata sawahnya banyak walaupun kekurangan sawah, agak tempat yang tinggi misalnya di tempat saya sendiri di Kangar ataupun di Chuping yang berhampiran dengan kilang simen. Saya dapat tahu daripada pihak yang berkenaan kilang simen sendiri bawa wap panas kilang simen kalaulah boleh diurus dapat mengadakan satu kompleks yang berhampiran dengan kilang itu, tanahnya pun tinggi tidak payah alat lain, gunakan wap panas kilang simen itu cukup. Ini dinyatakan kepada saya oleh pihak kilang simen sendiri. Jadi untungnya di tempat itu tidak kena banjir.

Saya dapat tahu kompleks ini pun selalu terjadi banjir, boleh dikatakan tiap-tiap tahun. Boleh jadi tempat lain pun yang rendah harus jadi begitu juga. Dengan sebab itu, saya berharap Kerajaan akan menambahkan lagi kompleks, menambahkan lagi pegawai-pegawai dan kakitangan, tinggikanlah tempat-tempat yang ada kompleks moga-moga rancangan Kerajaan yang baik yang hendak menolong kepada rakyat ini dapat diatasi.

Kepada pelesen-pelesen yang bertanggungjawab yang saya kata tadi patut dipotong oleh Kerajaan dan banyakkannya lesen-lesen kepada tiap-tiap kampung moga-moga dengan itu di mana sahaja ada pak tani yang hendak menjual padi ada resit yang dikeluarkan oleh Kerajaan. Pendek kata, siapa yang berkehendakkan, kampung mana yang berkehendakkan, keluarkan lesen untuk membeli padi, dengan jalan itu senanglah pak tani ini menjual padi di mana sahaja ada padi walaupun sedikit apatah lagi kalau banyak.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya kepada bab pegawai. Kerajaan kita mencadangkan dan telah menjalankan Operasi Isi Penuh dengan menambahkan pegawai tetapi pegawai dan kakitangan kita masih tidak cukup lagi di tiap-tiap pejabat. Saya haraplah pejabat-pejabat manapun yang masih kekurangan, yang selalu kita dapati sama ada Pejabat Tanah bila kita riuh geran tidak cukup, tidak selesai, itu tidak selesai, ini tidak selesai, dia kata macam mana kami hendak buat kami tidak cukup kakitangan, kami tidak ada orang itu dan ini. Saya berharap kalau rancangan kita baik tetapi perlaksanaannya tidak boleh tentulah tinggal terbengkalai dan kalau kita hendak buat sewenang-wenang dengan tidak ada kenyataan dan alasan yang menasabah, maka itu tidak boleh dituntut kerana menjadi salah pula kepada segi undang-undang. Dengan sebab itu pegawai itu amatlah mustahak ditambah, yang paling sedih sekali di Perlis. Selain daripada pegawai yang tak cukup macam di negeri lain, kalaulah hendak dikatakan bukan negeri, sebenarnya negeri, tentang kecil itu, saya tak nafilah.

Biasa dikatakan oleh kawan-kawan saya, janganlah megah sangat kerana Perlis, kalau hendak dibandingkan dengan Grik ia kecil daripada Grik, dibanding dengan Kubang Pasu, tak sampai macam Kubang Pasu. Pendek kata dibandingkan dengan apa pun Perlis, tetap negeri yang kecil, tetapi kita tak dapat nafikan Perlis adalah sebuah negeri. Mengikut sejarah Raja-raja Melayu yang ada di Kedah adalah daripada negeri Perlis, menteri besarnya sama dan lain-lain sama tetapi kebanyakan Perlis dicampur dengan Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan tak mahu dicampurkan dengan Kedah kerana kita mahu bersahabat tetapi masalah yang banyak seperti yang saya biasa katakan, kalau se-

orang guru besar misalnya sekolah menengah dan rendah Kelas A, B, C, Cara B atau C adalah rendah tetapi dia bertanggungjawab sebagai seorang guru besar di sekolahnya. B besar sedikit dan gajinya mahal sedikit dan bertanggungjawab secara guru besar. Begitu juga sekolah A dia bergaji lebih mahal, bertanggungjawab juga tetapi cara A tetap tanggungjawabnya ada, tetapi kalau di tempat lain—payah. Misalnya saya contohkan di Perlis. Penasihat Undang-undang Kedah/Perlis. Kalaulah ada satu-satu masalah hendak bertanya nasihat dan sebagainya, kena nanti Penasihat Undang-undang daripada Kedah. Saya bukan mengatakan penasihat dari Kedah itu tak baik tetapi pegawai negeri Kedah dia dikehendaki tumpu di Kedah melainkan semasa dia hendak pergi mesyuarat di negeri Perlis sekali sekala yang perlu tetapi dia sentiasa kena tumpu di Kedah. Maka dengan sebab itu saya fikir sudah sampai masanya diadakan Penasihat Undang-undang di Perlis. Perlis kalau tak dapat grade besar, adakan grade yang mana patut seperti saya contohkan grade sekolah tadi.

Begitu juga dengan perkara lain, misalnya dari segi bicara kuasa yang tak selesai sampai berpuluh tahun. Boleh jadi negeri Kedah faham tentang pecah kuasa itu tak selesai tetapi masalah di Perlis ada dua. Satu, pegawai yang bicara kuasa tak ada di Perlis, terpaksa harta itu dibahagikan juga yang lebih daripada \$50,000. Ini tak boleh pula dibuat di Perlis. Kadang-kadang \$50,000 ke atas kena pergi ke Alor Star, yang \$50,000 ke bawah boleh buat di Perlis, kadang-kadang pihak pemohon tak datang, tak boleh pergi maka dengan sebab itu kes semakin banyak. Maka bertimbun-timbunlah pemohon bicara kuasa itu. Dalam hukum bicara kuasa itu tak boleh lama sangat. Jadi dengan sebab itu, saya berharap pegawai yang bicara kuasa itu patut ditempatkan di negeri Perlis dan begitu juga dari segi lain. Polis misalnya, saya sudah merayu dua tiga kali, pihak pegawai yang berkenaan mengatakan, kami hendak hantar Ketua Polis Negeri Perlis—hari ini berpusat di Kedah.

Saya bukan hendak minta pegawai yang berpangkat tinggi, cukup alakadar yang berpatutan seperti grade guru Sekolah A, B, C mengikut taraf dia mengajar di sekolah dan mengikut keadaan kebolehan tetapi dia

bertanggungjawab. Kita tahu, sekolah kecil dan besar ada ketuanya yang bertanggungjawab tetapi cara kecil; besar cara besar, tetapi biar ada satu tanggungjawab yang penuh, jangan bergantung kepada negeri lain. Bukanlah kita tak percaya kepada negeri Kedah tetapi banyak perkara tak boleh dibuat terutama tentang bicara kuasa tadi amat sedih. Jadi saya harap dari segi Operasi Isi Penuh ini sama ada cara besar atau kecil hendaklah diambil perhatian yang cukup berat oleh pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka bercakap tentang kekurangan gula. Saya sudah bercakap pada hari itu, gula menjadi satu masalah mengikut kata Timbalan Menteri yang berkenaan, kita tak menafikan penyedudukan pun ada sedikit sebanyak. Saya tak mahu sebut siapa, jangan ditanya saya, tetapi kita sama-sama tahu. Kalau beras mahal di Malaysia, orang Thai atau Singapura datang; kalau di sini boleh jual beras, di sini dijual. Saya duduk berhampiran dengan Thai, ada satu ketika saya teringat banyak orang beli gula di Padang Besar bawa masuk ke Malaysia. Begitu juga minyak petrol dan sebagainya. Barangkali kejadian ini dua tiga tahun yang lepas, orang yang pergi ke Padang Besar selain daripada melawat ke pekan Siam, orang kampung beli periuk dan sebagainya gula tak ditinggalkan mesti dibeli sekurang-kurangnya tiga empat kilo. Begitu juga kalau seorang pergi ke Hadyai, dia kata rugi kalau tangki minyak tak dibenihkan dengan petrol atau disel, tetapi akhir-akhir ini terbalik. Kalau orang Thai datang ke sini, kalau tak beli gula di sini, rugi bagi mereka itu. Begitu keadaan yang berlaku. Jadi jawabnya di mana barang itu mahal, di situ orang itu jual dan di mana barang murah, di situ orang datang beli, kalau tak boleh cara halal dijalankan secara haram atau penyeludupan.

Kita tak nafikan seperti apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri bahawa gula diseludupkan ke negeri lain, sebab harga gula di negara kita boleh dikatakan murah tetapi menurut perhatian saya salah satu sebab harga gula mahal ialah kerana gula tak ada. Saya yakin, kalau ditanam banyak tebu, harus tak boleh mengatasi keperluan gula yang ada dan ikhtiar Kerajaan juga adalah sama, ini untuk kebaikan dan mengatasi kekurangan gula. Saya tengok tiap-tiap malam disiarkan dalam TV. Kurangkan

gula untuk kesihatan anda. Kalau tak makan gula banyak, badan kita jadi sihat dan makan lebih gula akan mendatangkan bermacam-macam penyakit tetapi saya fikir kalau buat begitu, semua orang tak makan banyak gula, harus juga gula tak cukup untuk mengatasinya. Saya mengesyorkan patut kita adakan satu lembaga, misalnya Lembaga Tanaman Gula (LTG) atau Lembaga Tebu Negara (LTN), kita tengok tanah yang sesuai, patut kita tanam tebu.

Di Perlis, walaupun negeri itu kecil, tanaman tebu cukup menjadi. Kalau tak silap saya dalam setahun tak kurang dari \$5 juta keuntungan kita dapat daripada kilang gula, bukan sahaja tempat yang merupakan ladang tebu tetapi tempat yang berhampiran dengan negeri Perlis pun ditanam dengan gula tebu, cukup sesuai. Tetapi kalau hendak ditanam tebu dengan tak ada kilang, kalau hendak buat kilang, dengan tak ada aturan, tentulah tak boleh. Dengan sebab itu saya berpendapat kalaulah Kerajaan hari ini mengkaji bagaimana pada tahun-tahun yang lepas rakyat banyak menanam tembakau dengan perolehan yang banyak. Dan Kerajaan juga telah menubuhkan LTN (Lembaga Tembakau Negara), saya yakin rakyat Malaysia mendapat keuntungan berjuta-juta ringgit daripada usaha yang dijalankan oleh LTN dengan cara menanam tembakau.

Kalau dahulu tembakau yang kita tanam tidak menjadi kerana tidak ada tanah yang sesuai, hari ini rakyat Malaysia dapat berjuta-juta ringgit. Ada yang sampai satu ekar dapat \$2,000-\$3,000 sebulan. Jadi di sini mereka juga dapat tanam tebu tetapi kalau dibuat macam cara LTN berikhtiar sama dengan pihak kilang dan ditubuhkan satu lembaga di bawah Kementerian Perdagangan misalnya, saya fikir dua masalah ini akan kita atasi. Masalah pertama dapat mengurangkan sedikit kesulitan kekurangan gula. Kedua, dapat menambah pendapatan rakyat sebagaimana tanaman tembakau. Begitulah juga tanaman tebu, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap Kerajaan patut mengambil tindakan atau membuat kajian di atas cadangan saya tadi, kerana saya rasa negeri Perlis amat bersesuaian begitu juga apa yang berlaku di Kelantan, rakyat dapat tanam tembakau dengan senang. Di Perlis juga tanaman tebu dalam satu ekar boleh dapat sampai \$2,000-\$3,000. Saya percaya dengan tebu itu ia akan dapat menambah hasil dan mengurangkan sedikit kekurangan gula yang dialami oleh

Kerajaan. Jadi saya harap Kerajaan seboleholehnya mengkaji sebagaimana saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap mengenai perdagangan. Saya tengok banyak orang di Padang Besar khasnya orang Thai membeli belah di Pulau Pinang, kerana ada kawasan yang dikecualikan cukai kepada mereka. Tetapi saya dukacita, mengapakah tak dibuat satu kawasan bagi negeri yang kurang maju seperti Perlis, cuba adakan satu kawasan perdagangan bebas, misalnya diadakan di Padang Besar yang berhampiran dengan Thailand dan kalau boleh diadakan usaha bersama dalam bidang industri yang sesuai yang dapat digunakan oleh kedua negeri di mana Thai dan Malaysia boleh gunakan. Patutlah diadakan zone bebas cukai dalam kawasan Padang Besar dan saya tengok ini amat sesuai dijadikan kawasan perdagangan, apatah lagi kalau boleh dijadikan kawasan perdagangan bebas. Saya harap perkara ini dapat dikaji oleh pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan PETRONAS khasnya mengenai kekurangan minyak, walaupun minyak mahal, itu adalah satu masalah, tetapi yang menjadi masalah kepada kita kadang-kadang minyak itu tidak ada. Tetapi saya bersyukur kepada negeri lain seperti negeri Kedah yang berjiran dengan negeri saya di Alor Setar misalnya, oleh sebab ada depot yang telah diadakan oleh pihak PETRONAS sendiri tidaklah begitu susah sangat pihak-pihak pembeli minyak ini, tetapi pihak-pihak pedagang swasta ini kadang-kadang ada pun dikata tidak ada. Lainlah kalau diadakan oleh pihak PETRONAS sendiri, dengan sebab itu saya berpendapat di Perlis juga patutlah diadakan depot tempat minyak ini seberapa cepat yang boleh, kerana kalaulah minyak mahal, dapat juga kita perolehi, janganlah benda itu sudah mahal tetap minyak tidak ada, dan seperti yang kita mahu kalau satu benda yang kita jalankan seperti kilang dan sebagainya, sekiranya tidak ada minyak, segala-gala jentera yang berenjin akan terhenti dengan sendiri, cara persendirian atau cara syarikat dan sebagainya. Dengan sebab itu saya berharap pihak PETRONAS akan mengambil tindakan mengadakan depot di Perlis seberapa cepat yang boleh, kerana perkara ini selalu disuarakan dan dirayu oleh pihak-pihak yang berkenaan di Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan syukur kepada Allah kerana saya dapat tahu di Perlis juga akan diadakan Maktab Perguruan, di masa lepas telah diadakan kononnya air tidak cukup, tidak begitu selesa, maka Maktab yang dicadangkan itu walaupun tidak dibuat iaitu dengan menumpang di tempat-tempat yang berkenaan ianya telah ditarik balik. Tetapi saya mendapat tahu bahawa pihak Kementerian akan mengadakan balik Maktab Perguruan di Perlis sebagaimana ada di tempat lain dan Kerajaan Negeri Perlis setahu saya telah membuat pengakuan bahawa tanah akan dicari dan telah dicari. Jadi saya berharap dan mengalu-alukan sangat seboleholehnya cepatkanlah Maktab Perguruan di Perlis. Di segi lain Kerajaan Perlis akan tolong mengikhtirakan sedaya upaya yang boleh. Benda ini kalaulah kita kata pada dasarnya akan diadakan satu Maktab Perguruan, tetapi kalau tindakan selanjutnya tidak dijalankan oleh pihak berkenaan, tentulah perkara itu tinggal begitu sahaja, akan tinggal kata-kata, namun Maktab tidak ada juga di negeri Perlis, walaupun negerinya kecil. Pada pendapat saya banyak negeri boleh dikatakan mempunyai Maktab Perguruan sama ada besar atau kecil dan hari ini kita mempunyai ramai guru di Malaysia, jadi di Perlis patutlah juga diadakan sebuah Maktab Perguruan sebagaimana yang diura-urakan ataupun dicadangkan oleh pihak Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyetujui mengenai pelabuhan. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah melawat negeri Perlis, di samping itu dia merasmikan Mesyuarat Persatuan Peniaga-peniaga Melayu Cawangan Perlis dan mereka telah membuat satu syor dan memorandum, antara lain minta diadakan satu pelabuhan di negeri Perlis iaitu Pelabuhan Kuala Perlis.

Saya berasa syukur kepada Tuhan kerana Kerajaan akan mengadakan banyak pelabuhan dalam Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti di Kuantan dan sebagainya, akan perbesar pelabuhan itu, kerana kita tahu dengan adanya pelabuhan ianya akan menjadi satu pusat dagang, kerana dapat membawa barang dengan cara kapal dengan banyaknya. Saya percaya kosnya murah dan dengan sebab itu pelabuhan ini banyak dibuat, yang sudah ada diperbaiki dan tempat yang tidak ada akan diadakan. Begitu juga di

Perlis, boleh jadi bahan-bahan yang dihasilkan daripada Perlis kalaulah dengan adanya pelabuhan yang akan dibuat atau belum dibuat oleh Kerajaan, ini membawa kos yang lebih murah maka barang itu bertambah laku dan begitu juga barang-barang luar yang kosnya mahal dengan adanya pelabuhan, bertambah murah dapat masuk ke Perlis, dengan sebab itu rakyat di negeri Perlis baik di segenap segi mana sekalipun sama ada di segi perniagaan, ekonomi, sangatlah berharap supaya Pelabuhan Kuala Perlis dapat diadakan, apatah lagi selepas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri mendengar rungutan dan rayuan daripada pihak yang berkenaan. Malangnya saya ter lupa membawa keratan akhbar itu tetapi walau bagaimanapun ianya telah disiarkan dalam akhbar. Yang Amat Berhormat sendiri bukanlah berjanji tetapi dia akan memberi perhatian yang cukup serius, perhatian yang utama di atas Pelabuhan Kuala Perlis, maka saya berharap apa yang telah diucapkan itu akan diberi perhatian yang sungguh-sungguh daripada Timbalan Perdana Menteri supaya ia akan diambil berat oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, ramai kawan-kawan kita telah bercakap di segi perumahan dan sebagainya. Saya dapat tahu hari ini kalau orang hendak kaya dan senang berniaga ialah tidak lain dan tidak bukan dengan menjadi pemaju perumahan, kerana rumah ini buat sahaja, tidak sempat naik, sudah ada manusia yang akan beli. Kadang-kadang yang kita sedih walaupun banyak rumah yang hendak didirikan tetapi tidak cukup, yang ada rumah, lagi hendak beli, yang tidak ada rumah, tidak ada juga.

Saya dapat tahu kalau hendak dibandingkan dengan negara-negara jiran kita, harga rumah di negara kita amat murah, maka dengan sebab itu kadang-kadang orang-orang lain yang bukan rakyat Malaysia juga datang membeli rumah di Malaysia kerana di negara mereka kadang-kadang sampai \$1 juta, di negara kita cuma \$300,000 sahaja iaitu rumah yang special, dengan sebab itu mereka datang membeli di sini, jadi orang luar datang membeli rumah di negara kita dan orang Malaysia kita pun beli juga. Ini adalah masalah rakyat, asalkan Malaysia dapat wang, dapat cukai, dapat itu, dapat ini tetapi masalah kita ialah masalah sosial, masalah rakyat juga hendaklah kita fikir bukan masalah hendak ambil wang banyak tetapi yang kita fikir ialah masalah rakyat, sosial,

khususnya rakyat di negara kita sendiri, buat kata pepatah: Kera di hutan disusui, anak sendiri mati kelaparan. Jadi tidak patut sangat orang luar dapat membeli rumah di sini sedangkan rakyat Malaysia sendiri ada yang tidak mempunyai rumah. Dengan sebab itu saya mencadangkan, Kerajaan patutlah menghalang terus rakyat luar yang bukan rakyat Malaysia daripada membeli rumah yang dibuat di Malaysia. Walaupun harga rumah tidak dinaikkan, boleh jadi pemaju perumahan agak tidak begitu bersetuju, tetapi kita memikirkkan untuk rakyat, dengan sebab itu patutlah Kerajaan kita menghalang terus daripada rumah-rumah yang akan dibuat di negara kita supaya tidak boleh dibeli oleh rakyat luar.

Yang kedua, saya mencadangkan juga supaya orang-orang yang memiliki rumah ini tidak payah lagi dapat rumah, biarlah kita adakan satu alat komputer dan menentukan siapa yang ada rumah, tidak boleh beli lagi. Kita bukan cemburu, Tuan Yang di-Pertua, tetapi ini tidak adil. Kalau seorang hamba Allah dapat rumah, ada lagi rumah yang dibeli kerana manusia ini apa sahaja yang boleh dibuat perniagaan bukan sebuah bahkan lima buah rumah pun akan dibelinya, kerana boleh jadi harga rumah pada tahun 1980 hanya \$100,000 tetapi pada tahun 1981 atau 1982 ia akan menjadi \$150,000 atau \$200,000 orang tetap akan membelinya. Dengan sebab itu siapa yang pandai berkira, ada bayar down payment, ia dapat beli rumah dan hamba Allah yang tidak ada down payment, tidak dapat beli rumah. Ini kita patut awasi betul-betul. Inilah satu perkara yang saya berasa dukacita kerana perkara ini berlaku dan masih berlaku, maklumlah masing-masing hendak cari keuntungan dan di samping keuntungan itu, janganlah ada satu pihak yang tertindih, teraniaya dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, di segi perumahan juga, kalau boleh kita adakan satu tabung, dan membenarkan orang-orang yang susah meminjam daripada tabung itu untuk membeli rumah. Misalnya, hari ini kalau ada pemaju perumahan yang menguntukkan 30% untuk orang Melayu, ia tidak dapat dibeli oleh mereka, dan ini berlaku. Kerana orang Melayu (bumiputra) yang hendak beli dengan harga yang murah walaupun mereka ada duit boleh dibeli, tetapi katanya sudah habis. Ini berlaku, kalau pihak Kementerian yang berkenaan ingin mendapat tahu, saya boleh beritahu di luar Dewan ini. Ini cukup sedih.

Ada satu lagi rancangan Kementerian Perumahan sebagaimana yang saya dapat tahu ia memberi pinjaman untuk membeli rumah sebanyak \$7,500 tetapi biarlah ada kenyataan dengan geran dan sebagainya. Memandangkan kepada kos harga kayu dan sebagainya telah meningkat tinggi, saya berpendapat \$7,500 yang telah ditetapkan untuk membeli rumah awam bagi pak tani di kampung dengan syarat mempunyai tanah bergeran, patutlah dinaikkan kadar sekurang-kurangnya \$15,000 memandangkan keadaan hari ini tidak begitu menasabah kalau diberi pinjaman \$7,500 sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan di masa yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah bercakap banyak perkara mengenai tanah. Kita merasa sedih walaupun ini adalah kuasa Kerajaan Negeri mengenai pengambilan tanah orang kampung. Kadang-kadang kita tengok seolah-olah mereka ini tidak berfikir dan mengkaji akan kedudukan mereka itu dan apa yang dikatakan oleh mereka itu adalah menasabah, kadang-kadang bila Kerajaan hendak menilai, hendak ambil tanah, diambilnya dengan harga yang murah. Tetapi bila Kerajaan hendak nilai, kita hendak jual tanah dia nilai mahal kerana hendak ambil cukai. Ini selalu berlaku, hendak ambil tanah dinilai dengan harga yang murah tetapi bila rakyat hendak jual tanah dinilai dengan harga yang mahal kerana hendak ambil cukai. Yang sedihnya kadang-kadang kerana ubah milik, hendak tukar nama misalnya dari bapa kepada anaknya, hendak beri pesaka misalnya, itu pun terpaksa dibayar cukai dengan harga yang tinggi.

Saya berpendapat kalau hendak kecualikan 100% pun boleh jadi tidak bertanggungjawab langsung kerana pesaka tadi biarlah kecualikan sedikit kerana ia akan menambah pesaka bapa, bukan dia membeli tanah lain. Tetapi kalau satu-satu tanah yang akan dijual atau dibeli untuk perumahan, untuk berbagai-bagai projek yang akan mendapat untung berlipat kali ganda dan untungnya boleh jadi beratus ribu, maka patutlah perkara itu dinaikkan. Tetapi kalau macam hendak beri pesaka, perkara ini patut saya fikir Kerajaan buat kajian semula supaya janganlah orang-orang yang hendak mendapat pesaka dari tanah bapanya pun terpaksa seolah-olah macam hendak beli balik, padahal dia akan mendapat pesaka dengan

ubah nama dan sebagainya. Saya berharap ini mendapat perhatian daripada pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana ini juga bersabit dengan tanah. Kerajaan hari ini telah menaikkan kadar bayaran tanam semula daripada \$1,200 kepada \$2,200. Syukur kepada Tuhan dan terima kasih kepada Kerajaan kerana menolong rakyat. Tetapi orang yang dapat tanah semula ialah orang yang tanahnya ada geran. Kepada hamba Allah yang tanahnya tidak bergeran dia tidak akan dapat tanam semula. Kalau hendak kata dia tidak minta geran, dia telah minta bertahun-tahun. Ini yang saya katakan tadi kekurangan kakitangan dan sebagainya membuatkan hamba Allah ini tidak dapat geran. Di tempat saya sendiri ada yang tidak boleh tanam semula kerana tanahnya tidak bergeran; telah diminta tetapi tidak dapat. Nasib baik ada TOL, ada juga yang tidak ada TOL. Hendak dikatakan tanah itu Kerajaan hendak gunakan, tanah itu tidak berguna sebab itu dia boleh tanam getah dan sebab itu dia boleh tanam getah dan sebagainya. Jadi saya berharap sangat kerana perkara ini banyak bersangkutan, patut diawasi betul-betul oleh Kerajaan.

Yang kedua, saya haraplah dengan kenaikan \$2,200 ini menjadikan pekebun-pekebun kecil lebih baik lagi dan kalau boleh dibanyakkan lagi tempat-tempat mengasap dan sebagainya untuk memberi kebaikan kepada pekebun-pekebun kecil supaya taraf pekebun-pekebun kecil itu dapat tinggi lagi daripada taraf yang ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga saya amat dukacita dan sedih bila saya dengar satu berita mengatakan seorang Pegawai Bomba yang telah mendapat kemalangan tidak dapat saguhati, dapat kesusahan akibat dari kemalangan itu. Kita tahu bomba itu walaupun tidak masuk hutan macam askar tetapi kita tahu walaupun api menjadi kawan kepada kita, ada dalam poket boleh hisap rokok, boleh menanak dan sebagainya tetapi kita tahu api kalau kecil menjadi kawan, besar tetap menjadi lawan. Maka ahli-ahli bombalah yang akan menahan sekadar yang boleh, sekurang-kurangnya tidak melarat ke tempat lain. Selalu kita dengar bila ada kebakaran bomba dapat mengawal, kalau tidak kawal rumah yang terbakar dapat dipadam pun, dapat mengawal sekelilingnya

tidak kena kebakaran. Alangkah sedihnya, Tuan Yang di-Pertua, kalaulah orang yang betul-betul bekerja 24 jam yang giliran malam yang kita tahu bekerja dengan api ini mesti di waktu malam, menahan api, pegawai bomba boleh cakap orang dalam air mati, kata orang masuk akal, kerana dia akan menghadapi api. Kalau orang yang macam ini tidak diberi saguhati ataupun imbuhan dan sebagainya semasa dia kecemasan amatlah sedih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya berharap sangat kepada pihak Kerajaan kalaulah benda ini tidak ada, patutlah diawasi, patutlah diadakan muga-muga tidaklah menjadi satu penganiayaan kepada orang yang bertanggungjawab untuk menyelamatkan nyawa manusia dengan alat-alat yang disediakan oleh Kerajaan tetapi walau bagaimanapun kita tidak nafikan mereka adalah sebagai kakitangan alat penggerak untuk menjalankan perkara itu. Kalaulah kepada mereka ini kita tidak begitu mengambil berat saya berasa dukacita, pihak-pihak lain juga tidak begitu gemar bekerja dengan bomba kerana ini satu perbuatan yang tidak menasabah. Saya berharap sangat kepada pihak yang berkenaan untuk mengawasi perkara yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang pak tani, walaupun saya bercakap banyak di segi harga padi tetapi kalau saya tidak bercakap di segi pak tani tentulah tidak begitu menasabah. Saya mengucapkan syukur kepada Tuhan dan terima kasih kepada Kerajaan yang telah mencadangkan bantuan subsidi kepada pak tani menerusi LPP dan sebagainya, akan dinaikkan. Dengan sebab itu saya percaya ramai lagi pak tani yang tidak menjadi ahli LPP supaya pihak Pegawai Pertanian menguatkan lagi hebahan atau penerangan seboleh-bolehnya semua pak tani dapat menjadi ahli Persatuan Peladang ataupun LPP dan seboleh-bolehnya dengan banyak subsidi ini dapatlah ditambahkan lagi baikpun baja dan di segi-segi lain kepada pak tani, dan saya berharap juga menambahkan dengan cara kajian kerana ada kadang-kadang pak tani mendapat benih-benih yang tidak begitu menasabah dan kadang-kadang memberi bantuan yang merupakan satu pertolongan kepada pak tani. Jadi, kadang-kadang bagi pemulihan dusun, benih dan sebagainya biarlah benda ini walaupun banyak kita hendak beri tetapi kalaulah tidak mengikut kajian, masa yang menasabah, itu tidak menjadi kebaikan kepada rakyat.

Jadi, saya berharap dengan banyaknya subsidi yang akan ditambahkan oleh Kerajaan, ramai lagi rakyat yang akan menjadi ahli Persatuan Peladang walaupun ada yang belum menjadi ahli, dan cara pertolongan itu biarlah betul-betul adil dan menasabah dan bersesuaian dengan apa yang diberi. Misalnya, macam benih-benih, biarlah benih-benih yang baik, janganlah diberi benih kacang bila ditanam kacang itu tidak tumbuh, di masa hujan hendak tanam tidak boleh. Begitu juga bantuan dusun, diberinya suruh tanam apa yang patut sedangkan musim itu musim kemarau yang amat dahsyat, kalau ditanam pun benih itu harus mati begitu sahaja. Biarlah bersesuaian dengan musim dan tempat yang berkenaan, kerana sesuatu kerja pada pendapat saya kalau banyak lagi baik tetapi kalau tidak bersesuaian dengan keadaannya, benda itu tidak akan berjaya. Jadi saya harap dengan bantuan-bantuan yang akan diberi oleh Kerajaan itu akan dapat bersesuaian dan menasabah.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pertanian ini juga, saya tidak mahu kata di Perlis itu walaupun tinggi di utara, saya tidak nafikan utara itu tinggi sedikit daripada selatan, selatan pun ada bukit tetapi saya ingat kalaulah air boleh naik daripada selatan Perlis dengan Rancangan Muda yang berpusat di Pedu, saya fikir boleh kalau hendak jadikan saluran air untuk menanam dua kali setahun di Perlis utara. Saya berpendapat untungnya banyak, kalau dibuat saluran dua kali, satu boleh tanam padi dua kali setahun, yang kedua mengurangkan sedikit banjir kerana saluran air itu boleh dibuang dan boleh dibawa masuk. Banjir ini punca yang selalu berlaku air masuk tidak ada saluran yang boleh keluar, sebab itu hari ini kalau dibandingkan Perlis utara dan Perlis selatan, kalau hendak dibandingkan dengan cukup air untuk menanam padi Perlis selatan lebih banyak air, tetapi kalau dibandingkan dengan banjir, Kangar banjir, Kaki Bukit banjir, Batu 10 banjir walhal tempat ini tidak boleh tanam padi dua kali setahun.

Dengan sebab itu, saya berpendapat kalaulah dibuat saluran air boleh juga ditanam dua kali dan mengurangkan banjir yang selalu melanda di kawasan saya sendiri iaitu di kawasan Kangar yang menjadi Perlis utara kepada negeri Perlis. Jadi kalaulah dibuat dengan Rancangan Perairan Muda agak saya boleh digunakan untuk kawasan Perlis utara juga.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap di segi kesihatan kerana kita ini walaupun ada wang banyak kalau badan tidak sihat tentulah tidak jadi, itu kita tidak nafikan. Kesihatan menjadi satu punca segala-galanya. Biarlah wang seberapa banyak mana sekalipun, bagaimana besar pangkatnya tetapi kalau tidak sihat manusia tidak boleh hidup kerana kesihatan adalah satu syarat utama untuk kebahagiaan manusia. Pada pendapat saya ada wang banyak kalau tidak sihat tidak bahagia, sihat sahaja tidak ada wang tidak aman pun tidak bahagia. Sihat, ada wang, aman barulah bahagia. Syarat kebahagiaan ada sihat, mesti bahagia. Kita mengucapkan terima kasih kepada Kementerian, kepada Kerajaan yang telah membina bangunan yang begitu cantik untuk hospital dan sebagainya.

Misalnya, di Perlis kalau hendak dibandingkan dengan sebelum merdeka dahulu bangunannya terseram cukup cantik dan besar. Kita ucapkan terima kasih tetapi sebagai perkhidmatan yang dijalankan oleh manusia tentulah perkara-perkara yang patut kita tegur untuk menjadi kebaikan lagi. Yang sedihnya kerana kekurangan doktor. Hospitalnya besar dan cantik, kalau doktor-nya tidak cukup, tidak boleh mengubat orang. Bagi pendapat saya yang penting di atas mengubat ini ada tiga: doktor, orang yang tahu mengubat waima doktor apa sekalipun, kedua, ubat; dan yang ketiga, baru tempat. Kalau ada doktor pandai mengubat, baik berubat dalam bangsal yang buruk pun harus penyakit itu akan kurang tetapi kalau hospital itu cantik, doktornya tidak ada, ubatnya tiada, sakit tetap sakit, dia tidak akan baik dengan rumah yang cantik. Jawabnya kalau kita sanggup buat bangunan yang cantik, saya berharap Kerajaan berikhtiar sebolehnya mencukupkan doktor. Macam di Perlis tempat saya sendiri, pakar matanya tidak ada. Di masa yang lepas, ada seminggu sekali tetapi ini tidak cukup dan berbagai-bagai lagi kekurangan.

Saya rasa satu ketika dahulu ada 34 orang doktor yang boleh mengubat rakyat di Perlis tetapi hari ini saya dapat tahu tinggal cuma 16 orang. Kalau pada satu ketika ada 34, sekarang tinggal 16, apa yang boleh dibuat dengan bangunan yang cantik. Saya harap dan saya merayu, kalau boleh biarlah hospital itu cantik tetapi kalau tidak boleh hospital yang cantik, yang pentingnya doktor yang cukup baik dan ubatnya ada. Itu lebih

penting. Bagi saya, saya beri markah nombor satu doktor; nombor dua ubat; nombor tiga baru tempat berubat. Kalau dijadikan nombor satu tempat berubat; nombor dua doktor; nombor tiga ubat, itu berlawanan dengan pendapat saya.

Saya berharap bilangan doktor ini patutlah diucupkan. Apa pakar yang tidak ada di Perlis, patut diadakan dan kalau boleh adakan latihan, moga-moga dapat membanyakkan ditempat itu.

Satu lagi mengenai hospital ini ialah tempat berubat orang sakit. Yang sedihnya orang yang masuk Kelas Satu mendapat rawatan yang cukup baik dilayani oleh jururawat-jururawat, kita lihat cukup seronok, kadang-kadang kita tidak hendak balik, seolah-olah hendak duduk di hospital. Itulah saya perhatikan orang yang masuk Kelas Satu dan sebagainya. Tempatnya pula selesa, bersih dan segala-galanya ada. Tetapi bila kita melancarkan ke kelas-kelas lain, kelas tiga yang tempat itu kebanyakan pesakit seperti accident, luka, tempat tua dan sebagainya, amatlah sedih. Bagi saya sendiri kalau tidak selalu, dalam sebulan, dua bulan sekali saya bukan melawat sebagai Wakil Rakyat, tetapi sebagai peri kemanusiaan kadang-kadang saya lihat tiap-tiap wad dan tiap-tiap bilik di rumah sakit. Kadang-kadang saya sedih kalau dia hendak beri nasi kepada orang tua yang sakit, masa bagi makan, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, "nah ambil, ambil Mat" Orang tua itu terketar-ketar, dijerkah dan sebagainya. Ini saya sedih. Saya rasa kalau rumah yang besar, kalau di dalamnya tidak ada keindahan, tidak bahagia, buat kata orang tua-tua, kebahagiaan manusia sejati bukan duduk di motokar besar, di rumah besar, tetapi duduk di hati yang tenteram dan aman. Kalau hospital yang selekeh pun, kalau jururawatnya bagus, doktor-nya bagus, ubatnya bagus, alangkah sedapnya, orang sakit itu tumpang berubat. Tetapi kalau keliling rumah batu, kena tengking dan sebagainya, ini adalah satu perkara yang amat sedih dan kita tidak nafi dari segi perubatan, segi saikologi adalah satu syarat yang mesti dikehendaki juga dari segi mengubat. Saya harap perkara ini akan mendapat perhatian daripada pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, yang menarik perhatian saya baru-baru ini kalau tidak silap saya lihat dalam akhbar atau TV sendiri

iaitu Persatuan BAKTI Persatuan Isteri-isteri Menteri-menteri akan membuat peruntukan yang banyak kepada satu tabung penyakit jantung di Malaysia. Saya sangat-sangat mengalu-alukan atas syor yang telah dijalankan oleh satu pakatan yang bernama BAKTI yang kalau tidak silap saya dipengerusikan oleh isteri Perdana Menteri sendiri dan begitu juga Menteri-menteri yang lain yang akan membuat bakti kepada masyarakat khususnya kepada orang-orang sakit.

Saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, saya akui hari itu, kerana kita walau macam mana banyak wang sekalipun apatah lagi kalau tiada wang makan sekadar yang dapat makan tetapi kesempurnaan dalam jiwa juga kita hendak. Saya amat bersyukur kepada Tuhan sebagaimana saya katakan tadi sebagai simpati, saya berjanji kalaulah tabung penyakit jantung yang akan diadakan oleh pihak hospital dan juga pihak BAKTI akan memberi derma yang begitu banyak, bagi saya sendiri, saya juga akan memberi bakti kalau tidak banyakpun agak sebulan \$1 sumbangan yang tetap.

Baru-baru ini bila saya lihat di dalam akhbar, ini bukan tempat kempen pilihanraya tetapi apa yang saya cakap ini apa yang saya terasa apabila saya lihat seorang kanak-kanak yang begitu cantik dan molek, kalau tidak cantik pun dia adalah manusia yang dia mengidap penyakit jantung dan terpaksa berubat biasanya \$10,000 tetapi malangnya bapanya dapat mencari setakat \$400 itupun terpaksa berjual gadai baru dapat. Alangkah bahagiannya kalau ada tabung begini. Kita tidak payah tunggu. Kadang-kadang sakit kita yang sedikit, sampai kita tidak boleh tahan menderita apatah lagi kanak-kanak yang berumur 2½ tahun, 2 tahun, 3 tahun menderita dalam badannya penyakit jantung dan sebagainya, tentulah kita sama-sama rasa. Sebab itu dalam bulan puasa disuruh kita berpuasa, hendak suruh kita rasa bagaimana rasanya orang tidak makan, lapar macam mana kita tidak makan. Begitulah juga bila kita merasa sakit, terasalah kanak-kanak yang berumur 2½ tahun dan 4 tahun yang sakit jantung sebagaimana saya katakan tadi tetapi malangnya kerana keluarganya miskin, tidak dapat hendak berubat. Dengan adanya tabung yang dicadangkan ini, saya harap akan mendapat perhatian daripada Kerajaan dan saya mengucapkan tahniah

kepada BAKTI yang telah dipengerusikan oleh isteri Perdana Menteri agar dapat menjalankan banyak lagi kebajikan yang akan menolong rakyat di masa yang akan datang di samping Kerajaan kita telah membuat berbagai-bagai rancangan. Saya ucapkan syabas dan terima kasih kepada pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap juga di segi penerangan. Sibaran am adalah mustahak. Kadang-kadang benda itu tidak baik tetapi bila sibaran itu pandai, orang kata baik. Sebab itu iklan dalam TV kadang-kadang kita ingat seolah-olah macam hak iklan dalam TV. Selepas sahaja dia tunjuk satu cerita, iklan pula disiarkan bermacam-macam. Kadang-kadang ada iklan yang lawan gusti orang pendek mengalahkan orang besar terlentang dengan memakan coklat. Ada kanak-kanak dia lebih suka melihat iklan daripada dia melihat cerita sendiri. Bila kita tanya, mengapakah Kerajaan Malaysia ini sanggup membiarkan iklan begitu banyak mengapa dia tidak benar kerana iklan telah memberi wang yang banyak kepada Kementerian Penerangan melalui siaran TV. Kita tanya balik, mengapa iklan atau pihak-pihak peniaga, industri-industri yang berkenaan sanggup memberi iklan begitu banyak, kerana dengan iklan membawa orang teringin hendak membeli. Sebab itu saya katakan sibaran am, iklan adalah satu alat yang penting di kedua segi bukan sahaja bagi negara, jualan pun mustahak. Orang yang tidak baik pun boleh jadi baik, kalau iklannya kena. Orang yang baik-pun boleh jadi tidak baik, kalau iklannya buruk. Sebab itu kadang-kadang dalam politik orang pandai iklan, dia tidak bagus pun jadi bagus. Kadang-kadang orang yang bagus, boleh jatuh, kerana iklannya tidak kena. Iklan mustahak, sibaran am ini mustahak, begitulah peranan TV atau Radio, sebagai iklan, sebagai alat sibaran am untuk membawa manusia ke jalan mana yang dia suka hendak pergi.

Jadi saya berharaplah sebaran am akan memainkan peranan yang penting untuk kebaikan kepada rakyat dan sebagainya dengan penerangan apa yang telah berlaku pada hari ini sebagaimana saya kata pada petang semalam, penerangan yang cukup, tetapi juga di segi-segi yang lain. Dan begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, sebaran am ini

yang penting juga untuk membangkitkan semangat, di hari-hari yang bersejarah misalnya. Misalnya di dalam TV sekarang tiap-tiap malam ada rancangan "Hari Ini Dalam Sejarah". Semalam bila saya tengok di TV jam 10.15 malam kalau tidak silap saya, sejarah 22hb terhadap orang Johor hendak menuntut secara persendirian. Saya tidak pernah dengar melainkan semalamlah baru saya dengar. Jadi ini memang patut. Kita tahulah apa semangat orang ini, apa yang malangnya orang ini melalui sejarah kerana sebaran am itu boleh menunjukkan kepada orang ramai. Begitulah dari segi-segi yang lain. Jadi saya harap pihak TV ataupun radio memainkan peranan yang penting. Dan kalau boleh biarlah kena bersesuaian dengan masa.

Misalnya, cerita-cerita seperti drama kerana ini juga memberi tauladan yang baik macam drama "An'ang Aki" yang disiarkan baru-baru ini. Tetapi apa yang menjadi tanda tanya cerita "Anjang Aki" itu tidak ketahuan hujungnya. Apa yang jadi kepada pihak yang berkenaan? Hujung cerita itu seperti kata pihak-pihak yang berminat, termasuk saya sendiri sebagai salah seorang peminat, biar ada akhirnya. Kerana orang Melayu kalau diawal ceritanya dia sombong di akhirnya dia mendapat balasan atas kesombongannya, orang suka ikut macam itu. Kalau di awal cerita dia berlagak sombong dan diakhirnya tidak dapat balasan, tidak jadi satu kesan orang hendak tengok. Walaupun cerita begitu bengot biarlah cerita itu kita ulang supaya menimbulkan satu kesan terutama sekali kepada anak-anak muda. Boleh kata—hang jangan buat sombong dekat orang, nanti jadi macam itu. Buat baik macam Anjang Aki, lambat laun dapat baik. Jadi drama seperti ini patut kita banyakkkan di dalam TV dan sebagainya.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, pada hari-hari yang bersejarah. Yang saya hairan pada hari kebesaran, orang-orang Melayu ada kebesaran secara Islam, misalnya Hari Raya Puasa. Hari Raya Haji, begitu juga hari-hari ugama lain, tetapi yang sedihnya. Tuan Yang di-Pertua, Hari Raya Haji ataupun Hari Raya Fitrah walaupun ada cerita Melayu kadang-kadang, saya tidak menentang mengikut ugama kita tidak boleh menentang. Mengikut ugama dia, dia boleh buat cara dia. Kristian buatlah cara Kristiannya. Tetapi yang sedihnya pada hari Raya Puasa ditunjuk macam

mana orang Kristian bersembahyang. Dipe-nuhi dengan cerita-cerita Inggeris. Saya tidak larang, Tuan Yang di-Pertua, tetapi biarlah hari kebesaran dengan ugama misalnya seperti Hari Raya Fitrah, Hari Raya Haji membanyakkkan cerita-cerita yang membawa ke arah keugamaan ataupun kalau pada Hari Raya Puasa cerita-cerita yang menasabah dengan Hari Raya Puasa. Janganlah ditayangkan cerita-cerita orang putih, cowboy dan sebagainya. Betul, anak-anak muda suka tengok tetapi biarlah menasabah dengan Hari Raya Fitrah. Begitu juga dengan Hari Raya Korban misalnya carilah cerita-cerita yang menasabah bagi kita. Ini cerita Indonesia. Saya tidak kata cerita Indonesia itu tidak baik, kita satu gugusan pulau-pulau Melayu. Cerita Taubat, carilah cerita yang menasabah dengan rakyat Malaysia sendiri. Ini lebih penting bagi rakyat hendak tengok selain daripada cerita-cerita itu, yang lain semuanya cerita-cerita Inggeris. Seolah-olah hari itu tidak ada makna, cuma takbir sekali sekala, lepas takbir, tayanglah! Biarlah, menasabah. Kalau Hari Raya Kristian, buatlah. Sebab berbilang kaum. saya tidak marah, tetapi biar menasabah dengan hari berkenaan. Kerana ini menjadi satu alat sebagai sebaran am, saya katakan orang akan perhatikan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah warak sangat. Saya berasa seronok selepas bercakap di dalam Dewan ini, di dalam TV ada rancangan baca Quran. Kalau bolehlah, ada setengah orang dia hendak tengok balik ayat-ayat atau makna ayat-ayat yang dibaca tadi, sebelum dibaca ditulis ayat berapa, surah apa, tulis sedikit. Itu ada ditulis suatu ketika dahulu. Tetapi tidak tahulah saya; pada hari ini dipadam balik. Kalau boleh saya merayulah kepada pihak RTM tolonglah tulis. Bukan untuk saya seorang. Manusia banyak, kadang-kadang ayat yang dibaca cukup bagus, Tuan Yang di-Pertua. Boleh dikatakan saya kalau mengikut rancangan TV sampai akhir mesti saya ikut sampai baca Quran, ini cukup menarik. Saya tidak kata saya baik. Banyak orang yang baik lagi. Sebab orang Islam perintah Tuhan kena dengar dan kena ikut, Alangkah bahagianya selepas kita dengar makna bagus, bersangkutan dengan masyarakat, kita buat rojokan kepada ayat itu, kita ulang semacam kita hafal moga-moga dengan dia baca sekali, esok kita cari dan kita hafal dan kita faham makna, lagi baik. Tetapi kalau kita hendak mencari yang

30 juz di dalam Quran di mana ayat yang kita hendak cari kecuali ustaz yang baca selalu, dia tahulah. Kita tidak tahu. Jadi, saya merayulah sangat-sangat kepada pihak RTM, jalankanlah seperti yang telah lalu.

Yang kedua, ubahsuai dengan masa, saya harap sangat. Tentang masa hendak ajar agama patut diubahsuai dengan masa sembahyang. Tetapi hari ini tidak begitu kelimat sangat, kadang-kadang masa sembahyang itu tidak sama dia tidak ikut jam, tetapi mengikut keadaan naik matahari. Boleh jadi selalu sempat orang sembahyang kerana masuk maghrib awal. Tetapi di masa lepas kadang-kadang masuk syarahan-syarahan agama ini sama sekali dengan masa Sembahyang Maghrib. Ini tidak sesuai dan kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, macam hari ini patutlah disesuaikan dan ditambahkan lagi masa-masanya yang berkenaan. Ini saya harap sangat-sangatlah mendapat perhatian daripada RTM atau TV Malaysia untuk menjadi kebaikan dan penerangan kepada rakyat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Tuan Shaari bin Jusoh: Tidak panjang lagi, Tuan Yang di-Pertua, penyelarasan amatlah mustahak. Ada pejabat-pejabat kita merasa sedih. Ada setengah pejabat misalnya JPT dan JKR dua tiga segi saya berharaplah mendapat perhatian daripada pihak-pihak yang berkenaan. Satu, kalaulah satu-satu parit itu semak, kita tidak tahu hendak jumpa siapa. Kalau kita jumpa JPT, kita kata parit semak, dia kata bukan parit aku, ini parit jalanraya, JKR bertanggungjawab. Bila kita pergi ke JKR dia kata parit di bawah JPT. Ditolak oleh JPT, ditolak oleh JKR sampai parit pun tinggal semak. Jadi saya berharaplah, penyelarasan di antara pejabat-pejabat, badan-badan Kerajaan yang akan membina negara ini patutlah diselaraskan.

Misalnya, pembangunan bandar. Dia buat projek pembangunan yang cukup banyak. Misalnya, di Kangar walaupun negeri Perlis itu kecil dengan banyaknya projek di Kangar, hari ini apa jadi? Lama sedikit hujan jadi banjir! Walhal di masa saya kecil dulu, hujan itu hujan juga tetapi di dalam sejarah negeri Perlis kata orang, di dalam 34 tahun sejarah negeri Perlis ada satu atau dua tahun hujan yang paling dahsyat sekali. Selain daripada itu banyakkah jadi. Bulan Disember atau

bulan Januari hujan, mengikut keadaan musim. Tetapi hari ini tidak kurang empat kali, sudah jadi macam Kelantan ada banjir di negeri Perlis. Banjir yang paling banyak ialah di pekan Kangar. Mengapa jadi banjir? Hujan! Ada setengah-setengah tempat tidak banjir. Jawabnya, hujan jikalau ada saluran, airnya tidak akan bertakung. Tetapi dengan adanya hujan, saluran air tidak boleh lalu, maka berlakulah banjir. Hujan sedikit, banjir. Ini disebabkan air tidak mengalir dia menakung.

Bila banyak bangunan yang dibuat oleh pihak-pihak badan swasta, tidak ada kerjasama. Ada setengah dibuat, kualanya sungai terkatup, misalnya sungai Perlis, sungai Kangar. Saya masih ingat semasa saya kecil dulu, sungai itu boleh dimasuki tongkang, daripada Kangar hingga ke Kuala Perlis boleh dilalui dengan tongkang. Tetapi hari ini dilompat pun boleh. Jadi, apabila dibuat satu bangunan satu parit terkatup. Apabila dibuat satu bangunan satu sungai terkatup, banjir pun berlaku. Penyelarasan tidak ada.

Saya berharap kalaulah Kerajaan hendak membuat sesuatu projek biarlah ada penyelarasan misalnya antara JPT, JKR dan Perancang Bandar dan sebagainya. Begitu juga semua projek biarlah ada penyelarasan. Kadang-kadang hari ini orang ini buat satu benda, kena buat parit, esok yang lain pun kena buat parit. Kerja itu sahaja sampai tidak habis berbulan-bulan. Penyelarasan sangat mustahak.

Kalau tidak ada penyelarasan antara satu jabatan dengan satu jabatan, satu Kementerian dengan satu Kementerian akan membawa akibat yang banyak kepada rakyat. Kita hendak kepada pembangunan, kita hendak jalan, kita hendak rumah tetapi apa ertinya kalau rumah banyak selalu berlaku banjir, terutama kepada orang yang susah dan sebagainya. Kita hendak jalan apa ertinya ada jalan kalau selalu banjir. Jalan kita hendak, pembangunan kita hendak tetapi jangan berlaku banjir. Saya percaya, kalau dapat kita buat saluran-saluran air, sungai dan sebagainya. Banjir ini walaupun berlaku kalau terlampau banyak hujan tidak akan berlaku macam sekarang kalau penyelarasan itu dapat kita laksanakan. Jadi, saya harap sangat-sangat pihak Kerajaan kalau boleh menyelaraskan semua pejabat apatah lagi satu Kementerian misalnya Kementerian Pertanian, tetapi dukacita kalau

dalam Kementerian Pertanian dia hendak samakan dengan JKR tidak boleh kerana JKR buat urusan awam, tetapi kalau dalam jabatan-jabatan lain itu saya ingat tidaklah begitu susah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu elaun telah juga dinaikkan. Pihak lainpun kalau boleh biarlah kita naikkan. Subsidi padi telah dinaikkan gaji, pegawai-pegawai lain telah dinaikkan. Apa yang tidak dikaji ialah gaji pihak pegawai pihak pertahanan negara iaitu ahli-ahli daripada askar wataniah dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, saya berasa dukacita kalau saya renungkan kembali daripada mana asal kita, biarlah saya katakan terus terang, saya ini asalnya datang daripada Penyelia KEMAS. Bila saya tengok kawasan-kawasan saya yang senasib dengan saya, yang baik itu baguslah iaitu pandai berniaga dan sebagainya, tetapi yang bekerja sebagai Penyelia sampai ke hari ini. Mereka bukan bertugas seperti dahulu iaitu KEMAS tetapi ditambah pula dengan berbagai-bagai aktiviti, kadang-kadang mereka ini lebih daripada penghulu kampung. Kalau dahulu masa beberapa tahun yang lepas tahun 1961 sampai 1971 kadar untuk menjadi Penyelia Kelas Dewasa mengajir orang buta huruf, tetapi hari ini, menyelia di segenap segi, rancangan desa usaha, dengan ada di bawah Penyelia PN, RDU, TBK dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kerajaan khususnya kepada Kementerian yang berkenaan kajilah semula.

Saya biasa kata dalam Dewan yang mulia ini, saya perhatikan kawan-kawan saya yang biasa menjadi Penyelia dan saya masih tahu hari ini mereka ini ada kebolehan, syaratnya kena ada kelulusan dan sekian-sekian umur. Kalau pegawai-pegawai lain seperti tukang kebunpun ada pencen, mereka ini pula bekerja tidak tahulah saya. Jadi, saya harap dapat perhatian yang serius daripada Kerajaan. Kalau boleh elaun mereka ini dinaikkan, dikaji dengan teliti dan dinaikkan secepat pangkat, baik Penvelianya, Pemaui Masyarakatnya, RDU, TBK yang meniaga kanak-kanak—budak-budak kecil itu cukup sedih dengan \$150 tidak menasabah. Elaun itu naik, subsidi itu naik, saya merayu sangat-sangat kepada Kementerian, kepada Kerajaan ambil perhatian TBK, bukan satu dua banyak lagi dalam pe'abat KEMAS ini, banyak cabang. Pendek kata, tiap-tiap yang ada dalam

KEMAS patut mendapat perhatian seboleh-bolehnya patutlah dinaikkan elaun mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi bercakap hal askar belum habis lagi iaitu Tentera Wataniah. Saya dapat tahu di Perlis sendiri akan ditubuhkan satu batalion 106 tetapi tidak begitu banyak orang tertarik. Saya tanya mengapakah mereka tidak mahu masuk Askar Wataniah ataupun tentera tempatan. Dia kata keadaan telah menjadi terbalik. Kalau di masa lepas elaunnya sebulan kalau tidak silap saya \$29.00. Hari ini naik tidak banyak, kalau tidak silap saya naik tetapi tidak banyak. Tetapi di masa latihan kalau 24 jam sehari kalau tidak silap berapa jam boleh dapat. Jadi elaun tidak dinaikkan sedangkan masa latihannya dinaikkan. Tuan Yang di-Pertua, mereka ini kita hendak beri semangat untuk mempertahankan negara. Kita tidak nafikan kalau manusia-manusia lain dapat sagu hati dan sebagainya, Askar Wataniah ini walaupun mereka ada semangat mempertahankan negara, tiap-tiap kita wajib mempertahankan negara setakat yang kita boleh tetapi kalau kita hendak elaun, gaji dan sebagainya, saya berpendapat tiap-tiap tentera wataniah ini yang ditubuhkan oleh Kerajaan patutlah dikaji semula dan dinaikkan elaun-elaun mereka mengikut kadar-kadar yang dinaikkan kepada Wakil Rakvat, elaun pegawai-pegawai Kerajaan, elaun kerani dan subsidi telah ditambah, kepada KEMAS dan Tentera Wataniah ini pula patutlah dikaji juga. Ini saya harap sangat-sangat.

Oleh sebab kawan-kawan savapun bising suruh saya berhenti, saya mengucapkan syukur kepada Tuhan dan terima kasih kepada Kerajaan kerana menolong dalam berbagai-bagai bidang. Tetapi walau bagaimanapun, saya berharap satu-satu benda itu biarlah bersesuaian. Misalnya, satu seseorang itu kalau hendak segak dia bicara dengan pakaian, lelaki cara lelaki, perempuan cara perempuan. Saya berasa seronok kerana di hospital hari ini jururawat boleh dikatakan pakaiannya tersusun, pakaiannya laboh sedikit tidak macam masa lepas. Tetapi yang saya sedih ada setengah-setengah jabatan lain, cikou misalnya, ada lagi yang pakaian tidak begitu cantik ditengok iadi patutlah diambil berat oleh Kementerian yang berkenaan. Begitu juga, pihak polis sendiri—polis perempuan. Tuan Yang di-Pertua, cantik

manusia ini ada tempatnya, pakaian manusia ini ada tempatnya. Kita datang ke Parlimen ini kalau tidak pakai coat tidak boleh masuk tetapi kalau kita duduk di rumah pakai coat orang kata kita bodoh. Jadi pakaian ini ada ketikanya. Bukan semua tidak boleh pakai singkat. Ada kalanya, pakaian ini buat kata orang saya masih ingat Tuan Speaker kata satu benda yang baik mengikut keadaannya. Kata pepatah Arab: tiap-tiap satu perbuatan mengikut tempat. Begitu juga pakaian baik lelaki ataupun perempuan. Anihnya terjadi kepada seorang pegawai polis perempuan, bila menangkap orang dia kelam-kabut dengan pakaiannya. Jadi pelik bila saya hendak cakap dalam Dewan yang mulia ini. Maka dengan sebab itu saya ingat lebih baik masa dia hendak menaga keamanan, dia hendak tangkap orang polis perempuan ini diharamkan terus daripada pakai kain kembang, kadang-kadang orang tidak suka tengok. Ini saya kata benda yang kadang-kadang biasa berlaku. Jadi, saya harap sangat-sangat, pakaian ini patut diawasi, bukan sahaja polis, jururawat dan sebagainya apatah lagi pihak menjaga keamanan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali sebagaimana saya katakan tadi tambahan kakitangan dan sebagainya patutlah diambil perhatian yang sebenar-benarnya. Kalau tidak, walaupun cadangan kita baik, rancangan kita baik, tetapi bila tidak dapat melaksanakan benda yang baik maka dengan itu dituduh oleh setengah-setengah golongan. Tetapi walau bagaimanapun, di atas apa yang dibentangkan oleh Yang Teramat Mulia Menteri Kewangan sekali lagi saya tegaskan ialah menjadi kebaikan kepada rakyat, khasnya yang berpendapatan rendah. Dengan itu, saya di sini menyokong Belanjawan negara yang telah dibentangkan pada 17hb lepas.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tumpat.

4.50 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengalu-alukan Belanjawan yang dikemukakan oleh Menteri Kewangan pada hari Jumaat yang lepas.

Reaksi daripada pembentangan Belanjawan yang dikemukakan oleh Menteri Kewangan itu pada umumnya sama ada yang kecil

mahupun yang besar adalah memberi sokongan dan tahniah kepada Menteri Kewangan yang telah membawa kita kepada ekonomi yang cerah daripada ekonomi yang muram yang dialami oleh dunia sekarang ini. Keadaan kemelesetan ekonomi dunia adalah dirasakan oleh negara-negara yang sedang membangun dan negara-negara perindustrian tambahan pula keruncingan yang berlaku kepada negara-negara di Telok Parsi yang tidak berkesudahan hingga sekarang ini. Kita berharap bahawa peperangan di Telok Parsi itu akan dapat ditamatkan dengan selekas-lekasnya supaya ia tidak menyulitkan lagi negara-negara lain di dunia ini yang kebanyakannya bergantung kepada bekalan minyak di Telok Parsi.

Malaysia sebagai sebuah negara pengeluar minyak walaupun ianya tidak setanding pada paras yang boleh menjadi ahli OPEC (Negara-negara Pengeluar Minyak) disebabkan bekalannya belum sampai kepada had minima, namun dengan terjumpanya punca-punca minyak di Trengganu, Kelantan dan mungkin juga di Johor boleh menambahkan lagi hasil pengeluaran minyak kita. Punca-punca hasil bumi ini boleh meninggikan lagi pendapatan negara, walaupun begitu kita tidak boleh bergantung semata-mata kepada hasil minyak sahaja malahan punca-punca lain seperti kelapa sawit selain daripada getah dan bijih timah adalah mendapat pasaran yang baik di pasaran antarabangsa khususnya di Amerika Syarikat. Kita mengharapkan bahawa pengeluaran ini akan bertambah berlipat kali ganda lagi dari setahun ke setahun. Kita mempunyai FELDA, satu daripada agensi Kerajaan yang telah memainkan peranan yang begitu penting dan aktif sehingga dapat kepujian daripada Bank Dunia dengan mana ia mempunyai perancangan yang dinamik, teratur, jentera yang cekap dan berdisiplin. Oleh kerana ia telah dapat membuktikan satu perancangan yang cekap, teratur dan telah dapat meninggikan pendapatan peneroka rancangan tersebut, maka saya rasa pengambilan peneroka rancangan tersebut sepertimana yang diadakan sekarang hendaklah diberi keutamaan kepada bekas pasukan keselamatan dan point-point keluarga seperti latar belakangnya hendaklah diambil kira. Saya rasa perancangan yang ada sekarang hendaklah dikekalkan. Kita tidak perlu memecahkan polisi pengambilan peneroka rancangan FELDA berdasarkan keadaan

tekanan politik DAP dan kunci-kuncunya yang hanya ingin memasuki jarum ideologi-nya ke atas rancangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan yang dikemukakan ini adalah satu Belanjawan yang sederhana dan bagi orang-orang yang berpendapatan rendah ia adalah memberi keuntungan kepada penanam-penanam padi. Ini sungguh membanggakan kita. Dengan adanya bantuan subsidi ini kita percaya harga padi akan tetap terjamin pada paras yang ada sekarang. Apa yang perlu ditekankan ialah bantuan kepada golongan yang berpendapatan rendah sayugia diambil perhatian yang berat oleh pihak Kerajaan kerana kenaikan harga barang-barang adalah berpunca daripada kenaikan minyak petrol dan juga kenaikan gaji kakitangan Kerajaan, Ekoran daripada ini menyebabkan orang-orang yang berpendapatan rendah adalah yang paling teruk dan menderita.

Tuan Yang di-Pertua, semua orang terasa benar akan akibat inflasi. Kadar inflasi naik 7% namun demikian kenaikan itu dirasai oleh semua pihak sama ada yang kecil ataupun yang besar. Kita juga faham bahawa kadar inflasi bagi Malaysia adalah di antara yang paling rendah di dalam dunia ini tetapi walaupun begitu kita juga berharap semoga ianya dapat diturunkan kepada paras yang paling rendah lagi, misalnya untuk menjaga wang supaya tidak melimpah di pasaran akibat dari kenaikan gaji daripada public sector tetapi mungkin juga daripada private sector. Umum mengetahui bahawa mereka juga meminta kenaikan gaji.

Saya rasa ada baiknya dalam setahun dua ini bank-bank perdagangan digalakkan untuk menaikkan kadar bunga sama ada dalam bentuk saving mahupun di dalam bentuk fixed deposit. Pernah pada satu ketika bahawa faedah deposit telah naik hingga 13%. Dengan pertambahan yang semacam ini, saya rasa ini menunjukkan satu competition yang sihat di kalangan bank-bank perdagangan di negara kita. Untuk menggalakkan pertumbuhan pembangunan ekonomi yang sihat, Bank Negara hendaklah memberi dorongan kepada bank-bank perdagangan supaya berikhtiar menaikkan lagi faedah saving dan fixed deposit, bukan sahaja setakat 13% tetapi juga kalau boleh 17% sama ada dalam bentuk jangka pendek mahupun dalam bentuk jangka masa setengah tahun atau lebih. Competition yang sihat seperti ini

harus mendapat galakan kerana selain daripada pertumbuhan ekonomi ia juga dapat mengawal wang di pasaran dari melimpah. Kita kluatir dengan wang yang banyak di pasaran terutama bagi pegawai-pegawai tinggi Kerajaan dan Eksekutif Kanan dalam private sector yang mendapat gaji yang lumayan akan mengeruhkan lagi suasana pasaran dan dengan yang demikian saya percaya kadar inflasi 7% yang ada sekarang ini akan meningkat lagi dan ini akan menambahkan lagi kesempitan hidup bagi orang-orang yang berpendapatan rendah, khususnya mereka yang tinggal di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memuji sumbangan EPF kepada pembangunan ekonomi negara, saya ingin menyarankan bahawa dalam public sector terdapat 500,000 orang lebih kakitangan Kerajaan dan agensi-agensi yang boleh diambil kira untuk menyimpan atau mencarumkan kepada kumpulanwang simpanan ini. Misalnya di dalam Ordinan yang ada sekarang hanya mereka yang berpendapatan \$500 ke bawah dikehendaki mencarum dan mereka yang berpendapatan lebih daripada \$500 ke atas tidak dikehendaki mencarum, sebaliknya mereka dimasukkan dalam jawatan yang berpencen. Manakala dalam private sector pula ia tidak ada had sekatan untuk mencarum, lagi besar pendapatan mereka, lagi besar mereka mencarum. Ini bermakna bahawa Eksekutif Kanan yang mencarum itu sebelum meningkat umur 55 tahun akan mendapat sebanyak \$200,000 lebih dalam segi simpanan dan jikalau ia melaburkan wangnya pula maka dengan mudah ia mendapat perolehan yang banyak. Ini sebagai satu contoh yang paling senang dikira dan paling mudah menggandakan wang pertaruhannya.

Dalam konteks ini, saya rasa jika boleh dipinda Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja ini, saya ingin mencadangkan supaya pegawai-pegawai dalam public sector juga dibenarkan mencarum tanpa sekatan yang dikenakan kepada paras \$500 ke bawah. Ini saya rasa akan menambahkan lagi tabung kumpulanwang tersebut kerana public sector mempunyai anggota yang paling ramai untuk memberi sumbangan yang besar kepada kumpulanwang simpanan ini, lagipun seseorang yang mencarum itu tidak akan mengeluarkan wangnya selagi ia tidak mencukupi umur 55 tahun. Masa yang begini panjang tentu akan menguntungkan Kerajaan

yang sayugia dapat menggunakan wang simpanan tersebut untuk pembangunan ekonomi negara. Perkiraan pencen-caruman bolehlah dikira secara berasingan. Saya percaya pakar-pakar kewangan kita boleh mengkaji secara terperinci akan cadangan ini kerana ia bukan sahaja menguntungkan negara malah memberi sumbangan yang lebih kepada pencarum.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memberi peruntukan kepada State, khususnya negeri-negeri yang mundur seperti Kelantan, Trengganu, Kedah dan Perlis, saya rasa adalah wajar ianya mendapat peruntukan yang lebih dari negeri-negeri yang lain dianggapkan lebih-lebih maju di samping mempunyai perindustrian yang berkembang. Saya ingin menyarankan bahawa sebelum sesuatu peruntukan itu diberi kepada negeri-negeri yang berkenaan, elok rasanya pegawai-pegawai di peringkat Persekutuan membuat kajian (study) sama ada State yang berkenaan itu ada mempunyai pegawai-pegawai yang cekap serta pengalaman. Saya yakin dan percaya di negeri-negeri yang berkenaan kebanyakannya pegawai-pegawai tidak cekap dan tidak terlatih. Molek rasa saya pegawai-pegawai yang mahir dibantu oleh Kerajaan Persekutuan supaya sesuatu perlaksanaan bagi satu-satu projek itu dapat dijalankan dengan lancar dan teratur dan saya yakin bantuan seperti ini sangat-sangatlah diperlukan oleh negeri-negeri yang berkenaan terutama dari segi perkembangan perindustrian yang memerlukan kemahiran pegawai-pegawai dalam aspek tersebut.

Menyentuh di dalam soal pelajaran, saya ingin memuji akan langkah-langkah yang berani dan tegas oleh Kementerian Pelajaran, khususnya dalam membanyakkan cerdik pandai kita untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru menjelang tahun 1990. 30% penyertaan orang-orang Melayu dalam berbagai bidang hendaklah digerak dan dilaksanakan dengan seberapa banyak yang boleh. Saya rasa untuk mencapai objektif dalam bidang perdagangan dan perindustrian ia memerlukan masa yang panjang dan pengalaman. Masalah ini adalah tidak mungkin dalam masa yang singkat orang-orang Melayu boleh mencapai tingkat kemajuan yang tinggi di dalam mencapai matlamat tersebut, kerana sebagaimana yang kita sedia maklum pengalaman dan kewangan adalah satu

perkara yang utama sebelum seseorang mencapai kemajuan dan dalam dunia moden yang mencabar ini, pelajaran adalah kunci utama untuk mencapai sesuatu kejayaan.

Dalam beberapa hal bidang pelajarannya yang ternampak kesannya di mana anak-anak Melayu mencapai kejayaan. Semuanya adalah disebabkan peluang yang diberi oleh Kerajaan. Kita yakin bahawa usaha yang berlipat ganda dalam membanyakkan orang-orang Melayu di dalam bidang pelajaran hendaklah diteruskan. Penghantaran anak-anak kita ke luar negeri di dalam bidang pelajaran walau di mana sekalipun asalkan ijazahnya diakui oleh Kerajaan hendaklah dilipatgandakan. Begitu juga di pusat-pusat pengajian tinggi dalam kelima-lima universiti tempatan kita hendaklah diperbanyakkan pengambilan mereka khususnya di dalam Fakulti Perubatan, Fakulti Engineering dan Fakulti Sains yang mana terdapat sangat kekurangan bilangannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memperkatakan sains dan teknologi, Kerajaan hendaklah menitikberatkan lebih menggunakan di dalam jentera Kerajaan terutama di dalam skop kenaikan pangkat yang ternyata sekarang ini tidak mendapat persamaan di dalam bidang pentadbiran. Ini boleh melemahkan semangat mereka yang cenderung di dalam bidang sains dan teknologi sedangkan pada praktiknya skopnya adalah begitu terhad.

Saya ingin menyentuh sedikit dalam menambah pengambilan penuntut-penuntut kelima-lima universiti tempatan di mana Kerajaan tidak seharusnya mengurangkan pengambilan penuntut-penuntut Melayu untuk melanjutkan pelajarannya ke universiti itu. Ini terbukti dengan jelasnya bahawa pengambilan penuntut-penuntut bukan Melayu di Universiti Malaya dan di Universiti Sains Malaysia melebihi daripada 2% sebagaimana yang dijanjikan oleh Kerajaan baru-baru ini. Saya berasa hairan bagaimana pengambilan penuntut-penuntut baru bagi sesi tahun 1980/1981 telah dikurangkan dan menambahkan pengambilan penuntut-penuntut bukan Melayu lebih daripada 2% dari sesi tahun 1979/1980. Adakah ini oleh kerana adanya tekanan daripada pihak DAP dan kuncukuncunya maka Kerajaan terpaksa mengurangkan pengambilan penuntut-penuntut Melayu di kedua-dua universiti tersebut. Contohnya pengambilan penuntut-penuntut baru

sessi tahun 1980/1981 bagi Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia adalah seperti berikut:

	<i>Melayu</i>	<i>Bukan Melayu</i>
Universiti Malaya	50.6%	49.4%
Universiti Sains Malaysia	...	51%
		49%

Saya ingin tahu bagaimana pengurangan ini boleh dilakukan sebegitu banyak. Adakah dengan pengurangan ini maka jumlah penuntut-penuntut Melayu dalam Fakulti Perubatan, Engineering dan Sains telah dikurangkan?

Kita tidak nampak bagaimana penambahan 2% ini boleh meningkat sebegitu banyak. Penjelasan ini perlu diberi untuk perhatian Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ramainya penuntut-penuntut Melayu yang berkelayakan masuk ke universiti tidak mendapat tempat, saya ingin mencadangkan supaya satu peruntukan Tabung Pinjaman Khas diadakan guna memberi peluang kepada mereka yang mendapat tempat di universiti-universiti seberang laut tetapi tidak berkemampuan untuk menghantar anak-anaknya dengan perbelanjaan sendiri, maka Tabung Pinjaman Khas ini bolehlah digunakan untuk memberi pertolongan kepada mereka. Pinjaman ini hendaklah dibayar balik apabila mereka tamat pengajian kelak. Ini juga pada pendapat saya dapat menambahkan lagi bilangan cerdik pandai Melayu di negara ini. Hanya dengan pelajaran sahajalah satu-satunya jalan yang dapat kita atasi untuk mengurangkan jurang perbezaan dalam bidang pelajaran dan ekonomi yang nyata ketara sangat jauh ketinggalan kebelakang di dalam negaranya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal keselamatan, kita berbangga dengan pencapaian yang ada sekarang. Kita juga bersyukur bahawa Kerajaan akan membesarkan lagi Angkatan Bersenjata kita untuk menjaga keamanan negara ini. Kita tahu bahawa hanya dengan keamanan dan kekukuhan ekonomi serta suasana politik yang stabil menyebabkan pembangunan ekonomi kita berkembang dengan maju. Perindustrian di negeri-negeri bertambah dan dengan perancangan

yang teratur lagi kemas ia sudah pasti akan menarik minat pelabur-pelabur menanam modalnya di negara kita. Dari itu perkembangan dan pembesaran Angkatan Bersenjata kita adalah sudah sewajarnya.

Pada masa ini kita mempunyai tiga markas division di seluruh tanahair. Saya rasa di dalam Rancangan Malaysia Keempat kita memerlukan sekurang-sekurangnya satu markas divisyen lagi menjadi empat divisyen semuanya. Tiap-tiap satu divisyen perlulah mempunyai yunit-yunit ketiga-tiga bahagian Angkatan Tentera dengan secukupnya supaya ia dapat bergerak dengan lebih teratur dan bersatupadu.

Kapal terbang Jet Tebuan yang telah lama perlulah diganti segera dengan jet-jet pejuang yang baru dan yang perlu disesuaikan dengan kehendak negara. Begitu juga dengan kapal terbang pengangkut Carribou dan helikopter yang mana didapati melebihi sepuluh tahun hendaklah digantikan yang baru supaya sesuai dengan kelengkapan moden Angkatan Bersenjata kita. Kita tahu bahawa di dalam peperangan secara terbuka kita memerlukan anggota Tentera Udara yang cekap, kuat dan terlatih. Ini bermakna bahawa tumpuan yang serius hendaklah diberi kepada pembesaran Angkatan Tentera Udara bukan sahaja dari segi keanggotaan tetapi juga dari segi kelengkapan jet pejuangnya untuk menarik minat pemuda-pemuda kita masuk berkhidmat dalam lapangan tentera khususnya graduan universiti. Gaji yang menarik hendaklah difikirkan supaya lapangan tentera ini juga mendapat tempat daripada graduan-graduan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai dengan perumahan. Perumahan sebagaimana yang kita maklum semua orang berkehendakan rumah kerana ia menjadikan satu keperluan hidup bagi sesuatu keluarga. Tetapi yang paling mendukacitakan kita ialah harga rumah telah naik begitu tinggi sehingga melebihi paras 100%. Kalau 10 tahun dahulu harga rumah teres hanya \$15,000 tetapi sekarang ia telah melambung naik sehingga melebihi \$35,000. Saya rasa harga bahan-bahan binaan tidaklah naik begitu tinggi dan ia tidak melebihi 50% daripada keperluan yang sebenar. Kalau didasarkan kepada faktor ini bagaimanakah harga rumah boleh meningkat lebih daripada

100%. Ini tentu sekali boleh dikaji secara terperinci tentang sebab-sebab bagaimana keadaan seperti ini boleh berlaku tanpa kawalan.

Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai projek-projek perumahan yang didirikan oleh swasta di merata-rata tempat di dalam negeri ini bahawa terdapat di sana sini lambang-lambang yang tidak beridentiti Malaysia berkembang dengan begitu luasnya seolah-olah tidak ada kawalan yang dikenakan oleh pihak-pihak yang berkenaan seperti Dewan Bandaraya, Majlis Perbandaran, Majlis Tempatan dan sebagainya. Sekiranya ini dibenarkan dengan tidak ada kawalan sedikit pun maka saya khawatir orang-orang luar yang datang berkunjung ke negara kita akan menganggap bahawa Kuala Lumpur atau Malaysia ini tidak ubah seperti Hongkong atau jajahan takluk negeri China. Sekiranya ini digambarkan dengan seluas-luasnya, saya percaya untuk memupuk identiti Malaysia ianya tidak akan tercapai walau bila-bila sekalipun. Ini perlu diberi perhatian yang serius oleh pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat inilah sahaja dan akhirnya saya menyokong Belanjawan yang dikemukakan oleh Kementerian Kewangan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Baling.

5.10 ptg.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: (Baling): Bismillahirrahmanirrahim. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun lalu sewaktu membahaskan Belanjawan negara, 1980 saya telah menegur Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana mengadakan dialog dan perbincangan untuk menyiapkan Belanjawan negara tahun 1980 hanya dengan wakil-wakil pengurus, peniaga-peniaga, pensyarah-pensyarah tetapi melupakan wakil-wakil petani, buruh nelayan dan juga golongan berpendapatan rendah yang lain. Akibatnya, Belanjawan tersebut telah memberi ketuamaan kepada golongan-golongan yang berpendapatan tinggi dan sederhana.

Saya juga telah mengingatkan kewajipan Kerajaan untuk mengutamakan golongan-golongan miskin dan berpendapatan rendah dalam rancangan Belanjawan negara. Al-hamdulillah, teguran-teguran tersebut nampaknya telah diberi perhatian dan langkah yang lebih positif telah diambil dalam Belanjawan 1981 untuk menjaga dan memelihara kepentingan golongan yang berpendapatan rendah. Saya juga mengucapkan Al-hamdulillah kerana Kerajaan telah memenuhi tuntutan petani-petani dengan menaikkan harga padi menerusi penambahan kadar subsidi sesuai dengan tuntutan yang telah dikemukakan. Ini merupakan kemenangan para petani dalam perjuangan mereka menuntut hak dan keadilan khususnya kemenangan mereka ke atas Timbalan Perdana Menteri yang menclak kemasabahan tuntutan itu dengan alasan sekiranya harga padi dinaikkan akan menyusahkan majoriti rakyat akibat kenaikan harga beras kesan daripada kenaikan harga padi. Kenaikan kadar subsidi harga seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tanpa kenaikan harga beras menunjukkan betapa tidak benarnya kenyataan dan pandangan Timbalan Perdana Menteri itu.

Parti Islam dari awal lagi telah menyokong tuntutan para petani itu dan memahami benar bahawa tuntutan mereka adalah menasabah dan berpatutan.

Dalam Dewan ini saya telah mengemukakan pandangan Parti Islam bahawa dasar pengeluaran padi dan beras negara tidak mungkin digariskan di atas dasar supply and demand semata-mata memandangkan beras adalah makanan asasi rakyat Asia Tenggara yang boleh mempengaruhi suasana politik rantau ini sekiranya komunis menguasai negara-negara jelang padi. Oleh kerana itu galakan mestilah diberikan kepada petani-petani untuk mereka mengusahakan tanaman padi sehingga negara kita dapat menyediakan kadar pengeluaran yang cukup untuk keperluan negara. Dengan kenaikan kadar subsidi harga yang diumumkan adalah diharapkan akan memberi galakan kepada petani-petani untuk mengerjakan sawah mereka dan akan dapat menambahkan pendapatan mereka. Namun pemberian subsidi ini bukanlah sebagai suatu langkah yang dapat mengatasi masalah kemiskinan penanam padi itu

sendiri dan langkah-langkah yang lebih jauh, langkah-langkah yang lebih positif hendaklah ditumpukan ke arah meninggikan pendapatan para petani.

Pihak Kerajaan perlu bertindak supaya sistem pemberian subsidi ini diperbaiki sehingga subsidi ini benar-benar dinikmati oleh petani-petani. Kerajaan perlulah memikirkan penyatuan berbagai bentuk subsidi dan menyalurkan menerusi subsidi harga sahaja untuk mengelakkan berbagai bentuk penyelewengan dan juga kerumitan. Ini bermakna subsidi seperti baja tidak lagi diberikan secara langsung tetapi dinilai harganya dan ditambahkan kepada subsidi harga yang telah diumumkan. Dengan itu subsidi merupakan ganjaran kepada hasil yang dapat dikeluarkan oleh petani-petani yang bersesuaian dengan hasrat untuk menghasilkan beras yang cukup untuk rakyat dan negara. Dalam pemberian subsidi baja sekarang ini orang yang tidak mengerjakan sawah mereka secara seriuspun boleh mendapatkan subsidi dan pegawai-pegawai pertanian menggunakan banyak masa mereka untuk mengagihkan baja subsidi itu sedangkan masa dan tenaga mereka diperlukan untuk kerja-kerja lain bagi menambahkan pengeluaran pertanian.

Pada dasarnya strategi Belanjawan yang bertujuan memberikan manfaat, terutama sekali kepada golongan yang berpendapatan rendah dan kepada pengusaha-pengusaha kecil seperti pekebun kecil, pesawah padi, peniaga kecil dan lain-lain merupakan strategi yang menggalakkan, namun kejayaan strategi ini bergantung kepada pelaksanaan yang teratur dan tersusun sungguh-sungguh di samping adanya pengawalan yang berkesan dan cekap. Tanpa kedua-duanya strategi ini tidak akan dapat mencapai matlamat dan keuntungan tidak akan dinikmati oleh golongan-golongan berpendapatan rendah, terutamanya di dalam menggunakan peruntukan-peruntukan yang besar yang telah diperuntukkan dalam Belanjawan ini. Keraguan saya tentang perkara ini adalah berdasarkan kepada kelemahan pentadbiran dan pengurusan wang awam yang diamanahkan kepada Kerajaan sekarang untuk menguruskannya. Kelemahan yang menyebabkan negara kehilangan ratusan juta ringgit dalam jangka masa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua, misalnya. Di antara unsur-unsur kelemahan ini adalah seperti berikut.

Pertamanya, tidak teliti dan cermat di dalam urusan kewangan. Contohnya ialah sebagaimana semalam telah disentuh oleh wakil dari Petaling. Apa yang saya kemukakan sebagai contoh di sini dilihat dari segi bagaimana tidak telitinya urusan yang berkaitan dengan kewangan. Apabila Kerajaan bersetuju menukarkan pembayaran royalti minyak daripada wang kepada minyak mentah, Kementerian Perusahaan Utama yang bertanggungjawab mengenai minyak waktu itu telah bersetuju dengan permintaan syarikat minyak supaya pembayaran royalti itu dibayar dengan minyak mentah dan perjanjian Kerajaan dengan syarikat itu telah dipinda dengan sesuka hati sahaja oleh Kementerian Perusahaan Utama di waktu itu tanpa merujuk kepada lain yang lebih atas. Akibatnya seperti yang telah diterangkan semalam oleh wakil dari Petaling Kerajaan telah kerugian cukai lebih daripada \$20 juta. Kelemahan-kelemahan seperti ini bukan sahaja berlaku dalam masalah minyak tetapi juga masalah-masalah lain dan saya sedar kelemahan di dalam mengendalikan urusan minyak ini telah mendapat perhatian Kerajaan dan kerana itu Kerajaan telah menubuhkan Petronas bagi mengendalikan urusan minyak. Sayangnya apa yang berlaku di dalam Petronas itu tidak dapat diketahui dengan detail oleh Parlimen dan walaupun setiap orang dapat menyemak akaun Petronas, maklumat mengenai kewangannya hanya akan dapat diketahui secara am sahaja, sama sahaja di antara orang perseorangan dan juga Parlimen. Apakah Kerajaan takut penyalahgunaan wang petroleum itu terdedah, maka akaun Petronas itu tidak dimestikan diperiksa oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara yang bertanggungjawab kepada Parlimen? Untuk menghilangkan keraguan ini saya menggesa Kerajaan supaya melaksanakan segera cadangan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara supaya penyata kewangan Petronas dan laporan kewangannya dikemukakan kepada Parlimen dan Petronas dikehendaki melaporkan prestasi kewangannya kepada Parlimen seperti juga badan-badan berkanun yang lain.

Kelemahan kedua yang saya dapati dalam pentadbiran kewangan Kerajaan ialah kelemahan yang berpunca daripada sistem kawalan yang kurang berkesan. Disebabkan kelemahan sistem ini banyak perkara yang

meragukan dalam membelanjakan wang negara telah timbul, umpamanya dalam pembelian jet-jet pejuang F5B dan F5E tahun 1970 dengan alat-alat gantinya. Keseluruhan urusan pembelian itu mengandungi keraguan-keraguan yang berasas dan berpunca di antaranya ialah kelemahan sistem kawalan kewangan, ini pun jika sekiranya kita membuat andaian bahawa pegawai yang menjalankan atau mengendalikan sistem itu jujur, apa lagi sekiranya sistem itu ditambah pula oleh pegawai yang tidak jujur yang memahami beberapa aspek kelemahan sistem tersebut dan menggunakan kelemahan itu untuk melakukan penyelewengan yang merugikan wang negara. Kejadian ini bukan melibatkan \$10 atau \$20 tetapi melibatkan berjuta-juta ringgit wang negara.

Mengikut perjanjian di dalam pemberian jet-jet ini iaitu pembayaran yang harus diberikan berjumlah \$39 juta dengan alat-alat gantinya, tetapi telah dibayar sebanyak lebih daripada \$40 juta, sedangkan alat-alat gantinya itu tidak mempunyai rekod penerimaan yang meyakinkan. Perlonggaran terhadap peraturan-peraturan kewangan oleh pegawai-pegawai dan Kementerian-kementerian dan tindakan-tindakan telah tidak diambil ke atas pegawai-pegawai yang melanggar peraturan-peraturan tersebut merupakan lagi di antara kelemahan-kelemahan di dalam pentadbiran kewangan Kerajaan. Ini terjadi misalnya dalam pembelian beberapa jenis senjata dan peluru oleh Kementerian Pertahanan yang melibatkan wang sejumlah lebih daripada \$3 juta di mana pembelian itu dibuat tanpa tender. Kadang-kadang tindakan melanggar peraturan ini disebabkan oleh sikap Menteri-menteri yang memberi arahan supaya menyejajarkan sesuatu kehendaknya, walaupun dari segi perjalanan peraturan kehendak Menteri itu tidak dapat dilaksanakan segera. Jalan mudah yang diambil ialah melanggar peraturan untuk memenuhi kehendak Menteri, ini terjadi dalam banyak kes yang saya tidak mahu menghuraikan satu persatu untuk menjimatkan waktu.

Kelemahan yang keempat ialah kelemahan yang berpunca juga daripada pegawai-pegawai kewangan yang kurang terlatih dan kurang cekap. Saya quote di sini apa yang

disarankan oleh Ketua Odit Negara mengenai tugas pegawai-pegawai kewangan. (*Dengan izin*)

“Every officer who is in charge of money must know what his duties are and one of the important duties is to ensure that the cash he receives is kept properly, accounted for, payment on receipt and so on and so forth. This requires up-to-date book-keeping of the Cash Book. The Cash Book alone is not sufficient because you are having a bank account, and the bank account must be reconciled with the Cash Book.”

Apa yang menarik perhatian saya dalam masalah ini ialah kenyataan seorang pegawai audit mengenai kelemahan pegawai kewangan, “But what is important is the fact that although bank reconciliation statements are being prepared, they are all wrong in principle. They do not understand the principles of bank reconciliation.” Walaupun kenyataan ini telahpun dibuat terhadap seorang pegawai di Kedutaan Malaysia di Kaherah, tetapi seperti yang dikatakan oleh Ketua Odit Negara kelemahan ini bukan sahaja di Kaherah bahkan juga di pejabat-pejabat perwakilan luar negeri yang lainnya yang boleh dikatakan mempunyai kelemahan keseluruhan. Kelemahan-kelemahan yang asas ini memerlukan latihan yang lebih berkesan diberi kepada pegawai-pegawai kewangan sehingga mereka dapat menguasai sebahagian besar selok-belok kewangan dan menguasai peraturan-peraturan kewangan Kerajaan di samping mereka menerima dengan perasaan keinsafan yang lahir daripada nilai-nilai akhlak yang murni yang diajar dan dipupuk oleh agama, kalau perlu Kerajaan patut menubuhkan Institut Latihan Kewangan yang khusus untuk meningkat kualiti pegawai-pegawai kewangan dari segi pengetahuan dan juga moral supaya wang awam dapat ditadbirkan sebaik-baiknya.

Saya tidaklah bertujuan menghuraikan dengan lebih terperinci lagi kelemahan-kelemahan dalam pentadbiran wang awam ini, tetapi saya ingin menegaskan bahawa sekiranya kelemahan-kelemahan seperti ini dibiarkan lebih banyak wang negara akan disalahgunakan atau dimembazirkan dan akan memberi kesan kepada rakyat seluruhnya.

Saya sungguh hairan selama berpuluh tahun Kerajaan Barisan Nasional memerintah negeri ini ia boleh bertolak-anjur terhadap kelemahan-kelemahan seperti ini yang memberi gambaran bahawa Kerajaan tidak tegas terhadap penyalahgunaan kewangan dan penyelewengan dalam pentadbirannya. Saya khuatir sikap seperti ini akan merosakkan ekonomi negara dan meluaskan lagi rasuah dan sudahpun menjadi masalah kepada negara ini.

Selain daripada kelemahan kewangan, salah satu lagi punca keraguan saya mengenai pelaksanaan strategi belanjawan untuk memberi manfaat yang lebih kepada golongan-golongan berpendapatan rendah adalah berasaskan kepada pendekatan terhadap masalah ekonomi itu sendiri yang seperti dikatakan oleh Gunner Melbold dalam tulisannya, "The Challenge of World Poverty" mengenai pendekatan terhadap masalah ekonomi di negara-negara yang sedang membangun begitu dikuasai oleh kepentingan luar dan golongan-golongan dalam negeri yang mempunyai kepentingan.

Pendekatan tradisi ini juga memisahkan masalah-masalah ekonomi daripada persoalan moral dan pemusatan terikat kepada saranan orang-orang barat bahawa masalah ekonomi hanya ditimbulkan oleh kehadiran barangan dan perkhidmatan. Perbezaan dengan Islam yang mengakui kehadiran barangan dan perkhidmatan itu bukan sebagai yang paling utama jestrui ianya harus dikaitkan pula dengan masalah penyalahgunaan barangan dan perkhidmatan di dalam meneropong punca-punca masalah ekonomi yang sebenarnya. Kerana itu al-Quran menekankan masalah penyalahgunaan kekayaan atau barangan supaya masalah ini diatasi sebagai langkah yang wajar bagi mewujudkan suasana yang sesuai untuk kegiatan ekonomi dan pembangunan yang membawa kesejahteraan umat secara adil dan saksama. Pendekatan yang dikuasai oleh kepentingan luar dan golongan dalam negeri yang berkepentingan serta ditambah pula oleh pemisahan kegiatan-kegiatan ekonomi daripada persoalan moral dan akhlak, akan tetap mengekalkan suasana yang memberi munafaat yang lebih kepada golongan-golongan yang kaya dan kuat. Keadaan inilah yang meragukan saya mengenai kejayaan strategi belanjawan tahun 1981 untuk menjaga kepentingan golongan yang berpendapatan rendah. Walaupun menerusi

belaniawan pembahagian semula pendapatan melalui kewangan negara dapat dilakukan jika dasar ini dipertimbangkan secara sungguh-sungguh sewaktu merancang belanjawan tersebut namun pendekatan yang disebutkan di atas perkara terus dipertahankan akan menghalang dasar belanjawan itu dilaksanakan secara berkesan. Lagipun pembahagian pendapatan itu tidak boleh dilakukan di dalam sekali belaniawan sahaja bahkan mesti diteruskan dari semasa ke semasa dalam bentuk belanjawan seperti yang telah ditegaskan iaitu untuk memberi munafaat yang lebih kepada golongan-golongan yang berpendapatan rendah.

Jika sekiranya di dalam meletakkan strategi belanjawan itu dengan tujuan untuk memberi munafaat yang lebih kepada golongan-golongan yang berpendapatan rendah itu hanya diadakan pada tahun ini sahaja tetapi tidak diteruskan pada tahun-tahun yang akan datang sudah tentulah strategi yang diatur itu tidak akan dapat dicapai seperti apa yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi kewajipan mana-mana Kerajaan yang adil untuk membahagikan semula pendapatan dengan pengertian mengambil dari yang kaya untuk membahagikan kepada yang miskin menerusi belanjawan. Prinsip ini pada umumnya telah diterima sekarang ini dan keadaan yang membenarkan orang-orang yang kaya bertambah kaya dan orang yang miskin menjadi bertambah miskin disebabkan oleh berkembangnya penindasan rasuah dan penyelewengan merupakan prinsip yang sudah ketinggalan zaman. Sebenarnya keadaan seperti ini jika ianya diteruskan akibatnya akan membantut kestabilan ekonomi yang mengakibatkan timbulnya kepincangan di dalam bidang tersebut. Prinsip yang adil ini iaitu pembahagian kekayaan yang adil dan kegiatan seperti kerjasama ekonomi berdasarkan kepada suasana yang bebas daripada penindasan kezaliman dan sebagainya telah mempengaruhi pendekatan international terhadap masalah ekonomi dunia sekarang terutamanya dalam konteks hubungan antara kawasan utara dan selatan. Negara kita harus turut melibatkan diri dalam mencari sesuatu susunan baru ekonomi international atau dengan izin New International Economic Order dan memperjuangkan sistem yang lebih adil di dalam hubungan-hubungan international.

Seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa keadaan inflasi di dalam negara kita ini adalah kesan daripada kemerosotan ekonomi di seluruh dunia pada waktu ini. Hubungan-hubungan ekonomi yang diasaskan kepada penindasan yang diteruskan dari zaman penjajahan adalah suatu keadaan yang telah tidak sesuai lagi bagi zaman ini di dalam hubungan antara negara-negara kaya dan negara-negara miskin.

Dengan sebab itulah maka kerjasama serantau, kerjasama di kawasan-kawasan di dalam bidang ekonomi haruslah diperkokohkan dan kerjasama misalnya di antara negara-negara Islam di dalam bidang ekonomi hendaklah dilaksanakan berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang adil berasaskan kepada ajaran-ajaran yang telah ditetapkan oleh Islam.

Yang keduanya, negara-negara miskin dan negara-negara sedang membangun mestilah membebaskan hubungan sentimental dan juga ikatan keabadian daripada kuasa-kuasa besar yang mengongkang ekonomi mereka, yang menindas dan mengaut kekayaan-kekayaan yang ada di dalam negara-negara miskin itu.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya persoalan keselamatan negara telah diberi perhatian berat dalam Belanjawan tahun hadapan dengan adanya peruntukan yang besar untuk tentera dan polis. Partai Islam sering mengingatkan Kerajaan tentang pentingnya memperkokohkan Angkatan Tentera untuk menghadapi suasana politik serantau yang mencahar. Tetapi keselamatan dan keamanan tidak mungkin dapat dipertahankan tanpa penglibatan seluruh rakyat dan penggembelingan tenaga untuk mempertahankan negara hendaklah dilakukan di luar daripada batas-batas kepentingan politik golongan yang berkuasa.

Dalam hal ini sikap pengecualian polis dan tentera dalam menjalankan tugas keselamatan hendaklah dipertahankan dan pasukan keselamatan tidak seharusnya menjalankan tugas atau diarahkan untuk menjaga dan memelihara kepentingan politik partai yang memerintah. Kerajaan hendaklah berpandangan jauh bahawa masalah keselamatan memerlukan kerjasama segenap lapisan rakyat dan kerana itu Kerajaan tidak seharusnya bermulut celupar dan bersikap

nanar sehingga dengan mudah menjadikan sebahagian rakyat yang tidak bersetuju dengan pandangan Kerajaan sebagai musuh negara, golongan subversif dan anti-nasional.

Peristiwa berdarah di Batu Pahat yang membayangkan tindakan di luar batas harus menjadi pengajaran kepada kita bahawa golongan yang sedikit yang bersenjatakan pedang boleh menimbulkan kesulitan besar kepada kita dan huru-hara yang mengorbankan jiwa yang tidak berdosa. Yang perlu diambil segenap langkah untuk mengelaknya. Golongan yang sedikit, yang lemah ini jangan disangka tidak boleh menimbulkan bencana besar sekiranya Kerajaan tidak bijak menghadapi keadaan. Mulut celupar pemimpin-pemimpin Kerajaan terhadap badan-badan dakwah dan melabelkan mereka dengan nama-nama yang tidak dingini akan menimbulkan suatu keadaan yang mungkin melahirkan ketegangan perhubungan di antara mereka dan Kerajaan.

Bagi Kerajaan semua golongan yang serius memperjuangkan penghayatan agama sebagai golongan fanatik dan pelampau. Dengan menggunakan kacamata barat orang-orang yang tidak fanatik dan melampau dalam beragama ialah golongan-golongan all-rounder yang boleh ketepi dan ketengah, di antara amal saleh dan maksiat; antara mesjid dan disko; antara minuman susu dan arak. Golongan yang teguh berpegang kepada agama, mengkritik judi dan arak serta kehidupan berpoya dianggap sebagai golongan fanatik. Golongan yang tidak bertolak ansur terhadap maksiat dianggap golongan pelampau dan tidak bertoleransi. Kerana itu golongan dakwah yang menialankan tugas-tugas dakwah diistilahkan dalam fail polis sebagai golongan fanatik agama.

Apabila peristiwa di Batu Pahat yang mendukacitakan itu berlaku, polis terus mengaitkan dengan golongan-golongan fanatik agama yang bererti menyeret semua pertubuhan dakwah yang telahpun diistilahkan sebagai golongan fanatik agama ke dalam peristiwa yang tidak kena-mengena dengan mereka itu. Peristiwa itu akan sudah pasti memahatkan di dalam pemikiran Kerajaan rasa kecurigaan yang mendalam terhadap badan-badan dakwah sebagaimana yang dibayangkan oleh Timbalan Perdana Menteri dalam beberapa kenyataannya.

Di sinilah kita dapati kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang tidak segera mengaitkan dengan agama di dalam peristiwa berdarah di Batu Pahat, sebaliknya menganggap bahawa peristiwa itu dilakukan oleh pengganas. Kebijaksanaan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sahaja tentulah tidak cukup kalau anak buahnya daripada polis mengambil sikap tergesa-gesa sedangkan beberapa pemimpin Kerajaan yang lain terus celupar mulutnya.

Masalahnya bukan sama ada seseorang itu mahu menjadi "nice man" atau tidak, itu masalah peribadinya sendiri. Apa peduli dia mahu atau tidak mahu jadi "nice man" tetapi apabila orang yang berkuasa yang bertanggungjawab mengendalikan masyarakat tidak mahu menjadi "nice man", tidak menghiraukan kepentingan awam dari kenyataan-kenyataannya, tidak menghiraukan kesan dari sikap yang tidak mahu jadi "nice man" sehingga menjadikan musuh golongan-golongan yang tidak sewajarnya diadikan musuh, ia bukan sahaja perlu menjadi "nice man" tetapi ia perlu menjadi wise man dan bersikap bijaksana, kerana masalahnya bukan masalah peribadinya tetapi masalah masyarakat dan negara yang ia diberi amanah untuk mengendalikannya.

Kerajaan dan pemimpin Kerajaan tidak bijak menjadikan badan-badan dakwah sebagai musuh dan memukul borong semua badan-badan dakwah membahayakan sehingga berbagai-bagai cadangan menyekat kegiatan mereka telah diusulkan. Tetapi suatu penyelesaian yang lebih wajar perlu diambil untuk mengimbangi kegiatan mereka dan menilai kritik-kritik mereka terhadap Kerajaan. Satu garis panduan berdasarkan ajaran Islam perlu dikeluarkan, perlu dielakkan supaya kegiatan dakwah dapat dibezakan dengan kegiatan-kegiatan bertopengkan dakwah dalam nama Tariqat atau Seni Silat yang mana ramai Menteri-menteri merelakan diri mereka menjadi khalifah-khalifahnyanya.

Penglibatan orang ramai dalam usaha menjaga dan memelihara keselamatan ialah dengan secara menarik mereka dan memahami mereka tentang kewajipan bersama menjaga keselamatan walaupun terdapat perbezaan pandangan politik dan fikiran di kalangan rakyat tersebut. Tetapi kalau polis

menjalankan tindakan sewenang-wenang dan tidak berhati-hati, orang ramai akan merasa jelik dan bosan kepada polis.

Beberapa ketika dahulu saya telah diganggu oleh polis sewaktu mengadakan kursus politik untuk orang-orang saya di Baling. Mengikut kata mereka, mereka bertindak berasaskan aduan daripada Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung, tanpa usul periksa mereka mengganggu saya dan apabila menyedari bahawa perbuatan mereka itu salah dari segi undang-undang, mereka memohon maaf, tetapi kesannya ialah orang-orang yang menghadiri majlis itu sungguh tidak senang dan mereka menganggap polis adalah agen UMNO belaka. Adakah di dalam keadaan ini polis akan mendapat kerjasama yang tulus ikhlas daripada orang-orang bukan UMNO sekiranya keadaan memerlukan penglibatan semua golongan rakyat demi untuk menjaga keselamatan negara? Tidakkah beralasan jika polis bertindak tergesa-gesa seperti ini semata-mata bergantung kepada Jawatankuasa Keselamatan Kampung? Tidakkah beralasan jika orang-orang yang menamakan Jawatankuasa Keselamatan Kampung itu sebagai Jawatankuasa Kacau Kampung? Tidakkah Kerajaan berfikir bahawa kemungkinan peristiwa berdarah di Batu Pahat itu terselit juga sebab-sebab yang berpunca daripada tindakan-tindakan provocative seperti ini.

Sikap permusuhan Kerajaan terhadap badan-badan dakwah semakin menonjol sedikit masa lagi. Tekanan dan tindakan Kerajaan yang menyekat kegiatan Angkatan Belia Islam Malaysia adalah permulaan daripada hubungan yang tidak mesra antara Kerajaan dan badan-badan dakwah. Apakah faedahnya Kerajaan menyekat ABIM mengadakan hubungan dengan badan-badan Belia Islam Antarabangsa sedangkan hubungan itu memberi faedah yang besar dari segi pengalaman dan juga pertukaran kebudayaan? Apa lagi perhubungan itu tidak sedikitpun melibatkan persoalan keselamatan.

Sebenarnya faktor hasad dengki dari beberapa kalangan belia terhadap pengaruh ABIM di kalangan masyarakat antarabangsa tidak dapat ditolak begitu sahaja. Bukannya sekali kita dengar memorandum-memorandum dikemukakan untuk menyekat dan menghapuskan ABIM. Jika badan-badan yang

progresif dan diakui sebagai sederhana oleh kalangan masyarakat antarabangsa ini hendak dihapuskan semata-mata kerana hasad dengki dan kerana mengkritik Kerajaan yang memang disedari Kerajaan bukanlah menjalankan tugasnya dengan menerima wahyu dari Allah subhanahuwa taala dan tidak pula maksum. Maka apakah kebaikan masa hadapan umat Islam dan negara ini dapat diharapkan, terutamanya untuk mewujudkan keadaan harmoni yang sebenarnya dalam negara ini. Keadaan harmoni yang berasaskan nilai-nilai kebenaran yang kukuh dan teguh dan bukan harmoni yang ditegakkan di atas sikap berpura-pura.

Saya difahamkan ABIM dalam hubungan-nya dengan masyarakat bukan Islam mempunyai pemikiran yang terbuka dan ABIM dihormati sebagai potensi yang baik untuk mewujudkan persefahaman di kalangan rakyat Malaysia. Dialog-dialog di antara ABIM dan pemimpin-pemimpin Kristian dan agama-agama lain di Malaysia sering diadakan yang memberi peluang kepada ABIM untuk menghapuskan prasangka terhadap kesucian agama Islam. Bahkan ABIM juga diundang dalam dialog seumpama itu di peringkat antarabangsa.

Kerajaan sepatutnya tidak melayan tuntutan yang berasaskan pemikiran yang cetek dan perasaan hasad dengki dari setengah-setengah pemimpin belia pemerintah dengan melenyapkan potensi yang penting untuk masa hadapan negara kita. Kerajaan tidak seharusnya menggunakan alasan menguatkuasakan peraturan Pertubuhan semata-mata tanpa menunjukkan niat yang baik kerana pemimpin-pemimpin ABIM juga mempunyai alasan undang-undang untuk mencabar perintah daripada Pendaftar Pertubuhan itu. Tetapi masalahnya bukan sahaja berkaitan dengan peraturan tersebut, masalah yang dihadapi ialah masalah good faith, masalah pendekatan yang adil, masalah tanggungjawab yang berteraskan keinsafan dan bukan berteraskan kekuasaan semata-mata. Kerajaan sebenarnya tidak untung sedikitpun jika Kerajaan menjadikan pertubuhan dakwah seperti ABIM ini sebagai musuh baik dari segi keselamatan mahupun untuk kebaikan masa hadapan negara ini. Kerajaan selalu menyeru rakyat untuk bertoleransi dalam hubungan antara pemeluk-pemeluk agama dan seruan itu dilaksanakan oleh ABIM

tetapi apa yang ditunggu oleh orang ramai ialah sejauh manakah Kerajaan dapat menerima kritik-kritik terhadapnya dengan lapang dada dan fikiran yang terbuka justru Kerajaan menyedari tindakan-tindakan yang dilaksanakan seperti yang saya katakan bukan diterima menerusi wahyu secara langsung daripada Allah subhanahuwa taala.

Tuan Yang di-Pertua, masalah keselamatan seperti yang saya katakan tadi melibatkan peranan penting setiap golongan rakyat tanpa mengira fahaman politik mereka. Dalam hal ini asas perpaduan secara berkesan perlu diambil bukan tindakan-tindakan provokatif dan penindasan untuk menghapuskan golongan-golongan yang berbeza pendapat dengan Kerajaan kerana adalah sia-sia sekiranya Kerajaan meletakkan strategi untuk perpaduan dengan cara menindas dan menekan dengan tujuan untuk menghapuskan golongan-golongan yang berpandangan dan berpendirian yang berlainan dengan pendirian Kerajaan tanpa menilai bahawa perbezaan pandangan itu merupakan salah satu unsur-unsur yang menyuburkan idea yang mempelbagai langkah yang dilalui oleh masyarakat untuk kebaikan negara dan ummat. Asas yang penting bagi melahirkan rakyat Malaysia yang bersatu padu ialah menerusi penghayatan secara berkesan kebudayaan nasional yang berasaskan kehidupan peribumi yang berteraskan ajaran Islam sebagaimana yang diputuskan oleh Kongres Kebudayaan yang telahpun diterima rumusannya oleh Kerajaan.

Peruntukan \$17 juta untuk kebudayaan dan kegiatan-kegiatan belia dan sukan memampukan Kerajaan tidak begitu bersungguh-sungguh untuk membentuk kebudayaan nasional itu. Ini mungkin dilahirkan dari salah faham Kerajaan tentang maksud kebudayaan itu sendiri. Kerana dari kegiatan-kegiatan yang lalu dan saya telahpun menyuarakan perkara salah faham terhadap kebudayaan ini di masa-masa yang lalu bahawa kegiatan-kegiatan kebudayaan yang dilakukan oleh Kerajaan ditumpukan hanya kepada soal-soal tari menari dan hiburan-hiburan semata-mata tetapi sebenarnya masalah kebudayaan ini menyentuh tentang soal cara hidup masyarakat Malaysia dan cara hidup itu hendaklah diasaskan kepada asas-asas yang murni dan untuk menegakkan asas-asas yang murni itulah hendaknya dijadikan penumpuan di dalam pembinaan dan

pembentukan kebudayaan nasional dan kerana itu dengan pertukaran dan dengan kedatangan Menteri Kebudayaan yang baru kita harapkan bahawa suatu langkah positif, satu langkah yang berdasarkan penilaian-penilaian ilmiah yang berasaskan kepada nilai-nilai yang telah ditetapkan di dalam ciri-ciri kebudayaan yang penting itu hendaklah diteroka hendaklah dilaksanakan dan adalah sia-sia sahaja wujudnya sebuah Kementerian Kebudayaan sekiranya kegiatan-kegiatannya itu terus berlaku di sekitar menciptakan tari menari semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, keamanan negara itu adalah berkaitan dengan dasar-dasar luar dan sikap negara kita di dalam menghadapi persoalan-persoalan international, persoalan-antarabangsa yang mana pendirian-pendirian yang telah kita ambil itu boleh mempengaruhi keadaan dan boleh mempengaruhi suasana yang mungkin akan mendedahkan kita atau melibatkan negara kita di dalam pertikaian-pertikaian yang boleh mencabar dan boleh mengganggu keselamatan negara kita. Di dalam perbincangan-perbincangan mengenai dasar Luar Negara kita khususnya pendirian negara kita mengenai masalah Kampuchea dan daripada jawapan-jawapan dari pihak yang bertanggungjawab dalam merumuskan dasar-dasar luar negara kita saya nampak bahawa pendirian-pendirian kita tentang beberapa masalah international adalah tidak meyakinkan dan pendirian yang tidak kukuh dalam menghadapi masalah-masalah antarabangsa khususnya masalah-masalah yang dihadapi di rantau ini khususnya mengenai masalah Kampuchea.

Kerajaan berpendapat bahawa ia mengambil satu sikap yang berasaskan kepada suatu prinsip yang dikira sebagai kukuh iaitu Kerajaan ataupun Malaysia tidak menerima sebuah Kerajaan yang dipaksakan kepada rakyat Kampuchea oleh negara luar. Memang benar bahawa pendirian itu adalah pendirian yang wajar dalam hubungan international. Di dalam pembentukan Kerajaan-kerajaan di dunia ini tidak seharusnya ada campurtangan dari luar negeri dan rakyat tiap-tiap negeri itu harus diberi kebebasan untuk memilih Kerajaan mereka sendiri. Tetapi apa yang meragukan banyak kalangan ialah dasar yang seperti itu sebenarnya bukanlah berdasarkan kepada prinsip yang telah dinyatakan dengan sebenarnya kerana orang mem-

persoalkan tentang sokongan Kerajaan kita terhadap pemerintahan-pemerintahan boneka di negara-negara Indo-China sebelum daripada ini. Ada kalangan-kalangan menyatakan bahawa di dalam menentukan dasar-dasar luar ini Kerajaan kita tidak mempunyai suatu kebebasan dan terikat dengan pandangan-pandangan daripada negara-negara ASEAN dan dipengaruhi pula oleh saranan-saranan dan sikap daripada Singapura, pandangan-pandangan yang lebih mementingkan masa hadapan Singapura lebih daripada menjaga kepentingan negara kita sendiri. Keraguan setengah-setengah kalangan terhadap pendirian dan sikap Kerajaan kita dilihat pula daripada peristiwa di Afghanistan di mana Kerajaan terus mengaku wujudnya sebuah Kerajaan boneka Babrak Karmal yang ditegaskan oleh Russia dan Kerajaan tidak secara tegas memberi sokongan yang penuh kepada mu'ahiddin-mujahiddin yang menentang golongan-golongan atau yang menentang Kerajaan boneka Babrak Karmal itu dan ini sebenarnya telah mengecewakan umat Islam di negara ini khususnya dan pejuang-pejuang Islam yang telah mengorbankan harta benda mereka dan jiwa mereka untuk mempertahankan negara Islam di Afghanistan itu sendiri.

Dengan sebab itu maka Kerajaan hendaklah merangka suatu dasar yang lebih jelas mengenai hubungan Malaysia dengan negara-negara asing dan melihat secara yang lebih teliti, melihat secara yang lebih wajar terhadap perkembangan-perkembangan dan peristiwa-peristiwa yang berlaku di dalam dunia terutamanya yang berkaitan dengan perkembangan di rantau ini. Kerajaan tidak seharusnya mengambil sikap memihak di antara golongan-golongan yang bertentangan di Kampuchea itu tetapi hendaklah menumpukan ke arah mewujudkan keamanan di Kampuchea itu sendiri tanpa memihak kepada mana-mana dan tanpa menimbulkan kecurigaan dari pihak yang lain dan jika sekiranya kita melihat dari segi kekejaman-kekejaman yang dilakukan oleh kedua-dua pihak itu dengan tindakan-tindakan yang bertentangan dengan hak-hak asasi manusia maka sudah tentulah kita tidak boleh memberikan sokongan kepada mana-mana pihak di dalam pertikaian di Kampuchea itu.

Tuan Yang di-Pertua, setengah-setengah negara telah memberi sokongan kepada pendirian ASEAN atau khususnya pendirian Malaysia. Ini semata-mata berdasarkan kepada kepentingan ekonomi dan politik mereka semata-mata dan bukan berdasarkan kepada prinsip yang telah digariskan oleh ASEAN.

Saya telah berbincang dengan seorang diplomat sebuah negara yang diwakili ke negara kita ini tentang sikap negaranya terhadap pendirian Malaysia mengenai masalah di Kampuchea. Pada mulanya beliau menerangkan kepada saya bahawa sokongan itu adalah diasaskan kepada prinsip yang telah ditetapkan atau prinsip yang telah diterima oleh negara-negara ASEAN juga iaitu negara itu juga turut tidak menerima wujudnya sebuah Kerajaan yang ditegakkan oleh negara yang lain. Tetapi apabila saya mendedah atau menanyakan kepadanya mengenai sikap negaranya menyokong boneka-boneka ataupun Kerajaan-kerajaan boneka yang telah ditegakkan oleh Amerika Syarikat maka beliau berkata bahawa Kampuchea itu sebenarnya beribu-ribu batu jauhnya daripada kami dan apa yang berlaku di Kampuchea itupun tidak sangat memberi kesan kepada keselamatan kami. Tetapi yang pentingnya kami menyokong ASEAN ini kerana menjaga kepentingan kami, barang-barang kami banyak dipasarkan di ASEAN dan kami perlu menjaga hubungan baik dengan negara-negara ASEAN ini dan oleh kerana ASEAN mempunyai pendirian seperti itu maka kami menyokongnya semata-mata untuk menjaga kepentingan kami. Ini bermakna bahawa langkah yang diambil, sokongan yang diberikan itu bukan berdasarkan kepada prinsip yang telah ditetapkan tetapi hanya berdasarkan kepada kepentingan mereka sahaja. Apakah kepentingan yang didapati untuk keamanan Malaysia sekiranya Kerajaan telah mengambil langkah untuk memihak kepada satu-satu golongan. Saya suka mencadangkan kepada Kerajaan bahawa langkah yang sebaiknya ialah memberikan priority ke arah usaha-usaha untuk mewujudkan suasana aman di Kampuchea itu supaya masalah keselamatan di dalam negara kita dapat dijamin dan suatu keadaan yang baik, hubungan yang baik di antara Malaysia dan juga negara-negara itu dapat dilaksanakan dan dapat diwujudkan demi kepentingan umat manusia seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira itu sahaja-lah pandangan yang dapat saya sampaikan di dalam perbincangan ini dan saya sudah dengan wassalam.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Ayer Hitam.

5.55 ptg.

Dr Hee Tien Lai (Ayer Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Ucapan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 17hb Oktober, 1980. Saya juga sokong sepenuhnya usul yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dan saya yakin bahawa usul-usul itu akan menjamin bagi mengadakan satu rancangan pembangunan Malaysia Keempat yang baik dan akan membawa kejayaan kepada pembangunan negara kita.

Tuan Speaker, tetapi untuk melaksanakan dengan jayanya projek-projek pembangunan yang telah dibentangkan di dalam Ucapan Belanjawan itu saya merasa bahawa adalah banyak tempat-tempat dalam sistem pentadbiran kita yang perlu diberikan muka yang baru dan jentera pentadbiran yang diberikan tenaga yang baru untuk menampung masalah-masalah yang akan dihadapi pada masa yang akan datang.

Tuan Speaker, satu aspek dalam masalah ini ialah mengenai satu isu yang saya fikir adalah penting iaitu mengenai ketidak-samaan (non-uniformity) dalam ejaan nama bapa (Surname) untuk orang Cina di dalam negara ini. Oleh kerana masalah ketidak-samaan ejaan nama ini sudah menjadi satu kekeliruan dan satu bentuk masalah pentadbiran yang besar. Saya telah menemui banyak kes-kes pemohon orang Cina untuk mendapatkan paspot antarabangsa tetapi permohonan mereka telah ditolak kerana ejaan lama di kad pengenalan adalah berbeza daripada sijil kerakyatan walaupun dalam perkataan Cina adalah satu perkataan sahaja walaupun ejaannya berlainan.

Saya ingin memberi contoh di sini supaya perkara ini menjadi lebih jelas. Seumpamanya seorang Kong Fu yang nama bapanya dikatakan "Chong" tetapi "Teoh" dalam Hokkien dan "Chang" dalam Mandarin.

Satu lagi contoh ialah "Tan" iaitu nama bapa yang biasa ini di dalam bahasa daerah (dialect) Hokkien. Tetapi "Chan" dalam Kong Fu dan "Chin" di dalam Hakka.

Tuan Speaker, adalah satu contoh yang paling menarik iaitu adalah satu keluarga adik beradik empat orang, semua nama bapanya adalah lain. Satu "Kuok", satu "Kok", satu "Kerk" dan satu "Kek". Tetapi yang sebenarnya semuanya adalah datang daripada satu perkataan Cina sahaja.

Tuan Speaker, perkara ini berlaku kerana orang Cina biasanya menggunakan bahasa daerah untuk melaporkan nama anak-anaknya semasa membuat laporan untuk mendapatkan sijil kelahiran. Apabila seorang bapa membawa anak-anaknya ke pejabat-pejabat yang berkenaan dia menggunakan bahasa daerah. Oleh kerana itu telah diberitahu bahawa setiap bulan umpamanya bulan Julai tahun ini pihak Pejabat Pendaftaran telah terpaksa membetulkan tidak kurang daripada 1,000 lebih kes yang salah ejaan dan salah teknikal seperti itu.

Saya fikir masa ini adalah membazir, kalau boleh saya cadangkan bahawa Kerajaan adopt atau menerima satu sistem, satu senarai yang standardise yang mana ejaan-ejaan nama bapanya adalah berasaskan pada bunyi Mandarin sahaja seperti "Tan" menjadi "Chan" iaitu dengan ejaan romanise dalam bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia. Jika cadangan ini dapat diluluskan dan diterima oleh Kerajaan, ini akan menghapuskan banyak kekeliruan dan kesulitan dari segi pentadbiran dalam berbagai hal nama orang Cina di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga memahami bahawa selain daripada nama orang Cina, nama orang Melayu dan juga orang India menghadapi masalah yang sama. Saya juga sedar bahawa untuk melaksanakan cadangan ini memanglah satu kewajipan yang besar oleh kerana ini akan melibatkan tidak kurang daripada 4 juta orang Cina di dalam negara kita, tetapi saya fikir perkara ini patutlah diberikan perhatian yang perlu oleh kerana langkah-langkah yang boleh diambil akan menyelesaikan satu masalah yang sudah lama dalam negara kita. Kita boleh menyalahkan bahawa jentera pentadbiran kita adalah salah kerana saya tahu ada Pegawai-pegawai Keluaran (Issuing Officer) ada sedikit lalai dalam tugasnya. Di sini saya ingin memberikan satu contoh yang mana

kes-kes ini senang berlaku seperti orang tua membawa bayinya kepada Pegawai Keluaran dan nama anaknya adalah Ong Tai Heng tetapi oleh kerana pegawai itu lalai sedikit atau kurang mengambil perhatian yang teliti, maka dia catit nama itu seperti 'Wong Tai Hing' jadi 'Ong' sudah menjadi 'Wong'. Oleh kerana orang tua ini mungkin dia tidak pandai membaca Bahasa Malaysia atau ABC dia memang tidak tahu ejaan nama bapanya sudah salah. Selepas 12 tahun apabila anak itu terpaksa mengambil Kad Pengenalan baharulah dia tahu ejaan namanya sudah salah. Tuan Yang di-Pertua, saya minta pihak Pejabat Imigresen dan Pejabat Pendaftaran supaya mengambil satu langkah yang sederhana untuk mengatasi masalah ini oleh kerana pada masa ini juga kebanyakan pemohon-pemohon paspot dan sebagainya tidak dapat diluluskan oleh kerana kesalahan teknikal yang kecil sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara ialah mengenai Rancangan Malaysia Keempat yang akan dilancarkan pada tahun 1981. Saya penuh yakin bahawa untuk memenuhi pencapaian yang besar di bawah Rancangan Malaysia Keempat adalah penting sekali untuk jentera pentadbiran di negara kita dapat dikokohkan lagi kerana tugas yang besar di hadapan kita, kita patutlah menentukan bahawa perkhidmatan awam kita menjadi satu badan yang dinamis dan patutlah diberikan arahan (perspective) yang betul dan direction yang betul untuk menambahkan lagi kecekapan pihak-pihak pentadbiran awam. Pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru kebanyakannya bergantung kepada perkembangan ekonomi dan Kerajaan kita sedang mengambil langkah yang sewajarnya untuk menentukan bahawa orang Melayu boleh menikmati satu cake economy yang makin hari makin bertambah dan bahagian ekonomi yang bukan Melayu walaupun patut diberi kepada mereka adalah datang dari satu tick yang bertambah besar setiap hari. Saya sebutkan contoh ini kerana saya tahu bahawa kakitangan Kerajaan pada masa melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, mereka mempunyai konsep constant pie atau konsep bahawa cake ini adalah satu size sahaja tidak bertambah besar. Saya fikir konsep ini adalah tidak baik untuk pembangunan projek-projek negara kita.

Saya fikir kakitangan Kerajaan untuk memainkan peranan yang berkesan patutlah mereka tidak dipengaruhi oleh perasaan

perkauman dalam memainkan peranan mereka. Ini adalah menentukan bahawa mereka boleh mempersembahkan satu imej yang baik, satu imej yang berkecuali, adil dan saksama kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan awam kita saya percaya adalah rigid dan insensitive kepada perubahan dan bureaucracy kita sudah menjadi satu instrument untuk, dengan izin, for maintaining the status quo rather than of modernisation and change. Ini bermakna sistem bureaucracy kita nampaknya sudah beberapa tahun tidak berubah sikap, tidak ada modenisasi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pengalaman saya sendiri, saya tahu pentadbiran biasanya mengikut cara perseorangan iaitu cara yang tidak rasmi atau perhubungan perseorangan biasanya lebih berkesan daripada cara yang rasmi. Saya ingin memberi satu contoh kalau saya ingin mendapatkan sebatang jalan di kawasan saya dibaiki, saya berpengalaman lebih senang kalau ambil telefon menelefon pihak Jurutera JKR kalau bandingkan membawa perkara ini kepada Majlis Tindakan Daerah dan sebagainya. Memang kita tahu kakitangan Kerajaan kita menjalankan tugas mereka dalam satu sistem, syarat-syarat dan undang-undang tetapi kita juga tahu dalam negara kita biasanya syarat-syarat atau undang-undang ini boleh dibengkok, can be bent and adjusted to the needs seperti sebuah kenderaan ambulan yang dipandu membawa seorang pesakit yang kuat ke hospital. Ini memang kita tahu kenderaan ambulan ini boleh rushed through the traffic lights, ini memang kita tahu, ini telah dibenarkan tetapi sampai masanya apabila ambulan ini ada kosong, tidak ada pesakit, nampaknya ambulan ini pun boleh rushed through the traffic lights. Ini salah satu contoh yang mana dikatakan our regulation can be bend (bengkok) seperti getah negara kita.

Tuan Speaker, interpretasi dan tadbir syarat-syarat dan regulasi-regulasi oleh kakitangan Kerajaan adalah berbeza di antara satu pegawai dan satu pegawai lain seperti seorang yang minta pertolongan daripada seorang kakitangan Kerajaan oleh kerana syarat-syarat itu mengatakan permohonan ini tidak boleh diluluskan tetapi penolakan ini adalah biasa dianggap oleh pemohon-pemohon sebagai kakitangan Kerajaan ini enggan memberi pertolongan kepadanya. Dan

juga kakitangan Kerajaan kita biasanya membuat keputusan kepada status dan pengaruh individu-individu yang berkenaan. Biasanya walaupun syarat-syarat tidak boleh digunakan untuk satu keadaan, pihak pegawai-pegawai Kerajaan boleh menggunakan regulation yang lain untuk cover the case. Ini memang adalah everyday practice.

Tuan Speaker, saya ingin beri contoh di sini yang mana seorang jawatan tinggi di bandar dia boleh pergi ke bandar-bandar untuk mengutip derma tanpa kebenaran permit Polis walaupun kita tahu ini patutlah diadakan daripada pihak Polis.

Lagi satu perkara ialah sebelum seorang kakitangan membuat keputusan dia memang mahu mengkaji latar belakang pemohon itu. Kalau orang yang influential keputusan adalah lain. Ini adalah memang benar dan kita tidak boleh nafikan bahawa contact, tali (strings) ini pun penting sekali untuk menjayakan satu permohonan.

Saya tahu juga sudah jadi satu kebiasaan bahawa seorang ingin pergi ke sebuah pejabat untuk memohon sesuatu walaupun dia tidak tahu pegawai yang berkenaan itu, dia tidak kenal kepada pegawai yang berkenaan itu, biasanya menggunakan orang lain yang kenal dia untuk get things done, untuk dapat apa yang dia mahu.

Satu contoh yang selalu kita hadapi ialah kalau kita ingin mempercepatkan sesuatu permohonan untuk membawa fail-fail kita, daripada fail yang besar bawa ke atas, kita hanya ingin perlu tahu 1-2 orang sahaja dalam pejabat itu kita boleh dapat fail itu float to the top. Ini memang betul, Tuan Speaker.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh beri Jalan?

Dr Hee Tien Lai: Boleh.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya faham apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, tetapi saya fikir kalau beliau boleh lebih spesifik supaya jangan perkara ini diumumkan.

kan kepada kesemua pegawai-pegawai Kerajaan oleh kerana nanti pegawai-pegawai kita di belakang memiikirkan semua pegawai Kerajaan bersifat demikian.

Dr Hee Tien Lai: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Mungkin dalam ucapan saya, saya sudah lupa sebutkan bahawa setengah-setengah pegawai, bukan semua, minta maaf.

Tuan Speaker, sebagai Wakil Parlimen beberapa kali saya menghadapi kesulitan untuk menjalankan tugas saya seperti membawa orang untuk mempercepatkan satu perkara lain tetapi saya nampak ada agen-agen biasanya dalam pejabat itu yang boleh dapat perkara ini selesai dengan senang daripada seorang MP, saya berasa segar. Ini pengalaman saya sendiri.

Tuan Speaker, dalam observation saya sendiri setengah-setengah pegawai adalah kurang berani dalam menjalankan tugas-tugas mereka. Mereka merasa kurang selamat untuk membuat keputusan (decision making) dan biasanya pegawai-pegawai yang memainkan peranan yang lebih rendah (subordinate roles) dia tidak mahu buat keputusan oleh kerana mereka percaya bahawa kalau dia buat keputusan yang salah dendanya mungkin berat tetapi kalau dia mengelak tindakan langsungnya, ini tidak salah, no action done, no fault. Saya fikir kalau satu keputusan yang dibuat adalah baik biasanya pegawai yang tinggi yang dapat nama baik. Ini saya fikir adalah satu masalah sikap di antara setengah-setengah pegawai-pegawai Kerajaan yang berkenaan.

Di sini saya ingin juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah mengarahkan penggunaan sistem komputer dalam negara kita dan saya percaya dan penuh yakin bahawa dengan adanya on line computer technology, digital calling system dan lain-lain memanglah kecekapan dan mutu perkhidmatan kepada orang ramai akan bertambah baik. Tetapi saya juga ingin menegaskan di sini bahawa selain daripada computer, air-conditioning dan lain-lain sikap pegawai-pegawai Kerajaan kita pun penting sekali dari segi modernisation. Memang adalah pegawai-pegawai yang sikap mereka sebagai tuan besar, kerani besar dan colonial

style masters memang ada lagi dan saya fikir dengan sikap yang sombong ini tidak memberi baik kepada era computerisation. Yang sebenarnya membawa sistem-sistem komputer dan lain-lain tidak berguna, sia-sia dan berkelebihan, it becomes superfluous. Kita memang memerlukan pegawai-pegawai yang dedikasi, yang berani atas tanggungjawab mereka.

Di sini pada akhirnya saya fikir kejayaan Rancangan Malaysia Keempat yang akan datang bergantung kepada implementasi atau kesannya Dasar Ekonomi Baru dan ini adalah datang dari satu tempat penjelasan yang ikhlas, interpretation matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru daripada kaki-angan Kerajaan kita dan bukan daripada satu shortsighted, "tidak apa" attitude terhadap mana yang benar dan maksud yang benar itu.

6.20 ptg.

Dr Wong Soon Kai (Sibu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan kepada dasar-dasar am dan pentadbiran Kerajaan berhubung dengan Rang Undang-undang Perbekalan, 1981 ini.

Pada umumnya adalah terdapat sambutan baik keseluruhan negara berkenaan Belanjawan tahun 1981 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 17hb Oktober. Kemampuan Malaysia menetapkan kira-kira 8% perkembangan ekonomi dalam tahun 1980 dan mengukuhkan angka tunjuk harga pengguna (consumer price index) tidak lebih daripada tambahan 7% setahun dalam menghadapi kemerosotan ekonomi di seluruh dunia dan inflasi yang meluas adalah sesungguhnya kejayaan yang besar dan ini menggambarkan keupayaan dan dasar ekonomi serta pentadbiran yang bijak Kerajaan Barisan Nasional.

Saya ingin menyatakan di sini sokongan penuh saya di atas strategi Belanjawan, 1981 iaitu:

- (1) Untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi di tahap yang tinggi.
- (2) Untuk membendung inflasi dalam negeri.
- (3) Memberi manfaat terutama sekali kepada golongan-golongan yang berpendapatan rendah dan kepada pengusaha-pengusaha kecil (small man).

Belanjawan bagi tahun 1981 seperti dibentangkan minggu lalu telahpun diterima oleh orang-orang yang akan beruntung besar daripadanya seperti pekebun kecil getah, pesawah-pesawah padi dan peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha kecil dengan penuh semangat dan harapan yang gembira. Akan tetapi ada banyak rakyat Sarawak tidak merasa gembira dengan Belanjawan tersebut.

Sebenarnya sebahagian besar kependudukan dalam negeri Sarawak merasa keciwa kerana sambil saudara-saudara mereka di Semenanjung Malaysia iaitu pekebun kecil getah dan pesawah-pesawah padi adalah mendapat perhatian kemurahan hati Kerajaan belum terdapat sebarang yang konkrit di dalam Belanjawan itu untuk membawakan faedah kepada mereka di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk khususnya kepada dua golongan rakyat di Sarawak iaitu:

- (a) Pekebun-pekebun lada.
- (b) Penternak-penternak (live stock producers)

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh pekebun-pekebun lada, izinkan saya memberi gambaran kedudukan masa sekarang terhadap perusahaan lada di Sarawak. Amatlah ada benarnya bahawa pekebun lada sekarang di dalam keadaan yang susah disebabkan kedudukan ekonomi dunia semasa.

Baru-baru ini harga-harga in-put pertanian khususnya baja dan lain-lain bahan kimia pertanian telah meningkat tetapi harga lada telah jatuh ke paras yang paling rendah sekali. Semua pekebun lada di Sarawak adalah pekebun kecil yang berjumlah lebih kurang 27,000 keluarga. Lebih separuh dari mereka adalah orang bumiputra dalam tahun-tahun yang lalu dengan bekerja kuat mereka telah memajukan penanaman lada dan menjadikan ladang-ladang mereka sebagai sebuah ladang pertanian yang paling baik sekali di negeri Sarawak dan juga menjadikan Malaysia sebuah negara pengekspor lada yang terpenting di dunia.

Sekarang pekebun-pekebun ini sedang mengalami penderitaan yang besar dengan prospek masa hadapan yang gelap kerana tekanan kos pengeluaran dan hasil yang berkurangan bagi pengeluaran mereka. Memandangkan kepada keadaan ini jika tidak ada

tindakan positif dari Kerajaan diharapkan untuk menolong mereka pada saat ini ramai akan meninggalkan ladang lada yang maju untuk mengejar perusahaan lain yang mungkin lebih beruntung dan amat sedikit jika ada akan berusaha dalam penanaman lada baru. Jika ini terjadi sebahagian besar bilangan penduduk luar bandar di Sarawak dianggarkan lebih dari 135,000 orang tentulah tidak begitu gembira. Malaysia akan kehilangan kedudukan pentingnya dalam pasaran lada dunia dan dalam jangka panjang negara kita akan terjejas dengan kerugian.

Kos pengeluaran lada adalah dianggarkan telah meningkat kira-kira 20% dibandingkan dengan setahun yang lalu di mana harga-harga bagi lada hitam dan putih telah jatuh kira-kira 20% dibandingkan dengan tahun yang lalu. Misalnya kos pengeluaran bagi lada hitam adalah bawah daripada \$130 sepikul setahun yang lepas dan sekarang dianggarkan \$170 sepikul manakala bagi lada putih \$160 sepikul setahun yang lepas sekarang adalah lebih \$200 tidak termasuk kos pengangkutan dan kerosakan oleh penyakit-penyakit.

Apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan memperkenalkan kadar duti eksport baru bagi lada pada satu tahun lalu beliau telah menerangkan dengan jelas di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan akan hanya mengenakan duti eksport ke atas komoditi pertanian seperti lada dengan prinsip cost plus iaitu duti eksport dari paras harga kos pengeluaran campur sekadar keuntungan yang menasabah. Memandangkan ke atas prinsip ini saya rasa adalah menasabah untuk mengharapkan Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya menyesuaikan paras harga duti itu yang paling rendah bagi lada dengan sewajarnya.

Sekiranya formula tersebut seperti untuk tahun 1979 dikenakan paras yang disesuaikan, ini akan menjadikan lada pada harga masa sekarang tidak dikenakan sebarang duti eksport. Akan tetapi Kerajaan masih boleh membendung duti eksport dan mengharapkan sejumlah pendapatan darinya apabila harga lada kembali ke paras yang lebih tinggi pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya semua rakyat yang taat setia akan bersetuju kepada prinsip tanggungjawab menyumbang.

kepada pendapatan negara kita sekiranya mereka mampu berbuat demikian. Oleh itu

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat ada hendak sambung banyak lagi ataupun setakat itu sahaja?

Dr Wong Soon Kai: Panjang lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Berapa panjang lagi?

Dr Wong Soon Kai: 20 minit.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau begitu Yang Berhormat, masa sudah cukup hari ini, saya jemput Yang Berhormat sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari esok, Jumaat, 24hb Oktober, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.